



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1189]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 1276]

Ucapan Terima Kasih kepada bekas Yang di-Pertua Y.B. Tan Sri Ismail Khan dan bekas Timbalan Yang di-Pertua Y.B. Tan Sri Dato Suleiman Ninam Shah [Ruangan 1277]

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 1326]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) [Ruangan 1297]

Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan) [Ruangan 1327]

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) [Ruangan 1335]

PARLIMEN KEENAM DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).

„ Timbatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).

„ Timbalan Yang di-Pertua,

„ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).

„ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (DILANTIK).

„ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).

„ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).

„ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).

„ DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak).

„ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).

„ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik).

„ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).

„ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).

„ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

„ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).

„ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* UM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD (Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Rabu, 24hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Pengerusi *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**SISTEM LPG DI KERETA
PROTON SAGA**

1. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau ada cadangan untuk melengkapkan sistem LPG di kereta-kereta Proton Saga yang akan keluar tidak lama lagi memandangkan bahawa penggunaan gas adalah lebih murah dan lebih bersih iaitu tidak mengeluarkan asap seperti yang terdapat di kereta yang menggunakan petrol dan diesel.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, Proton ada mempunyai rancangan untuk melengkapkan sistem LPG di kereta Proton Saga pada awal tahun 1986.

**SISTEM KEJARA-PUNGUTAN
DENDA**

2. Puan Hajjah Nen Abidah binti Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah denda yang telah dipungut daripada pemandu-pemandu kenderaan kerana melanggar undang-undang lalulintas semenjak sistem KEJARA dikuatkuasakan dan sama

ada kadar kemalangan jalanraya telah dapat dikurangkan semenjak sistem ini dikuatkuasakan berbanding dengan tempoh yang sama sebelum penguatkuasaan sistem ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman); Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah denda (compound) yang telah dipungut daripada pemandu-pemandu kenderaan kerana melanggar Undang-undang Lalulintas Jalan semenjak Sistem KEJARA dikuatkuasakan pada 1hb April, 1984 sehingga 31hb Disember, 1984 ialah sebanyak \$6,570,530 yang dipungut oleh pihak Polis; sementara pihak Jabatan Pengangkutan Jalan pula telah memungut sebanyak \$1,862,885.

Walaupun jumlah bilangan kemalangan jalanraya tidak berkurangan semenjak Sistem KEJARA ini dikuatkuasakan berbanding dengan tempoh sebelum penguatkuasaan sistem ini, tetapi bilangan kematian dan kecederaan aklbat daripada kemalangan jalanraya telah berkurangan. Angka-angka kemalangan bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

Jumlah kemalangan daripada 1hb April, 1983 sehingga 31hb Disember, 1983 — 54,924 berbanding dengan 1hb April, 1984 sehingga 31hb Disember, 1984 ialah 55,590;

Kematian 1,729 daripada 1hb April, 1984 sehingga 31hb

Disember, 1984 berbanding dengan 1hb April, 1983 sehingga 31hb April, 1983;

Kecederaan pula daripada 1hb April, 1984 hingga 31hb Disember, 1984 ialah 15,629 berbanding dengan tahun 1983 — 16,452.

Kekesan Sistem KEJARA tidak dapat dikesan atau dirasai sertamerta dalam tempoh masa yang singkat tetapi mungkin selama dua tahun ianya dilancarkan dan dikuatkuasakan, kekesanannya akan mula dapat diketahui.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa banyak kenderaan-kenderaan yang tidak berdaftar di Malaysia didapati melakukan kesalahan lalulintas mengikut Sistem Lalulintas kita dan kemungkinan kesalahan-kesalahannya termasuk didalam Sistem KEJARA. Yang keduanya, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan berapa banyakkah kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan-kenderaan yang tidak berdaftar di Malaysia?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah tidak berdaftar sukarlah bagi kita hendak mengesan kesalahan-kesalahannya. Oleh itu saya tidak ada jawapan bagi soalan nombor 2.

Puan Hajjah Nen Abidah binti Abdullah: Soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Menteri yang berkenaan iaitu semenjak Sistem KEJARA ini dilaksanakan adakah ianya berkesan? Kedua, berapakah jumlah pemandu yang telah dikesan bersabit kesalahannya. Ketiga, berapa lamakah surat notis kesalahan lalulintas itu disampaikan kepada seseorang yang telah melakukan

kesalahan dan apakah surat notis tersebut tidak menyebutkan di mana kesalahan itu dilakukannya.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebut tadi masalah kekesanan Sistem KEJARA ini memang tidak dapat kita kesan kerana masanya singkat, kerana kita baru sahaja memulakan pada 1hb April, 1984 ini. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, bilangan pemegang lesen memandu yang melakukan kesalahan pada tahun 1983 - kereta bersendirian ialah 2,138; 1984 - 1,546; lori-lori pada tahun 1983 - 12,775 dan pada tahun 1984 - 15,059; bas-bas pada tahun 1983 - 2,841 dan tahun 1984 - 3,299; teksi-teksi pula ialah, pada tahun 1983 — 1,651 dan pada tahun 1984 ialah 1,209.

Surat notis yang disampaikan apakala didapati kesalahan itu berlaku sama ada Polis atau pihak JPJ akan terus mengenakan saman, mengikut Kaedah-kaedah Lalulintas Jalan mengikut Seksyen 45A yang kita pinda pada tahun 1982, notis yang kita berikan ialah satu minggu dan jika habis tempoh itu pegawai tersebut boleh ditambah masanya.

Puan Hajjah Nen Adibah binti Abdullah: Soalan tambahan. Saya tidak puas hati di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kesalahan itu dilakukan tahun 1984 tetapi tiba notisnya pada bulan April, 1985.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi bahawa mengikut seksyen ini walaupun notis itu telah disampaikan kepada yang berkenaan, pihak Polis ataupun JPJ boleh menyambung masa itu setelah penyiasatan selesai dibuat.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ataupun memikirkan kenderaan-kenderaan yang tidak mendaftar ataupun menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyasat hal yang sedemikian. Ini lanjutan daripada soalan daripada rakan saya tadi, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom. Jikalau sedar, saya rasa perkara kenderaan yang tidak mendaftar ini juga adalah satu perkara mustahak oleh kerana Kementerian yang berkenaan patut memikirkan cara mana kita dapat mengesan kenderaan-kenderaan yang tidak berdaftar yang diseludupkan daripada luar negeri ke negara kita ini. Inilah saya rasa tanggungjawab yang patut diselesaikan oleh Menteri yang berkenaan. Saya tahu jawapannya oleh kerana perkara ini detail, beri notis seminggu. Itu barangkali jawapan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tinggal lagi saya berharap soalan saya, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa ataupun seorang pegawai khas bertugas untuk itu sahaja?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, tidak payah tunggu seminggu atau beri notis untuk hendak beri jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu, sekarang inipun boleh saya beri jawapan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian kita memang menyedari berhubung dengan kenderaan-kenderaan yang tidak berdaftar atau yang dipanggil kereta sapu dan ianya begitu berleluasa terutama lori-lori dan juga kereta-kereta teksi dimerata-rata tempat dan baru-baru ini Kementerian saya sudah mengarahkan Pengarah JPJ Negeri-negeri berkenaan untuk mengemukakan laporan dan senarai kereta-kereta yang dapat dikesan. Sekarang ini kita masih lagi menunggu laporan itu daripada negeri dan insya Allah, diharapkan dapat diselesaikan

pada akhir bulan ini dan kita akan mengambil tindakan-tindakan tertentu.

KAWASAN LUAR BANDAR-KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

3. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah negeri-negeri di Malaysia telah mendapat kemudahan infrastruktur yang sepatutnya sekarang; dan berapa peratuskah pencapaiannya berbanding, dengan perancangan yang telah dibuat; dan bilakah negeri-negeri yang mundur seperti Kelantan, Perlis dan sebagainya boleh mendapat kemudahan-kemudahan infrastruktur yang mencukupi memandangkan negara telah merdeka lebih dari 27 tahun.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah bertanggungjawab bagi mengadakan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar sahaja. Oleh itu, jawapan saya hanya tertumpu kepada penyediaan kemudahan asas dikawasan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat bekalan air luar bandar sehingga akhir Rancangan Malaysia Keempat ialah untuk menyediakan bekalan air luar bandar kepada 60% daripada penduduk-penduduk luar bandar. Sehingga akhir tahun 1984 sebanyak 56.7% penduduk luar bandar telah pun menikmati kemudahan tersebut.

Bagi bekalan elektrik luar bandar matlamatnya ialah 41% dan sehingga kini matlamat tersebut telah pun tercapai.

Mengenai kemudahan jalan raya pula, matlamat di bawah Rancangan Malaysia Keempat ialah untuk membina dan membaiki sepanjang 2,768 kilometer jalan luar bandar dan sehingga akhir tahun 1984 sepanjang 2,200 kilometer telah pun dibina atau dibaiki iaitu pencapaian sebanyak 79.5%.

Jika keadaan kewangan mengizinkan, usaha-usaha akan diperhebatkan lagi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas tersebut secepat mungkin kepada penduduk luar bandar di seluruh Malaysia termasuk di negeri-negeri yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengenal pasti kawasan-kawasan miskin dalam negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan lain-lain.

Saya ingin tahu apakah Kerajaan bercadang hendak memberi bantuan yang lebih dalam Rancangan Malaysia Kelima ini di kawasan-kawasan seperti Padang Terap, Kulim-Bandar Baru, Sik dan Baling sesuai dengan kawasan-kawasan ini kawasan miskin supaya kita dapat mempercepat dan memperbanyakkan pelaksanaan projek kemudahan-kemudahan asas.

Kedua, apakah bantuan-bantuan yang agak istimewa kalau ada yang patut diberikan kepada kawasan-kawasan yang dianggap miskin ini?

Ketiga, apakah rancangan-rancangan yang telah dan akan dijalankan di kawasan-kawasan yang disebutkan tadi dengan lebih positif bukan sahaja dalam projek-projek kemajuan asas tetapi juga dalam bidang-bidang lain terutama sekali projek-projek yang boleh menjamin supaya rakyat di kawasan ini dapat hidup dengan sempurna sesuai dengan kawasan-kawasan yang telah maju?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana juga kita semua sedia maklum, Kerajaan memanglah bermatlamat untuk membantu penduduk-penduduk di kawasan luar bandar untuk mendapat kemudahan asas yang secukup-cukupnya. Tetapi oleh kerana Rancangan Malaysia Kelima masih dalam jangka rangkannya maka tidak dapatlah untuk memberi jawapan secara terperinci kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Uatuk makluman sahaja, dalam rancangan bekalan air luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$654 juta telah diperuntukkan dan bagi Rancangan Malaysia Kelima Kementerian telah mengemukakan permohonan sebanyak \$1,121.6 juta dan bagi bekalan air luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$346.6 juta telah pun dibelanjakan. Dan untuk Rancangan Malaysia Kelima permohonan telah dibuat untuk mendapat peruntukan sebanyak \$580 juta. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan memberi perhatian yang khusus kepada kawasan luar bandar terutama sekali kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi untuk mendapat kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik dan jalan-jalan kampung.

Juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar merancang untuk membawa masuk industri-industri kampung di kawasan-kawasan yang telah pun dikenal pasti.

MUTU SUKAN NEGARA

4. Puan Hajjah Hafsah binti Othman minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa mutu sukan negara yang pada keseluruhannya kian menurun

dan nyatakan sama ada Kerajaan ada mempunyai rancangan jangka panjang untuk meningkatkan mutu sukan negara; dan

- (b) sama ada Kerajaan bercadang untuk menggantikan tenaga pengurusan daripada mereka yang benar-benar berkelibar dan profesional tanpa mempunyai kepentingan peribadi untuk meningkatkan motivasi peserta.

65. Dato Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan tindakan dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk meninggikan mutu sukan negara ini kerana di akhir-akhir ini prestasi dan mutu sukan di negara kita telah merosot.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan 65 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Haji Zakaria bin Haji Yahaya kerana kedua-duanya bermaksud yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebenarnya mutu sukan kita pada keseluruhannya tidak menurun sungguhpun ada beberapa sukan yang kita tertinggal di belakang. Sebaliknya pula ada beberapa jenis sukan di mana mutu sukan dari negara kita adalah lebih baik. Semuanya ini merupakan perkara yang relatif. Beberapa sebab penting mengapa prestasi beberapa jenis sukan tertinggal ke belakang telah dikenal pasti. Antaranya ialah kelemahan struktur dan organisasi Persatuan Sukan berkenaan. Kekurangan motivasi dan

"commitment" pegawai-pegawai dan athlit-athlit bagi sukan-sukan yang berkenaan itu. Kekurangan perancangan yang berdasarkan saintifik dan ilmiah. Kekurangan dari segi bilangan kemudahan-kemudahan perancangan penggunaan kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada, juga merupakan satu daripada sebab-sebab yang melibatkan prestasi. Di samping itu kekurangan jurulatih yang berpengalaman dan berkelayakan merupakan juga sebab yang menjejaskan prestasi di kalangan para athlit kita.

Kerajaan mempunyai beberapa rancangan jangka panjang dan kejayaan perlaksanaannya masih bergantung sebahagian besarnya kepada Persatuan Sukan Kebangsaan dan athlit-athlit sendiri. Rancangan ini boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu organisasi dan struktur, rancangan teknikal seperti kejurulatihan, penggalakan dan kemudahan. Majlis Sukan Negara Malaysia membantu dan menyelaraskan Rancangan Pembangunan Lima Tahun beberapa buah Persatuan Sukan Kebangsaan. Rancangan ini termasuklah rancangan-rancangan pentadbiran dan program teknikal.

Menyusun semula dan memperkemas segala aspek berhubung dengan kejurulatihan termasuk Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan di mana semua jurulatih akan menjalani latihan dan akan memperolehi sijil-sijil. Hanya mereka yang mempunyai sijil-sijil yang diiktirafkan oleh sebuah Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan atau sijil-sijil lain yang diiktirafkan akan menjalankan latihan untuk athlit kelak.

Kerajaan kita sedang mengambil tindakan dalam rancangan penubuhan Institut Sukan Negara. Kerja-kerja pembangunan fizikal akan bermula dengan menyediakan pelan induk di atas sebuah kawasan tanah yang telah pun diperolehi di Wilayah Persekutuan. Institut ini akan menjadi pusat latihan pemimpin, pentadbir dan jurulatih bagi seluruh negara. Ia juga akan menjadi pusat latihan bagi Pasukan-pasukan Kebangsaan dan Pasukan Pelapis Kebangsaan secara sistematik dan pendekatan yang profesional.

- (b) Jika "Tenaga Pengurusan" ini dimaksudkan berhubung dengan pengurusan Persatuan Sukan Kebangsaan maka saya menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang mengenakan paksaan bagi Persatuan-persatuan berbuat demikian tetapi menggalakkannya. Walau bagaimanapun, pada masa ini agensi-agensi Kerajaan memberi berbagai galakan dan penyelarasan serta menekankan betapa pentingnya untuk kepentingan sukan negara bahawa pengurusan dan pendekatan terhadap sukan hendaklah berdasarkan kepada tenaga yang berkelibar dan profesional. Cabaran yang ditimbulkan oleh pihak Kerajaan dan masyarakat dalam hal ini sedang mendapat sambutan daripada beberapa buah Persatuan. Saya berharap persatuan-persatuan sukan di semua peringkat kebangsaan, negeri dan daerah memilih pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai sukan masing-masing hendaklah mengambil perhatian yang serius atas tuntutan dan kehendak rakyat yang ingin melihat mutu sukan yang benar-benar meningkat.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya pinta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang satu pendapat dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang telah mengutarakan bahawasanya pemimpin-pemimpin kerajaan atau pemimpin-pemimpin politik tidak digalakkan mentadbirkan persatuan-persatuan sukan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri siapakah target group ataupun siapakah yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri tentang orang-orang yang tidak digalakkan memimpin Persatuan terutamanya.

Yang kedua, adakah pendapat ini merupakan satu arahan rasmi daripada pihak Kerajaan ataupun sebaliknya?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita baca dalam surat khabar itu tujuannya ialah semata-mata untuk mengelakkan pertubuhan-pertubuhan sukan ini disalahgunakan oleh sesiapa yang ingin berbuat demikian. Sekarang kita bercakap tentang mutu sukan kita menurun dan kita menggalakkan supaya mereka yang memimpin persatuan-persatuan sukan ini merupakan orang yang benar-benar berminat dan berhasrat untuk meningkatkan mutu sukan di negara kita. Sebab itulah kita mengatakan bahawa mereka yang profesional yang mempunyai kelibar, yang berpengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam sukan patut memimpin persatuan-persatuan sukan ini. Jikalau mereka seperti orang-orang politik yang berpengaruh hendak berdamping rapat dengan persatuan sukan itu kita tidak menghalangnya bahkan mereka boleh berbuat demikian, umpamanya hendak menjadi patron atau sebagainya.

Puan Rokiah Zainuddin: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu adakah ataupun apakah

layanan yang istimewa yang diberi kepada Ahi-ahli Sukan Negara sebagai inisiatif untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi meningkatkan mutu sukan di negara kita.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita ada mempunyai satu apa yang dipanggil! sekim perangsang di mana kita memberi bantuan kewangan kepada para athlit yang mempunyai potensi dalam sukan mereka masing-masing. Di samping itu satu anugerah istimewa ialah anugerah olahragawan dan olahragawati yang kita beri pada tiap-tiap tahun kepada mereka yang layak menerimanya dan pada kali ini akan diadakan pada 30 haribulan.

PADI TANAMAN TIGA KALI SETAHUN

5. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau ada cadangan untuk memilih satu jenis padi yang ringan yang boleh mengeluarkan hasil tiga kali dalam setahun yang boleh meninggikan dan menjamin taraf hidup petani-petani.

Timbatan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, jenis padi yang ditanam dua kali setahun sekarang mempunyai tempoh matang di antara 130 hingga 145 hari. Kajian pembaikbiakan (breeding) di MARDI telah mengeluarkan jenis yang tempoh matangnya di antara 110-120 hari yang boleh dipertimbangkan untuk penanaman tiga kali setahun. Setakat ini, daya pengeluaran jenis-jenis ini adalah masih rendah.

Pertingkatkan penanaman padi kepada tiga kali setahun mungkin tidak dapat dilaksanakan di negara ini berasaskan beberapa pertimbangan sungguhpun jika ada jenis yang sesuai. Penanaman padi secara berterusan dengan tidak diberi masa sawah dibiarkan rehat (fallow) boleh

mengakibatkan pembiakan makhlok perosak yang pengawalannya akan menelan kos yang tinggi. Kekurangan air adalah lagi satu faktor yang menjadi penghalang dalam usaha meningkat jumlah penanaman padi setahun.

DOKTOR DAN PENDUDUK- NISBAH

6. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kesihatan menyatakan ratio jumlah pegawai perubatan kepada jumlah penduduk di Malaysia bagi masa sepuluh tahun yang sudah; serta juga ratio jumlah doktor-doktor Bumiputera dengan doktor-doktor bukan Bumiputera buat masa yang sama; dan bilakah ketikanya apabila kedua-dua ratio ini akan menjadi lebih "ideal" atau saksama dari konteks dasar-dasar Kerajaan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, nisbah doktor dan penduduk di Malaysia dalam masa 10 tahun yang sudah adalah seperti berikut. Jawapan ini panjang, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab. Kalau hendak jawapan bertulis, saya beri secara bertulis boleh juga.

<i>Tahun</i>	<i>Nisbah Doktor/ Penduduk</i>
1975	1 : 4655
1976	1 : 4438
1977	1:4296
1978	1 : 4219
1979	1:4190
1980	1 : 3823
1981	1:3661
1982	1 : 3668
1983	1:3517

Dalam tempoh yang sama juga, nisbah doktor-doktor bumiputera dan

doktor-doktor bukan bumiputera ditunjukkan seperti angka-angka berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Nisbah doktor bumiputera/doktor bukan bumiputera</i>
1975	1 : 22
1976	1 : 18
1977	1 : 15
1978	1 : 13
1979	1 : 11
1980	1 : 9
1981	1 : 9
1982	1 : 7-
1983	1 : 7
1984	1 : 5

Matlamat yang dijangka bagi nisbah doktor dan penduduk pada tahun 1990 ialah 1 orang doktor : 2,200 penduduk dan ini diharapkan akan dapat dicapai.

Mengenai nisbah doktor bumiputera dengan doktor bukan bumiputera, nisbahnya telah dikurangkan dari 1: 22 pada tahun 1975 kepada 1: 5 di tahun 1984. Ini menunjukkan improvement. Nisbah ini dijangka dapat dibaiki lagi dalam masa-masa yang akan datang.

TAMAN ASUHAN ISLAM (TASKI)

7. Puan Hajjah Hasanah binti Haji Mohd Kassim minta Menteri Pelajaran mcnyatakan tindakan Kementerian ke atas Taman Asuhan Islam (TASKI) yang wujud tanpa kebenaran pihak yang tertentu, sedangkan tenaga pendidikannya tiada latihan yang khusus untuk kelas tersebut dan cara asuhannya pula ada unsur-unsur anti-kerajaan dan pemimpin-pemimpin Kerajaan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sekarang ini sedang membuat kajian untuk menentukan sama ada Taman Asuhan Islam (TASKI) yang wujud itu tertakluk di bawah Akta Pelajaran 1961 dan perlu didaftarkan atau tidak. Kebanyakan Taman Asuhan Islam yang ada ditubuhkan oleh Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri atau Yayasan Islam Negeri atau badan-badan sukarela adalah dikecualikan pendaftarannya dengan Kementerian Pelajaran, dan bertujuan memberi pendidikan yang bercorak Islam kepada kanak-kanak di peringkat umur pra sekolah. Dalam konteks ini Kementerian Pelajaran sentiasa memastikan bahawa Taman Asuhan Islam ini menjalankan aktivitinya mengikut tujuan yang telah ditentukan sebagaimana yang terkandung di dalam syarat pengecualian. Taman Asuhan Islam yang ditubuhkan oleh pihak-pihak swasta adalah tidak terkecuali dari pendaftaran.

FILEM BARAT-CORAK ROMPAKAN/JUDI

8. Tuan Mohd. Vusoff bin Haji Mohd Nor minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa filem-filem dari Barat yang ditayang larut malam atau filem-filem yang bercorak rompakan dan permainan-permainan judi boleh memberi kesan buruk kepada mudamudi kita; dan sama ada beliau akan memilih filem-filem yang membawa kepada keelokan akhlak dan rajin bekerja dan bertanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed); Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa terdapat unsur-unsur rompakan, pembunuhan dan permainan judi dalam filem-filem Inggeris yang disiarkan oleh Televisyen Malaysia. Unsur-unsur ini bukan

hanya terdapat dalam filem-filem dari Barat bahkan di dalam filem-filem Melayu, Cina, Indonesia mahupun filem-filem Arab.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana diketahui umum ciri-ciri drama atau cerita adalah bergantung kepada pertelingkahan antara baik dan jahat, dengan izin, interplay between good and evil. Jika setiap pelakon dan setiap adegan dalam sebuah cerita itu 100% baik semata-mata, maka tidaklah ada cerita dan kalau ada cerita sekalipun tentu terlalu lembab dan tidak akan memikat penonton. Yang penting bukanlah soal sama ada terdapat adegan rompakan atau adegan judi dalam cerita, tetapi pada keseluruhannya tema dan pada penghujung cerita, apakah yang akan terjadi pada perompak atau penjudi itu, jika perompak atau penjudi itu menerima akibat yang buruk, maka itu adalah satu pengajaran.

Setahu saya RTM tidak pernah menyiarkan satu cerita yang menunjukkan seseorang perompak atau seorang penjudi mencapai kejayaan dan kepuasan dalam hidup tanpa balasan atau tindakan dari pihak yang berwajib ke atasnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang pengaruh buruk yang boleh diakibatkan oleh filem yang diimport terutama dari Barat yang mempunyai nilai hidup yang berlainan dari kita. Oleh yang demikian Kementerian saya amatlah berhati-hati dalam langkah-langkah pengawasan dan penapisan bagi filem-filem tersebut.

PENAGIH DADAH KE PUSAT PEMULIHAN-PERATUS

9. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan peratus penagih-penagih dadah yang telah dimasukkan ke Pusat Pemulihan di seluruh negara, nyatakan

peratus yang telah kembali ke pangkuan masyarakat, dan berapa peratus pula yang menagih semula.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, peratus penagih-penagih dadah yang telah dimasukkan ke Pusat-pusat Pemulihan di seluruh negara bagi tahun 1983 dan 1984 ialah sebanyak 37.36% daripada kes-kes yang didaftarkan pada tahun-tahun berkenaan, manakala peratus yang telah kembali ke pangkuan masyarakat ialah sebanyak 44.32% dan peratus yang menagih semula ialah "sebanyak 40.9%.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tidak semua penagih-penagih dadah memerlukan pemulihan dalam Pusat-pusat Pemulihan. Penagih-penagih dadah yang tidak dimasukkan ke Pusat-pusat Pemulihan menjalani pemulihan dalam masyarakat di bawah pengawasan Pegawai-pegawai Pemulihan Dadah sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan menimbang untuk memberikan pekerjaan kepada penagih-penagih dadah ini yang balik dari pusat-pusat. Kalau ya, berapa ramai telah diberi pekerjaan selama ini; dan kalau tidak boleh, apa sebab tidak boleh?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh Kerajaan bahkan dihadapi oleh masyarakat umum adalah apabila penagih-penagih dadah itu telah dipulih semula dan kembali kepada pangkuan masyarakat. Masalahnya kerana mereka tidak mendapat pekerjaan yang tetap dan kadangkala pula tidak diterima oleh keluarganya sendiri, tetapi untuk Kerajaan menentukan bahawa bekas-bekas penagih yang telah mendapat

rawatan dan pemulihan diberi pekerjaan yang tetap, ini mungkin mendatangkan satu beban yang berat pada Kerajaan. Walau bagaimanapun, kita telah merancang untuk menyediakan pekerjaan kepada beberapa orang bekas-bekas penagih dan buat permulaan kita telah mengadakan satu pusat yang dikenali sebagai "works brigade", dengan izin, di Sungai Mercung, Pahang di mana bagi permulaannya kita telah menghantar 50 orang untuk bekerja di ladang kelapa sawit kepunyaan Lembaga Tabung Haji sebagai satu projek perintis. Jika projek ini berjaya, Kerajaan berharap bahawa syarikat-syarikat swasta lain terutama sekali syarikat-syarikat yang mempunyai ladang-ladang yang besar akan menawarkan untuk mengambil bekas-bekas penagih yang telah pun tamat rawatan dan latihan daripada pusat-pusat yang ada di negara kita.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada sekian banyak penagih-penagih dadah yang dapat ditempatkan di Pusat Pemulihan ada atau tidak kejadian sepasang suami isteri yang sama-sama menagih dan sama-sama dimasukkan ke Pusat Pemulihan?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak terdapat Pusat Pemulihan Dadah yang dikhaskan untuk wanita. Jadi jika sekalipun terdapat sepasang suami isteri yang menjadi penagih, Pusat-pusat Pemulihan hanya boleh menerima lelaki sahaja dan wanitanya kita berharap boleh ditempatkan ke dalam dua buah pusat yang dijalankan oleh pihak swasta iaitu Pusat Perlindungan yang terdapat di Ipoh dan di Batu Gajah.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri dari golongan manakah penagih dadah ini? Adakah daripada bekas-bekas penuntut agama ataupun bekas-bekas penuntut yang tidak belajar agama? Kalaulah penagih itu kebanyakannya daripada bekas-bekas penuntut yang tidak belajar agama, adakah Kerajaan telah menyediakan guru-guru agama untuk memberi pengajaran agama kepada mereka di pusat-pusat itu, sebab kalau kita pandang barangkali kemungkinan daripada golongan orang-orang Islam yang menyebabkan mereka sanggup merosakkan dirinya ialah kerana mereka tidak sedar siapakah mereka, yang berpunca daripada tidak ada agama pada mereka.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat hampir 65% daripada bilangan penagih-penagih dadah yang terdapat di negara kita ini adalah terdiri daripada orang Melayu dan hampir 63% daripada bilangan penagih-penagih dadah yang dikesan bagi keseluruhan tahun 1983 adalah mereka yang baru keluar sekolah. Walau bagaimanapun tidak dapatlah dikatakan di sini bahawa mereka ini mungkin tidak mendapat ajaran agama yang tepatnya, mungkin oleh kerana dadah ini tidak mengenali agama atau bangsa dan mereka yang tidak mendapat ajaran yang begitu kemas dari segi agama telah menjadi mangsa kepada penagih dadah.

Bagi mereka yang mendapat rawatan dan pemulihan di pusat-pusat yang disediakan di seluruh negara yang beragama Islam memanglah diberi ajaran-ajaran agama Islam di tempat-tempat ini dan untuk makluman Yang Berhormat kesannya amatlah berkesan sekali.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjejasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan sekiranya bekas-bekas penagih dadah yang telah dipulihkan bolehkah mereka kembali ke jawatan asalnya, umpama seorang askar balik kepada menjadi askar atau polis atau jawatan-jawatan Kerajaan lain?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang berkhidmat dalam Angkatan Tentera ataupun Angkatan Bersenjata dan Angkatan Polis yang tertakluk di bawah peraturan-peraturan yang berlainan, mereka yang menjadi penagih dadah terpaksa tindakan tatatertib diambil terhadap mereka dan jika sekalipun dipulih seperti sediakala tidak dapat diambil balik. Tetapi kepada mereka yang berjawatan lain daripada polis dan askar, jika mereka didapati telah menjalankan rawatan dan pemulihan dengan memuasnya, mereka dapat diberi balik jawatan-jawatan yang ditinggalkan itu.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu ada kes-kes di mana suami-isteri didapati menagih dan ditempatkan di pusat pemulihan dadah. Apa yang menarik minat saya ialah siapakah yang dipertanggungjawabkan tentang anak-anak hasil perkongsian suami-isteri ini? Adakah Kerajaan mengatur langkah-langkah untuk membela nasib anak-anak yang ditinggal ataupun dibiarkan begitu sahaja sehingga menimbulkan masalah sosial yang lain.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada satu kes yang dikemukakan yang mana terlibat suami-isteri, maka tidaklah bqjeh saya menjawab soalan ini dengan tepat. Walau bagaimanapun, jika terdapat sesuatu kes pada masa-masa yang akan datang, mungkin pertimbangan akan diberi untuk

dirujuk kepada Kebajikan Masyarakat untuk mengambil alih tentang kebajikan anak-anak penagih-penagih dadah yang terdiri daripada sumai-isteri. Walau bagaimanapun, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa Kerajaan tidak menggalakkan sumat-isteri menjadi penagih-penagih dadah. (*Ketawa*)

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau dapat memberi jumlah penagih-penagih yang terdiri daripada Pasukan Keselamatan kita.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada Yang Berhormat kerana ini memerlukan jawapan yang begitu tepat dan saya mohon untuk menjawabnya secara bertulis.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita beria-ia Kempen Anti Dadah, kemudian kita beria-ia pula membantu bekas-bekas penagih dadah. Dua keadaan yang kontra di antara kempen yang pertama dengan keia-iaan peringkat yang kedua.

Soalannya, tidakkah ini merupai sesuatu seolah-olahnya kita menggalakkan terutama masyarakat muda kita menagih dadah kerana kalau sudah ketagih dadah libatkan diri dalam pemulihan, mereka akan ditolong beri kerja sedangkan berapa banyak lagi masyarakat muda kita terutama yang tak pernah terlibat dengan dadah pun tak ada kerja?

Kedua, tidakkah pernah kedapatan di pengetahuan pemerintah bahawa" perkembangan pengedaran dan penagihan dadah di negara kita ini ada penglibatan khusus, sama ada oleh kuasa-kuasa asing yang tidak senang dengan keadaan yang terdapat di

negara kita ini atau golongan-golongan yang anti nasional di dalam negara sendiri, umpamanya pihak Parti Komunis Malaya?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah amat tepat sekati apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi. Kerajaan memang menghadapi dilema dalam keadaan sekarang ini. Kita menghadapi ancaman dadah daripada dua aspek; satu daripada segi pengedaran dan satu lagi daripada segi penagihan. Tidak dapat dinafikan jika tidak terdapat dadah di negara kita ini mungkin tidak terdapat orang yang menjadi penagih, tetapi tidak pula kita boleh menafikan bahawa terdapat sekarang ini semenjak tahun 1975 104,225 orang penagih-penagih dadah yang berdaftar dan semenjak tahun 1975 dengan adanya undang-undang pengawasan kita telah berjaya menangkap beratus-ratus dan telah pun mendakwa mereka yang akan dihukum gantung. Oleh sebab itu, Kerajaan baru-baru ini telah merancang untuk melancarkan satu program, iaitu yang dinamakan Rancangan Lima Tahun Bertindak Anti Dadah supaya memerangi wabak dadah ini bukan sahaja dari segi pengedarannya dan juga dari segi penagihannya, tetapi juga dari segi pengawasannya daripada awal-awal lagi, iaitu kita tumpukan kempen kita terhadap mereka yang belum lagi menjadi pengedar dan juga belum lagi menjadi penagih. Dengan cara ini kita berharap akan membawa kesan yang lebih baik lagi.

Tentang soalan yang kedua dari Ahli Yang Berhormat tadi, saya inginlah menjelaskan di sini bahawa tidak ada tanda-tanda sekarang ini dalam pengetahuan Kerajaan bahawa pihak komunis menggunakan dadah sebagai satu senjata untuk melemahkan semangat rakyat negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Othman.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, pertanyaan No. 10.

POLISI KEWANGAN/FISKAL KERAJAAN

10. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif (di bawah S. O. 23 (23)) minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa sejak 1982, Kerajaan telah menggunakan polisi fiskal yang ketat dengan tujuan mengawasi:

- (a) kurangan dalam beianjawan sektor awam;
- (b) kedudukan hutang awam negara;
- (c) keadaanimbangan bayaran negara; dan
- (d) ubahan dasar supaya keutamaan diberi kepada sektor swasta untuk mempelopori pertumbuhan ekonomi negara;

tetapi polisi fiskal yang ketat itu disertakan pula dengan polisi kewangan yang ketat yang menyulit dan menghadkan sektor swasta daripada bergerak aktif seperti yang diharap-harapkan oleh Kerajaan; maka apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kewangan untuk membetulkan kombinasi polisi yang negatif ini dan mengadakan pula satu kombmasi polisi fiskal dan kewangan yang lebih wajar dan berkesan untuk mencapai objektif-objektif a, b, c dan di atas.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan perlu mengambil beberapa langkah dan juga melaksanakan dasar tertentu bagi

mengatasi masalah-masalah ekonomi seperti yang disenaraikan di dalam soalan ini.

Saya tidak nampak bagaimana polisi fiskal dan kewangan negara seperti yang ada sekarang telah menyusahkan dan menghadkan aktiviti sektor swasta, sebaliknya pula Kerajaan telah pun melaksanakan pindaan cukai yang diharapkan dapat mempertingkatkan lagi penyertaan sektor swasta. Pengurangan cukai pendapatan dan galakan kepada industri berasaskan getah misalannyar seperti yang telah diumumkan semasa Belanjawan 1985 yang lalu adalah merupakan beberapa tindakan fiskal untuk maksud penyertaan sektor swasta ini.

Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa mengulang kaji polisi fiskal dan kewangan adalah perlu dari masa ke semasa. Ini disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, sosial dan politik yang dihadapi di dalam negara ini. Adalah dirasakan bahawa Kerajaan telah berjaya melaksanakan dasar fiskal dan kewangan yang seimbang untuk membolehkan negara mengatasi masalah ekonomi dan kewangan.

Saya tidak menafikan bahawa apa-apa dasar, termasuk dasar fiskal dan kewangan boleh diubah dan diperbaiki lagi selaras dengan keadaan-keadaan tertentu yang seperti kita tahu juga berubah dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, keupayaan Kerajaan mengatasi masalah berkaitan dengan defisit belanjawan, hutang negara dan imbalan pembayaran memerlukan pengorbanan dan kerjasama dari semua pihak dan lapisan rakyat amatlah diperlukan.

PINJAMAN BANK OLEH BUMIPUTERA-LAYANAN

11. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar

bahawa ada sebahagian dari Pengurus-pengurus Bank tidak melayan dengan jujur permohonan pinjaman dari bumiputera untuk meminjam wang Bank kerana perasaan tidak yakin bumiputera akan membayar balik dengan pinjaman tersebut, lebih-lebih lagi kalau pinjaman itu kecil sahaja yang pada fikiran mereka tidak mendatangkan banyak untung kepada Bank; jika sedar apakah langkah yang telah diambil bagi membanteras perbuatan tersebut.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Pengurus-pengurus Bank mengamalkan sikap positif dalam memproses semua pinjaman, termasuk pinjaman dari bumiputera. Sungguhpun demikian, terdapat juga sungutan dari usahawan bumiputera mengenai kesukaran bagi mereka mendapatkan pinjaman. Bank-bank perdagangan sebagai institusi-institusi perniagaan memberi pinjaman berasaskan kedudukan kewangan peminjam dan hidup projek yang akan dilaksanakan dan faktor-faktor lain yang dapat menentukan keupayaan membayar balik pinjaman yang diberi tadi.

Dalam kebanyakan kes kegagalan mendapatkan pinjaman adalah disebabkan usahawan-usahawan bumiputera sendiri tidak mempunyai pengurusan kewangan yang cekap dan ini boleh menjejaskan daya hidup projek yang akan dilaksanakan. Walau bagaimanapun dalam kes-kes tertentu kesukaran mendapatkan pinjaman mungkin juga timbul disebabkan oleh maklumat-maklumat yang diberi oleh pemohon tidak mencukupi yang mana pihak bank terpaksa meminta penerangan lanjut dari pemohon sebelum memproses pinjaman berkenaan.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, bank-bank perdagangan telah diminta supaya memberi bimbingan

dan bantuan kepada usahawan-usahawan bumiputera terutamanya dari segi pengurusan kewangan projek. Dengan cara ini kesukaran mendapatkan pinjaman kita berpendapat akan dapat diatasi.

BEKAS ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN

12. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta. Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang untuk meraikan bekas-bekas anggota Pasukan Keselamatan pada tiap-tiap tahun untuk mengingatkan jasa-jasa mereka kepada Negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor); Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada program-program tertentu dari masa ke semasa yang berkaitan dengan Pasukan Keselamatan tetapi tidaklah secara khusus untuk bekas-bekas anggota Pasukan Keselamatan. Sungguhpun demikian mereka sentiasa dijemput ke majlis-majlis rasmi yang diadakan oleh Kerajaan seperti perayaan-perayaan Hari Polis di peringkat pusat, di peringkat negeri dan daerah, Hari Angkatan Tentera - Hari Tentera Darat, Hari Tentera Laut, Hari Tentera Udara dan sebagainya.

Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberi, cuma saya ingin hendak menerangkan di sini iaitu hari-hari perayaan yang telah disebut oleh Yang Berhormat itu ialah hari perayaan untuk mereka itu sendiri iaitu yang

terdiri daripada Angkatan Tentera, Polis Di Raja, Tentera Darat, Laut dan sebagainya. Ini bukanlah satu perayaan yang diisytiharkan atau dikelolakan oleh Kerajaan kita, cuma yang kita mengadakan tiap-tiap tahun daripada pihak Kerajaan ialah Hari Pahlawan, ini pun bukanlah hari untuk dirayakan. Hari ini ialah hari peringatan (remembrance day) di mana kita telah mengadakan semenjak daripada kita merdeka iaitu sebelumnya kita mengikut cara Commonwealth British kita menggunakan remembrance day. Jadi, pada setakat ini cuma hanya satu sahaja perayaan yang diadakan oleh Kerajaan iaitu melalui Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana beliau telah berkenan meraikan bekas-bekas Angkatan Tentera, maksud saya bekas-bekas perajurit, bekas-bekas tentera sahaja pada tiap-tiap tahun di mana mereka itu diraikan di Istana Negara. Jadi, pada pendapat saya tak betullah kalau dikatakan Kerajaan memang ada meraikan mereka berkenaan, Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

Tuan Mohd. Noor bin Bedah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 13.

PENCEROBOHAN VIETNAM KE ATAS THAILAND

13. Tuan Mohd. Noor bin Bedah (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapa ASEAN tidak mengambil tindakan tegas terhadap Vietnam yang mengancam seluruh negara ASEAN.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, apa

yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Fadzil bin Mahmood ialah mungkin mengenai pencerobohan Vietnam ke atas Wilayah Thailand di sempadan Thailand/Kampuchea tidak berapa lama dahulu.

Bagi Malaysia kita amatlah memandang berat dan memandang serius terhadap pencerobohan tentera Vietnam ke atas Wilayah-wilayah Thailand itu. Pencerobohan tersebut telah menegangkan keadaan keselamatan di sempadan Thai/Kampuchea.

Dalam hal ini Malaysia telah mengambil tindakan yang tegas di mana kita telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar pada 9hb Mac, 1985 di mana kita telah mengutuk sekeras-kerasnya Vietnam di atas tindakannya itu dan sambil itu juga menyeru Vietnam menghentikannya segera dan seterusnya meminta Vietnam mencari jalan perdamaian ke arah penyelesaian politik ke atas masalah Kampuchea.

Malaysia khawatir ketegangan di sempadan Thailand/Kampuchea itu akan bertambah lebih buruk dan mungkin akan menjejaskan pula keselamatan negara-negara lain seperti Malaysia dan Singapura, khususnya dan negara-negara lain di Asia Tenggara ini sekiranya pertempuran di antara askar-askar Thailand dan Vietnam berterusan. Setakat ini pihak Thailand telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah pencerobohan Vietnam ke atas wilayahnya termasuk tindakan-tindakan ketenteraan dan diplomatik. Buat masa ini boleh dikatakan keadaan di Thai/Kampuchea adalah terkawal.

Namun begitu, sekiranya tentera Vietnam terus mencero boh wilayah negeri Thai dan keadaan sempadan Thai/Kampuchea menjadi bertambah terancam yang mungkin menjejaskan pula keselamatan negara-negara lain

seperti Malaysia dan Singapura khususnya dan negara-negara lain di Asia Tenggara ini, Malaysia dan mungkin juga negara-negara anggota ASEAN yang lain tidak akan berdiam diri sahaja dan akan memberi apa sahaja sokongan kepada Thailand dalam menghadapi ancaman yang bertambah serius itu.

Tuan K. Kumaran: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tindak-tanduk Vietnam, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu pakatan military di antara negara-negara ASEAN untuk menentang ancaman Vietnam.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebarang tindakan yang akan diambil oleh Malaysia tidaklah boleh diambil secara berasingan. Ianya harus dibuat bersama-sama dengan negara-negara yang berpendapat sama. Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan bahawa ASEAN bukanlah merupakan satu pakatan tentera tetapi adalah satu pakatan untuk memajukan kepentingan sosio-ekonomi negara-negara ahlinya. Oleh sebab itu, saya rasa buat masa ini kita memang mempunyai cara-cara yang lain untuk mencari penyelesaian mengenai soal Kampuchea itu.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapakah masalah Kampuchea ini yang negara kita Malaysia tidak mengadakan dialog secara langsung kepada Vietnam dan tiap-tiap kali rundingan diadakan untuk mengurangkan ketegangan ini kita melalui jiran kita iaitu hanya Indonesia dan daripada Indonesia kita sudah mendapat khabar yang kedua (secondhand information). Jadi, kenapa Malaysia tidak mengadakan

secara langsung, baik Filipina ataupun Thailand, secara langsung dengan Vietnam supaya mengurangkan ketegangan politik yang ada sekarang dan sokongan demi sokongan yang disuarakan oleh negara-negara ASEAN ini hanya merupakan sebagai satu sokongan protes, bantahan dan sebagainya, ini tidak berkesan. Bila mana, sekarang Kampuchea telah pun diduduki oleh Vietnam dan Vietnam telah pun memasuki ke sempadan Thailand. Bila habis Thailand, Malaysia pula akan berunding dengan siapa? Masalahnya sekarang kita sedikit demi sedikit kawasan kita akan dicerobohi, sampai bila kita membuat protes. Jadi, apakah langkah-langkah yang lebih tegas, yang lebih berkesan yang boleh diambil oleh negara-negara ASEAN khasnya Malaysia yang sekarang ini di antara satu langkah daripada kawasan sempadan Thailand.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedikit sebanyak faham mengenai kecurigaan Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi kita tidaklah boleh cuai dalam tindak-tanduk kita untuk menghadapi masalah ini. Tindak-tanduk kita haruslah dibuat dengan penuh cermat.

Saya ingin tegaskan di sini juga bahawa sungguhpun Indonesia banyak memainkan peranan dalam hubungan ini, khususnya dari segi menghubungi pihak Vietnam secara terus, tetapi ingin saya menyatakan bahawa hubungan ini adalah dibuat atas nama ASEAN kerana kita telah pun membuat keputusan dan melantik Indonesia sebagai negara perantaraan (interioquator) dan itulah sebabnya Indonesia nampaknya memainkan peranan yang lebih. Namun demikian, sebarang tindakan yang diambil oleh Indonesia adalah selepas berunding dan mendapat persetujuan dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain.

MINYAK-HASIL EKSPORT

14. Tuan Ahmad bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan jumlah-jumlah hasil eksport minyak dalam tahun 1983, 1984 dan 1985.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil eksport minyak mentah negara dalam tahun 1983 berjumlah sebanyak \$7.8 ribu juta dan dalam tahun 1984 jumlah sebanyak \$8.8 ribu juta, manakala bagi tahun ini (tahun 1985) jumlahnya dijangka sebanyak \$8.4 ribu juta.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah wang yang diperolehi daripada hasil minyak negara ini, berapa ribu tongkah ataupun berapa ribu barelkah minyak yang dikeluarkan daripada tahun-tahun yang disebutkan tadi dan adakah pengeluaran ini akan dipertingkatkan menurut keadaan kemelesetan ekonomi dunia sekarang ini ataupun kita akan mengurangkan ataupun menambah pengeluaran yang ada sekarang.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lalu (tahun 1984), kita telah mengeluarkan lebih kurang 440 ribu tong sehari dan pada tahun ini (tahun 1985) kita bercadang mengeluarkan 460 ribu tong sehari. Akan tetapi seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah ketahui atas kerjasama kita dengan OPEC maka kita telah bersetuju mengurangkan pengeluaran minyak pada tahun 1985 ini dengan 40 ribu tong sehari. Jadi, kita akan mengeluarkan lebih kurang 420 ribu, mungkin 410 ribu tong, sehari sahaja bagi tahun 1985 ini atas solidarity ataupun perhubungan erat kita dengan OPEC. Ini dengan sendirinya menunjukkan kepada Ahli Yang Berhormat tadi bahawa kita telah berhati-hati untuk mengurangkan

kadar pengeluaran minyak mentah kita sehari dalam tahun ini. Dan sekali lagi saya ingin mengatakan bahawa pengurangan 40,000 tong sehari bukanlah bererti kita rugi semata-mata kerana minyak yang kita tidak gunakan masih ada di dalam tanah dan laut dan boleh kita gunakan pada masa yang akan datang. Pada keseluruhannya dasar Kerajaan adalah untuk menjimatkan penggunaan petroleum negara kita dengan seberapa bolehnya.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri, apakah ikatan di antara Malaysia dengan OPEC, adakah kerana dengan pengurangan pengeluaran minyak ini tadi yang kita akan mengikut harga yang ditetapkan oleh OPEC ataupun Malaysia mempunyai harga pasarnya yang tersendiri.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan negara-negara pengeluar minyak di dunia pada umumnya mengikut kadar harga minyak OPEC. Dan kita di Malaysia inipun secara tidak langsung mengikut juga paras ataupun prestasi harga minyak yang ditentukan oleh OPEC, misal kata pada ketika ini lebih kurang US\$28 satu tong. Dan ikatan kita dengan OPEC ini adalah semata-raata kerana dari segi teknologi memanglah 13 buah negara OPEC itu adalah yang termahir sekali atau kebanyakan mereka, dari segi pengeluaran minyak dan dari segi penjimatan minyak, dari segi penentuan harga minyak terutama sekali daripada kalangan negara-negara pengeluaran minyak ini dan negara-negara pembeli minyak itu. Kita bukanlah ahli OPEC akan tetapi oleh sebab saya katakan tadi kita dengan OPEC itu mempunyai tujuan yang serupa dalam hal pengeluaran dan penjualan minyak ini, mempertahankan harga minyak terutama sekali, maka di situlah kita telah berdamping dengan OPEC.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 70 adalah diberi di bawah ini).

AGENSI LUAR BELANJAWAN-PERUNTUKAN

15. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula segala peruntukan kepada Agensi-agensi Luar Belanjawan (OBA) memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi negara serta hutang negara yang agak banyak.

Tuan Daim Zainuddin: Kerajaan akan mengawal dan mengawasi semua perbelanjaan Agensi-agensi Luar Belanjawan supaya aktiviti-aktivitinya dapat dikesan dengan lebih bermakna. Dalam hal ini Kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa di Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan untuk mewujudkan suatu jentera pentadbiran dalam meluluskan perbelanjaan pembangunan agensi-agensi OBA serta mengawal jumlah perbelanjaan mereka supaya selaras dengan kedudukan kewangan negara. Jawatankuasa ini akan mengkaji keperluan dan feasibiliti setiap projek OBA, menentukan keutamaan projek-projek pelaburan OBA dan mengawasi prestasi kewangan setiap projek semasa pelaksanaannya supaya selaras dengan kedudukan kewangan negara.

RUMAH KOS RENDAH-PELAN

16. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan Pelan bagi rumah kos rendah yang dilaksanakan oleh pemaju-pemaju sekarang tidak sesuai sama sekali, sama ada Kerajaan berhasrat untuk

mengubahsuaikan pelan tersebut demi kepentingan golongan miskin.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sememangnya ada menyediakan pelan-pelan rumah kos rendah bagi projek perumahan awam kos rendah dan dari masa ke semasa, pelan-pelan ini diubahsuaikan mengikut keperluan semasa. Umpamanya, Kementerian ini tidak lagi mengeluarkan pelan rumah yang mengandungi satu bilik tidur. Ia adalah mengambil kira keselesaan hidup keluarga yang mempunyai 5 orang anggota keluarga. Luas lantai ialah di antara 45-56 m.p.s. dan luas bilik adalah berpandukan kepada undang-undang kecil bangunan yang memperuntukan piawaian minima bagi tujuan perumahan. Antara faktor yang diambil kira ialah keselamatan dan keselesaan hidup penghuni rumah. Satu faktor lagi yang diambil kira dalam mereka-bentuk rumah kos rendah ialah kos binaan, kerana harga rumah kos rendah telah ditetapkan tidak melebihi \$25,000/- seunit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelan-pelan yang disediakan oleh Kementerian ini boleh digunakan oleh pemaju swasta. Walau bagaimanapun, pelan tersebut perlulah dikemukakan kepada Penguasa-penguasa Tempatan untuk kelulusan. Seperti yang saya sebutkan tadi, keperluan undang-undang kecil bangunan dan keperluan perancangan kuasa-kuasa tempatan akan diambil kira dalam pertimbangan untuk mendapatkan kelulusan ini.

PENGUSA TEMPATAN- KEBERSIHAN KAWASAN

17. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menentukan

bahawa semua Penguasa Tempatan menjalankan tugas-tugas mereka dengan cekap supaya kawasan-kawasan yang ditadbirkan oleh penguasa-penguasa tempatan tersebut di dalam keadaan bersih.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memastikan garis-garis panduan yang telah dikeluarkan kepada Penguasa-penguasa Tempatan mengenai kebersihan dapat dilaksanakan oleh Penguasa-penguasa Tempatan. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga akan menentukan semua Penguasa-penguasa Tempatan mempunyai jentera pentadbiran yang minima untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan itu serta menguatkuasakan Undang-undang Kebersihan.

KANUN PROSEDUR JENAYAH- PINDAAN

18. Tuan Paramjit Singh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah untuk membenarkan orang-orang yang dituduh mendapatkan peguam sebaik sahaja ditangkap; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meminda undang-undang untuk membolehkan orang-orang yang dituduh berbincang dengan peguam sebelum memberikan pertanyaan beramaran di bawah Seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kanun Prosedur Jenayah ataupun undang-undang lain tidak

mengandung apa-apa peruntukan yang melarang yang dituduh-

- (a) melantik peguamnya pada bila-bila masa pun; dan
- (b) berbincang dengan peguamnya sebelum memberi pernyataan beramaran atau, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "cautioned statement" di bawah seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah.

Walau bagaimanapun, hak orang yang dituduh untuk diwakili oleh peguam adalah tertakluk kepada kepentingan penyiasatan polis dan pentadbiran keadilan, Dalam kes *Hashim bin Saud v. Yahaya bin Hashim dan Anor. [1977] 2 M.L.J. 116*, yang mana adalah kes rayuan daripada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Agung (Mahkamah Persekutuan pada masa itu) telah memutuskan seperti berikut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

"Held, dismissing the appeal: (1) the learned judge was not correct in stating in effect that the right to counsel could only be exercised after the completion of police investigation under section 117 of the Criminal Procedure Code;

(2) in spite of the magistrate's order under section 117 of the Criminal Procedure Code the right of the arrested person to counsel is not lost. The right starts right from the day of arrest but it cannot be exercised immediately after arrest if it impedes police investigation or the administration of justice;

(3) the onus of proving to the satisfaction of the court that giving effect to the right to counsel would impede police investigation or the administration of justice falls on the police;

(4) on the facts of this case the police had given good and sufficient reasons why such right could only be exercised

after the period of police investigation was completed."

Keputusan dalam kes ini adalah sama dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ooi Ah Phua v. Officer-in-Charge Criminal Investigation, Kedah/Perlis [1975] 2 M.L.J. 198* di mana Ketua Hakim Negara Tun Mohd. Suffian telah menyatakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua;

"With respect I agree that the right of an arrested person to consult his lawyer begins from the moment of arrest, but I am of the opinion that right cannot be exercised immediately after arrest. A balance has to be struck between the right of the arrested person to consult his lawyer on the one hand and on the other the duty of the police to protect the public from wrongdoers by apprehending them and collecting whatever evidence exists against them. The interest of justice is as important as the interest of arrested person and it is well-known that criminal elements are deterred most of all by the certainty of detection, arrest and punishment."

Maka adalah jelas bahawa hak seseorang untuk mendapatkan peguam berbangkit sebaik sahaja ia ditangkap tetapi hak itu tidak boleh dikuatkuasakan sekiranya tindakan bagi menguatkuasakan hak itu dengan serta-merta (immediate) menjejaskan kepentingan awam, sepertimana diputuskan dalam kedua-dua kes yang tersebut. Oleh itu, Kerajaan berpendapat bahawa tidak ada sebab-sebab yang munasabah bagi mengubah keadaan yang terdapat sekarang.

LESEN IMPORT KERETA

19. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan syarat-syarat yang diperlukan bagi

pengeluaran permit import kereta pasang siap dan menyatakan juga:

- (a) Jumlah permit yang dikeluarkan dalam tahun 1984 dan jumlah yang dikeluarkan kepada pengimport bumiputera; dan
- (b) Jumlah pennohnan yang diluluskan dalam tiga bulan pertama tahun ini dan jumlah permit yang dikeluarkan kepada bumiputera.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Pengeluaran lesen-lesen import kereta pasang siap adalah biasanya diperuntukkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Selain daripada itu lesen-lesen import juga dikeluarkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang menjalankan pemasangan kereta di dalam negeri. Syarikat-syarikat tersebut diberi permit untuk membolehkan mereka memperkenalkan model-model yang akan dipasang di dalam negeri. Lesen import juga dikeluarkan kepada orang perseorangan yang ingin membawa balik kereta-kereta kepunyaan sendiri dari luar negeri serta pegawai-pegawai diplomat asing yang bertugas di Malaysia. Syarat-syarat yang diperlukan bagi mengeluarkan lesen import kereta pasang siap kepada syarikat-syarikat adalah seperti berikut:

- (i) telah menceburi bidang perniagaan kereta dalam tempoh sekurang-kurangnya setahun;
- (ii) mempunyai kemudahan kewangan yang mencukupi untuk mengendalikan pengimportan dan penjualan kereta. Modal dibayar yang diperlukan adalah \$100,000;
- (iii) Syarikat mestilah bertaraf Bumiputera (bagi Semenanjung Malaysia);
- (iv) Syarikat bertaraf Sendirian Berhad;

- (v) Mempunyai kakitangan yang berpengalaman dan bilik pameran yang sesuai.

Jumlah permit (kuota import) yang telah dikeluarkan kepada syarikat pemegang kuota import untuk tahun 1984 adalah seperti berikut:

Kereta penumbang baru	8,740 unit
Kereta penumbang terpakai	12,140 unit
Kenderaan duaguna baru	1,400 unit
Kenderaan perdagangan baru	540 unit
Kenderaan perdagangan terpakai	360 unit
JUMLAH	23,180 unit

Dari jumlah tersebut 22,496 unit telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang kuota Bumiputera. (Di Sabah dan Sarawak terdapat 13 syarikat pasang kereta bukan Bumiputera).

Jumlah kuota import kenderaan perdagangan yang telah dikeluarkan kepada syarikat pemegang "franchise" Bumiputera pada tahun 1984 ialah 5,655 unit.

Dalam tempoh tiga bulan pertama 1985 Kementerian telah pun meluluskan permohonan kuota import kereta kepada lapan buah syarikat baru dengan jumlah kuota sebanyak 66 unit sebulan. Kesemua syarikat tersebut adalah syarikat Bumiputera.

RUMAH HARGA MURAH- PEMBINAAN

20. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebab-sebab kelewatan pembinaan rumah-rumah terutama sekali rumah harga murah dan nyatakan sama ada benar, satu daripada sebabnya ialah oleh kerana campurtangan ahli-ahli politik dan jika tidak nyatakan tindakan yang akan diambil untuk

mengatasi masalah ini dan mempercepat lagi pembinaan rumah-rumah untuk orang awam.

Dato Dr Neo Yee Pan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek perumahan. Kementerian saya telah mengenalpasti beberapa faktor utama yang telah mengakibatkan kelewatan dalam pelaksanaan program perumahan. Antara lainnya ialah masalah-masalah teknikal yang dihadapi berhubung dengan tapak pembinaan. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa projek yang telah terlewat perlaksanaannya akibat daripada kegagalan kontraktor untuk menyiapkan pembinaan mengikut jadual.

Mengenai perkara kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, adalah sukar untuk memastikan sama ada campur tangan ahli-ahli politik telah menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek perumahan.

Bagi projek-projek yang telah dikenalpasti, langkah-langkah yang sesuai sedang diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Langkah-langkah lain juga sedang diambil bagi memastikan kelicinan pelaksanaan projek-projek perumahan. Kementerian ini telah pun menjelaskan langkah-langkah ini dalam jawapan di dalam Dewan yang mulia ini pada 23hb April, 1985.

TELAGA MINYAK DI PAHANG

21. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa terdapat telaga minyak yang besar di

pantai negeri Pahang, jika benar bila Kerajaan bercadang mengeluarkan minyak dari telaga itu.

Datuk Dr James P. Ongkili: Setakat ini, minyak belum lagi ditemui di luar pantai Negeri Pahang. Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda menunjukkan adanya gas di luar pantai negeri Pahang dan perkara ini sedang dikaji.

PERKHIDMATAN REDIFFUSION

22. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Penerangan menyatakan samada Menteriannya akan sekali lagi memperkenalkan Rediffusion selaras dengan TV3 ataupun Menteriannya mempunyai sebarang halangan untuk meluluskan permohonan untuk menjalankan perkhidmatan Rediffusion dalam mana-mana Bahasa yang didapati di negara kita dengan tujuan hiburan pendengar.

Dato' Rais Yatim: Saya kurang jelas dengan maksud pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat bermaksud sama ada pihak kerajaan akan mempertimbangkan perkhidmatan radio swasta, ala-Rediffusion, adalah dimaklumkan bahawa setakat ini kerajaan belum menerima apa-apa permohonan daripada pihak swasta bagi tujuan tersebut.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sekarang ini siaran Rediffusion yang berpusat di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh dan Pulau Pinang adalah di dalam Bahasa Malaysia, Inggeris dan Cina. Setakat ini Kementerian belum lagi menerima sebarang permohonan untuk memperluaskan siaran mereka dalam lain-lain bahasa.

% Siaran Rediffusion Mengikut Pecahan Bahasa Rangkaian Silver.

Bahasa Malaysia	19.58%
Bahasa Inggeris	66.14%
Bahasa Cina . .	14.28%

Rangkaian Gold.

Bahasa Malaysia	3.2%
Bahasa Mandarin	51.2%
Bahasa Kantonis	44.7%
Bahasa Hakka ..	0.9%

% Pendengar Rediffusin Mengikut Kaum.

Melayu-	2%
Cina	97%
India	1%

Tidak ada siaran Bahasa Tamil dalam rancangan Rediffusion kerana sebagai syarikat swasta mereka mementingkan "Commercial Rating".

Kerjasama Pihak Rediffusion.

Antara kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Rediffusion ialah:

Pihak Rediffusion telah menghantar skrip rancangan mereka kepada Unit Pengawasan Siaran Swasta sebelum disiarkan bagi tujuan pemeriksaan dan penganalisaan.

Pihak Rediffusion ada menyiarkan kempen-kempen kerajaan bercorak nasional. Antara kempen yang telah dan sedang disiarkan ialah:

- (a) Kempen Anti Dadah.
- (b) Kempen Kejiranan.
- (c) Kempen Kebersihan.
- (d) Kempen Daftar Pilihanraya.
- (e) Seruan mendaftar kanak-kanak cacat apabila kempen ini dilancarkan kelak.

Pihak Rediffusion bersetuju menyeleraskan siarannya dengan pihak RTM seandainya berlaku sesuatu peristiwa kepentingan negara seperti kemangkatan pembesar negara, bencana alam dan sebagainya.

PELAJAR MALAYSIA DI ENGLAND-PERBINCANGAN

23. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Pertanian menyatakan hasil yang telah dicapai oleh beliau dalam pertemuan dan perbincangan dengan pelajar-pelajar kita di Bedford, Manchester dan Birmingham baru-baru ini.

Tuan Anuar bin Haji Ibrahim: Hasil dari pertemuan dan perbincangan dengan pelajar-pelajar Malaysia di Reading, Manchester, Birmingham dan London ialah penerangan kepada mereka kemajuan pembangunan pertanian di Malaysia dan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara setakat ini. Khususnya mereka telah menimbulkan spal-soal strategi Kerajaan membasmi kemiskinan dikawasan desa, sambutan rakyat terhadap projek-projek pertanian, melincinkan lagi usaha pengembangan dan pengedaran baja, meneliti strategi pemberian subsidi dan pengawasan rapi agensi-agensi Kerajaan yang melaksanakan pembangunan pertanian.

Di samping itu, saya telah juga dapat membetulkan persepsi dan anggapan mereka yang salah terhadap beberapa perkembangan politik semasa.

MEMBELI BELAH DI SINGAPURA

24. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada telah berkurangan orang-orang dari Semenanjung pergi membeli belah di Singapura semenjak Kerajaan menaikkan cukai 50% ke atas barang-barang yang dibeli di Singapura dan

dibawa balik melalui tambak Johor ke Malaysia atau sama seperti sebelumnya.

Tuan Daim Zainuddin: Cukai sebanyak 50% ini bukanlah bertujuan untuk mengutip hasil akan tetapi untuk melicinkan pentadbiran Kastam agar tidak bcrllalu kesesakan di pintu masuk ke negara ini. Walau bagaimanapun, sejak cukai itu dikenakan ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa jumlah orang-orang yang pergi membeli-belah di Singapura telah berkurangan dan ada kemungkinan keadaan ini bukanlah sahaja disebabkan oleh cukai tersebut akan tetapi juga oleh faktor-faktor lain seperti perbezaan nilai matawang asing antara Malaysia dengan Singapura.

JEMAAH HAJI TANPA MENERUSI TABUNG HAJI

25. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan jumlah Jemaah Haji yang menunaikan fardhu haji dalam tahun 1984 tidak menerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan sama ada mereka juga menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan seperti rawatan perubatan dan lain-lain perkhidmatan.

Dato* Mohamed Khalil bin Yaakob: Jumlah Jemaah Haji Malaysia yang menunaikan fardhu haji tanpa menerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji dalam tahun 1984 adalah seramai 1,270 orang iaitu kira-kira 5% daripada jumlah Jemaah Haji Malaysia yang seramai 23,479 orang pada tahun itu.

Sebahagian daripada mereka ada menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Tanah Suci, khasnya perubatan sama ada di Makkah, Arafah/Mina atau Madinah.

Mengikut rekod yang disimpan oleh Rombongan Perubatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), seramai 499 orang daripada mereka telah menerima rawatan perubatan daripada Klinik/Hospital Malaysia di Tanah Suci tahun lalu.

PELAJAR SEKOLAH- SEMANGAT UNTAKAN NEGARA

26. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya meminta Menteri Pelajaran mejayatakan program yang sedang dan akan dilaksanakan bagi menanamkan semangat cinta dan sayang kepada negara ke atas para pelajar di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi di negara ini kerana para pelajar tersebut bakal mewarisi kepimpinan negara ini pada masa akan datang.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sememangnya sudah berusaha memupuk semangat dan sayang kepada negara melalui beberapa program kurikulum yang sedang dilaksanakan di semua peringkat persekolahan. Dalam program Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) usaha tersebut telah dilakukan melalui matapelajaran Alam dan Manusia.

Di peringkat Sekolah Menengah, mata pelajaran Sivik dan Sejarah adalah khusus untuk menanam semangat kewarganegaraan dan Kemasyarakatan. Melalui Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang dirangkaikan, satu mata pelajaran baru "Pendidikan Kewarganegaraan" diperkenalkan sebagai mata pelajaran wajib.

Di samping itu aktiviti luar bilik darjah juga diadakan dalam usaha menanam semangat cintakan negara. Melalui perhimpunan sekolah tiap-tiap minggu persekolahan diadakan upacara menyanyi Lagu Kebangsaan

Negara Ku/Lagu Kebangsaan Negeri dan Lagu Patriotik (Malaysia Berjaya), menaikan bendera dan membaca ikrar Rukunegara. Melalui aktiviti pakaian seragam seperti Kadet Polis, Tenter, Bulan Sabit, Pengakap dan Puteri Islam di Peringkat sekolah dan Pelepas Tentera dan Kesatria di peringkat institusi pelajaran tinggi.

Di Institusi Pelajaran Tinggi juga, pelajar-pelajar digalakkan menjalankan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat, mengadakan kursus kewarganegaraan dan kenegaraan. Mulai sesi pengambilan tahun 1985/86, tema minggu suaikenal bagi semua universiti/ITM ialah "Pelajar Pendukung". Matalamat Negara: Melalui aktiviti-aktiviti suaikenal ini akan disesuaikan semangat perpaduan, keselamatan kesejahteraan rakyat Dasar Ekonomi Baru dan pencapaian nilai-nilai Islam.

SAYUR-SAYUR OLEH PETANI-PETANI

27. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) keluasan sayur-sayuran yang ditanam oleh petani-petani;
- (b) jumlah sayur-sayuran yang diimport;
- (c) galakan Kerajaan kepada petani-petani menanam sayur-sayuran; dan
- (d) langkah yang diambil bagi mencukupi bekalan sayur-sayuran keperluan negara, dan strategi yang disusun bagi pengeluaran berlebihan dan eksport.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Untuk makluman Yang Berhormat, jawapannya adalah seperti berikut:

- (a) Keluasan sayur-sayuran yang diusahakan oleh petani-petani di Semenanjung Malaysia adalah

kira-kira seluas 12,025 hektar. Di Sabah dianggarkan seluas 2,024 hektar dan di Sarawak pula dianggarkan seluas 1,500 hektar.

- b) Semenanjung Malaysia mengimport sayur-sayuran segar sebanyak 7,271 tan metrik bernilai \$7,475,379, meliputi tomato, lada, halia, kobis dan lain-lain sayuran segar. Jumlah keseluruhan import sayur-sayuran termasuk bawang, kentang, kekacang, cili kering dan lain-lain sayuran adalah berjumlah 218,611 tan metrik bernilai \$180.9 juta.
- c) Kerajaan menyediakan beberapa program galakan membantu petani-petani menanam sayuran-sayuran. Ini termasuklah penjualan benih dengan harga yang rendah, menyediakan khidmat nasihat dan tunjuk ajar dan mengadakan khidmat-khidmat pemasaran. Dalam keadaan-keadaan tertentu kerajaan juga menyediakan khidmat belian terus serta tawaran harga belian minima.
- (d) Beberapa langkah telah dan akan diambil bagi menambah keluaran sayur-sayuran untuk keperluan negara. Kawasan yang ditanam dengan sayur-sayuran akan diperluaskan hingga 20,000 hektar menjelang tahun 2,000. Di samping itu usaha-usaha juga akan diambil bagi meningkatkan kadar pengeluaran menerusi penggunaan benih bermutu, penjagaan yang sempurna dan pengurusan ladang secara komersial. Kemudahan-kemudahan bilik sejuk dan pemprosesan juga disediakan bagi mengatasi masalah pengeluaran berlebihan.

LEBUHRAYA - MENDAPAN JALAN

28. Dato* S. Govinda Raj minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab berlakunya mendapan jalan dan lain-lain kerosakan di lebuhraya-lebuhraya yang baru dibina memandangkan jalan-jalan tersebut menggunakan teknologi-teknologi moden dengan kos yang tinggi.

Dato S. Samy Vellu: Lebuhraya atau jalan raya yang dibina mempunyai had umur atau "life span" yang tertentu mengikut rekabentuk dan kosnya. Pada kebiasaannya had umur itu ialah di antara 5 hingga 7 tahun sebelum lebuhraya atau jalan raya itu dibarumuka (resurfacing). Dalam pada itu kerja-kerja penyelenggaraan adolah dibuat dari masa ke semasa mengikut keadaan. Lazimnya lebuhraya atau jalan raya yang mengalami kerosakan adalah disebabkan oleh bilangan lalulintas yang melebihi apa yang dijangkakan dan kenderaan-kenderaan yang menggunakan lebuhraya/jalan raya itu mempunyai had muatan yang lebih daripada had yang ditentukan mengikut rekabentuk lebuhraya/jalan raya itu. Oleh kerana penggunaan sesuatu lebuhraya atau jalan raya itu adalah lebih daripada yang dijangkakan, maka terdapatlah kerosakan di lebuhraya/jalan raya dalam masa lebih awal daripada yang diramalkan.

Selain dari itu, oleh kerana usaha-usaha untuk menjimatkan perbelanjaan, maka kerja-kerja pengukuran dan pengujian tanah dalam proses pembinaan jalan raya/lebuhraya itu tidak dapat dibuat dengan lebih terperinci lagi. Misalnya ujian tanah tidak dibuat dengan jarak yang lebih dekat daripada yang telah dilakukan. Oleh itu jika terdapat keadaan bawah tanah seperti batu kapur atau paya diantara ujian-ujian

yang dijalankan, maka keadaan tanah sebenar tidak dapat dikesan sama sekali. Dengan itu terdapatlah pemendapan atau runtuh tanah di bahagian-bahagian jalan raya yang terlepas daripada ujian tanah itu.

Walau bagaimanapun, setiap kerosakan yang terdapat di lebuhraya/jalan raya adalah dikaji dan dianalisa sedalam-dalamnya. Tujuan pengkajian ini adalah untuk menentukan supaya kerosakan seperti ini akan dapat dielakkan kelak.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE MESIR

29. Puan Rokiah Zainuddin minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke negara Mesir dalam bulan Disember, 1984.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Sukacita saya memaklumkan bahawa lawatan Perdana Menteri ke Mesir pada bulan Disember lalu telah memberi hasil yang memuaskan dalam usaha kita meningkatkan lagi kerjasama dan hubungan dua-hala antara Malaysia dengan Mesir. Di dalam lawatan tersebut pihak Malaysia dan Mesir telah membincangkan berbagai perkara yang menyentuh soal politik, ekonomi, perdagangan, pelajaran dan juga kebudayaan.

Dari perbincangan kita dengan para pemimpin Mesir mengenai soal politik, kita dapati bahawa negara tersebut adalah sependapat dengan Malaysia dalam berbagai isu antarabangsa dan menyatakan sokongan kuat mereka terhadap pendirian Malaysia dalam isu-isu seperti isu Kampuchea, Antartika dan Afghanistan.

Dalam lawatan itu juga Mesir dan Malaysia telah mencapai persetujuan untuk berkerjasama dalam usaha mengukuhkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara. Untuk tujuan ini Mesir dan Malaysia

telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama bagi mengendalikan kerjasama dua-hala dalam bidang ekonomi, perdagangan dan teknikal.

Dalam lawatan tersebut juga satu perjanjian telah ditandatangani bagi menubuhkan sebuah kilang minyak kelapa sawit di Mesir yang akan dijalankan secara usahasama. Selain daripada kelapa sawit, Mesir juga telah bersetuju mengkaji kemungkinan mengadakan usahasama dengan Malaysia dalam industri getah dan kayu yang merupakan bahan-bahan keluaran Malaysia.

Mengenai soal dagangan dua-hala, Perdana Menteri Mesir telah menyatakan persetujuan supaya Mesir membeli barangan Malaysia secara terus dan tidak melalui negara ketiga dan ini sudah pastilah menguntungkan kedua-dua belah pihak.

Dalam bidang pelajaran pula Perdana Menteri Mesir telah memberi perakuan yang Mesir akan terus menerima pelajar-pelajar Malaysia untuk menyambung pelajaran di universiti-universiti di negara tersebut. Pihak Mesir telah mencadangkan beberapa buah institusi pengajian tinggi di negara itu bagi kemasukan pelajar-pelajar Malaysia.

Semasa lawatan saya ke Mesir itu satu perjanjian kebudayaan juga telah ditandatangani oleh pihak Malaysia dan Mesir, iaitu Program Kerjasama Kebudayaan. Perjanjian Program Kerjasama Kebudayaan ini ialah untuk menentukan dengan lebih konkrit lagi bidang-bidang kerjasama kebudayaan, termasuk bidang pelajaran dan penerangan. Melalui perjanjian ini Malaysia dan Mesir akan bertukar-tukar pensyarah, pegawai dan rombongan kebudayaan dan juga akan bertukar-tukar berita, filem dan buku-buku. Melalui perjanjian ini juga Mesir menawarkan tempat dan biasiswa

kepada pelajar-pelajar Malaysia untuk menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi di Mesir.

Suka saya nyatakan sekali lagi di sini bahawa pada keseluruhannya lawatan Perdana Menteri ke Mesir telah mencapai matlamatnya.

EKSPORT BIJIH TIMAH

30. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kedudukan kawalan quota eksport Bijih Timah yang telah begitu dipatuhi sangat oleh Malaysia (sebagai anggota ITC) telah memuramkan industri bijih kita tetapi sebaliknya menguntungkan pula negara-negara lain yang di antaranya termasuk negara anggota ITC juga; dan nyatakan rancangan Kementerian untuk mengkaji semula perjanjian-perjanjian ITC yang sangat merugikan itu.

Dato' Paul Leong Khee Siong: Terlebih dahulu suka saya mengulangi penjelasan yang telah saya buat di dalam Dewan ini pada 16-4-85 bahawa Majlis Timah Antarabangsa (ITC) mempunyai 2 jentera untuk menstabilkan pasaran timah iaitu melalui operasi stok penimbal dan kawalan eksport. Lazimnya pihak Majlis akan menjalankan operasi stok penimbal di dalam keadaan di mana ketidakseimbangan di antara bekalan dan permintaan timah adalah kecil dan merupakan unsur sementara. Apabila ketidakseimbangan ini menjadi suatu fenomena yang agak berlanjutan maka kawalan eksport digunakan bagi maksud mengurangkan kemasukan bekalan timah yang berlebihan ke dalam pasaran. Semua ini adalah bertujuan untuk mempertahankan, menstabil dan memulihkan harga timah kepada suatu paras yang lebih mantap dan wajar. Pasaran timah kini mengalami keadaan lebihan bekalan yang besar dan ini dengan jelas

memerlukan kawalan eksport sebagai alat penstabilan di samping operasi stok penimbal.

Sebagai menjawab soalan khusus Ahli Yang Berhormat, suka saya tegaskan disini bahawa kesemua anggota Majlis Timah Antarabangsa adalah mematuhi sepenuhnya kawalan eksport yang dikenakan ke atas mereka oleh Majlis tersebut dengan mengeksport timah hanya berasaskan kuota yang telah ditetapkan bagi mereka. Di samping itu negara-negara anggota juga telah pun mengambil tindakan, dalam berbagai bentuk untuk membenteras kegiatan penyeludupan bijih padat timah dan apa-apa jua penyelewengan yang dilakukan di dalam menguatkuasakan kawalan eksport ini. Selanjutnya negara-negara anggota juga melalui berbagai pendekatan menggesa negara-negara pengeluaran bukan anggota ITC supaya turut mengurangkan pengeluaran mereka dan juga mengurangkan kemasukan timah ke dalam pasaran untuk kebaikan bersama. Tanpa kerjasama ini pasaran timah akan jatuh dan kesemua pihak yang terlibat akan turut sama rugi. Melalui Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) usaha-usaha untuk meningkatkan penyelidikan dan kemajuan penggunaan timah juga dipergiatkan bukan sahaja bertujuan meluas dan mengekalkan penggunaan yang sedia ada tetapi juga bertujuan memulihkan keadaan yang ada.

Keberkesanan ITC di dalam menghadapi cabaran dan masalah perusahaan timah masakini tidak dapat diragukan lagi oleh kerana pihak ITC telah berjaya menstabilkan harga timah dipasaran pada suatu paras yang masih dapat menampung perusahaan perlombongan di negara ini. Suatu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah sekiranya ITC tidak ujud atau tidak berjaya memainkan peranannya, harga timah pada hari ini akan jatuh dan berada di suatu paras yang sangat

rendah yang bukan sahaja akan merugikan para pelombong kita tetapi juga akan melumpuhkan perusahaan perlombongan timah di negara ini khususnya dan juga dunia amnya. Kebenaran ini diakui oleh pihak perusahaan timah di negara ini dan juga pasaran timah antarabangsa.

Perundingan untuk mengwujudkan Perjanjian Timah Antarabangsa Ke-7 akan diadakan di bawah naungan UNCTAD pada awal tahun 1986. Malaysia akan mengambil bahagian di dalam perundingan ini dan menggunakan kesempatan tersebut untuk mengkaji, menilai dan seterusnya mengemukakan cadangan-cadangan yang bernas bagi maksud memperbaiki apa-apa kekurangan yang terdapat di dalam perjanjian yang berkuatkuasa sekarang ini.

VISA UNTUK MELAWAT MALAYSIA

31. Tuan K. Kumaran minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) negara-negara Komenwel yang rakyatnya tidak perlu mempunyai visa untuk melawat negara ini;
- (b) sebabnya rakyat-rakyat negara Komenwel ini tidak perlu mempunyai visa untuk melawat negara ini; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan memansuhkan peraturan memegang visa bagi rakyat semua negara Komenwel.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Rakyat semua negara Komenwel, kecuali India, tidak perlu mendapatkan visa untuk melawat Malaysia.
- (b) Rakyat-rakyat dari negara-negara Komenwel tidak memerlukan visa untuk

memasuki negara ini kerana adanya Perjanjian Penghapusan Visa di antara negara-negara Komenwel.

- (c) Pada masa ini peraturan mengenakan visa bagi rakyat negara Komenwel, kecuali India telah dimansuhkan mengikut Perjanjian Penghapusan Visa di antara negara-negara Komenwel,

PROJEK "SCIENCE PARKS"

32. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperluaskan projek "Science Parks" ke selatan Semenanjung (Johor), Sabah dan Sarawak selain dari tempat-tempat yang telah dikenalpasti.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk menyediakan laporan kemungkinan oleh pakar-pakar tempatan dan luar negeri. Kajian di dalam laporan itu akan menimbang kawasan-kawasan yang sesuai untuk dijadikan "Science Parks" dan kajian itu memberi perhatian kepada tempat-tempat yang berdekatan dengan universiti dan institusi pengajian tinggi.

PERDAGANGAN DENGAN AMERIKA SYARIKAT

33. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkara-perkara yang termasuk dalam "senarai hitam" Amerika Syarikat berhubung dengan perdagangan terutama sekali pada peringkat teknologi tinggi dan nyatakan juga sebab-sebab berlakunya perkara ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Persoalan ini telah pun saya terangkan dalam Persidangan Dewan Rakyat pada 29hb Mac, 1985 dan 1hb April, 1985. Namun begitu, bagi

makluman ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini, ingin saya jelaskan sekali lagi bahawa sebenarnya tidak terdapat "senarai hitam" Amerika Syarikat berhubung dengan pengeksporan barangan dan teknologi tinggi ke Malaysia. Kekeliruan dan salah faham ini timbul akibat dari penubuhan satu badan baru di Amerika Syarikat yang diberi nama "Kumpulan Pemandu Pemindahan Teknologi" (Technology Transfer Steering Group). Ianya dianggotai oleh pegawai-pegawai Pentagon (Jabatan Pertahanan), Jabatan Perdagangan dan White House yang ditugaskan mengkaji dan menyelaraskan pengeksporan barangan dan teknologi tinggi ke negara-negara asing. Ianya dilakukan semata-mata untuk memastikan barangan ataupun teknologi tersebut tidak dipindahkan ke negara-negara yang dianggap oleh Amerika Syarikat sebagai negara "yang tidak diingini".

Malaysia tidak perlu bimbang dengan peraturan baharu ini kerana ianya tidak akan menjejaskan pemindahan teknologi tinggi Amerika Syarikat ke negara kita. Tambahan pula kerajaan Amerika Syarikat berpuashati dengan langkah-langkah keselamatan yang kita ambil bagi memastikan teknologi tersebut tidak dipindahkan kepada pihak-pihak yang tidak mereka ingini.

KAMPUCHEA-PENYELESAIAN

34. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan kandungan 5 perkara yang dicadangkan oleh Hanoi untuk ditimbang oleh anggota-anggota Negara Asean bagi menyelesaikan isu Kampuchea.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Mengenai kandungan 5 perkara yang dicadangkan oleh Hanoi, malangnya saya tidak dapat menjelaskan di sini kerana ianya masih

dalam rundingan dengan pihak Vietnam dan perlu dirahsiakan buat sementara waktu. Apa yang boleh saya sebutkan di sini ialah kebanyakan dari cadangan 5 perkara Hanoi itu telah lama diketahui oleh ASEAN dan tidaklah merupakan perkara-perkara yang baru. Tambah pula, cadangan tersebut merupakan konsepsi pihak Vietnam sendiri sahaja ke atas cara mana mereka fikirkan masalah tersebut dapat diatasi dan kerana itu ianya tidak akan dapat diterima oleh pihak Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea yang diketuai oleh Putera Sihanouk. Malahan pula, cadangan 5 perkara Hanoi itu secara keseluruhannya adalah bercanggah dengan Resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea dan juga pertentangan dengan prinsip-prinsip Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea (ICK). Sungguh pun begitu, terdapat juga beberapa aspek yang boleh dianggap sebagai "menarik" yang perlu dikaji secara lebih mendalam lagi.

PROTON SAGA-KERETA NASIONAL

35. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan syarikat-syarikat yang diberi kuasa mengedarkan kereta pengeluaran Malaysia "Proton Saga" dengan jumlah pengedarannya.

Datuk Dr James P. Ongkili: Syarikat yang diberi tugas untuk menjual kereta Nasional-PROTON SAGA keluaran Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) ialah Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd (EON). EON akan menjual PROTON SAGA melalui Sistem Rangkaian Cawangan dan wakil-wakil penjual ("Branch-Dealer Network System"). Buat masa ini wakil-wakil penjual masih belum diputuskan lagi.

SKIM PENCEN-MEMANSUHKAN

36. Puan Hajjah Hafsa binti Osman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar Unit Perancangan Ekonomi mencadangkan agar kerajaan memansuhkan skim pencen yang diberi kepada Kakitangan kerajaan yang akan dan yang telah bersara; sekiranya benar bila cadangan tersebut akan dilaksanakan dan setakat mana keberkesannya kepada kedudukan kewangan negara.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tidak benar Unit Perancang Ekonomi mencadangkan agar kerajaan memansuhkan skim pencen yang sedang dinikmati oleh kakitangan kerajaan. Tetapi Perbendaharaan Malaysia ada membuat kajian di atas beberapa sistem faedah persaraan yang lebih ekonomik daripada skim pencen yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, setakat ini kerajaan belum lagi menerima apa-apa cadangan.

PENGGUNAAN LPG DI KERETA/LORI

37. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementeriannya berpuashati dengan penggunaan LPG di kereta-kereta dan lori-lori kecil iaitu khasnya mengenai pengeluaran asap dari kereta-kereta tersebut; jika ya, sama ada beliau akan menggalakkan lebih banyak lagi kereta-kereta dan lori-lon kecil untuk menggunakannya.

Dato' Amar Stephen Yong Kuet Tze: Ya, Kementerian saya berpuashati dengan penggunaan LPG oleh kereta-kereta dan lori-lori kecil oleh kerana penggunaan LPG mengurangkan pencemar-pencemar udara seperti asap, pelambam dan gas karbon monoksid yang dilepaskan dari ekzos kereta yang berenjin petrol.

Oleh itu, Kementerian saya sentiasa menggalakkan lebih banyak lagi kereta dan lori kecil menggunakannya.

PENSWASTAAN LEBUHRAYA

38. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan penswastaan lebuhraya-lebuhraya memandangkan baru-baru ini didapati lebuhraya-lebuhraya di Klang telah didapati rosak walaupun baru sahaja telah siap.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk maklumat ahli Yang Berhormat, pada masa ini hanya satu sahaja lebuhraya atau jalan raya yang telah diswastakan. Setakat ini kerajaan berpuashati terhadap penswastaan jalan raya ini, iaitu jalan lintas selat Kelang Utara.

Berhubung dengan kerosakan yang terdapat di jalan raya tersebut, sebenarnya kerosakan ini adalah disebabkan keadaan tanah di tempat kerosakan itu berlaku. Kerosakan ini bukanlah disebabkan oleh kecuaiannya FIRMA yang bertanggungjawab. Pada masa ini tindakan sedang diambil bagi memperbaiki kerosakan itu.

PEKERJA MAHIR DALAM BIDANG PEMBINAAN

39. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai data-data perangkaan mengenai kedudukan bekalan pekerja-pekerja mahir di dalam industri pembinaan mengikut bidang pengkhususan masing-masing; jika ya, nyatakan sama ada bilangan ini mencukupi untuk keperluan negara; jika tidak, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan seterusnya untuk mengatasi kekurangan ini.

Dato' Mak Hon Kam: Mengikut data-data perangkaan dari institusi-institusi vokesyenal dan teknik, lebih

kurang 2,000 orang pekerja mahir/separuh mahir dalam bidang pembinaan telah tamat latihan setiap tahun.

Bersama-sama dengan pekerja-pekerja yang telah pulang daripada negara jiran, pengeluaran pekerja-pekerja mahir/separuh mahir ini telah dapat menampung keperluan tenaga pekerja dalam sektor pembinaan negara kita pada masa sekarang. Walau bagaimanapun Kerajaan akan sentiasa mengawasi kedudukan perkara ini.

Usaha-usaha dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi kekurangan ini ialah menarik minat lebih ramai lagi belia-belie menceburkan diri di sektor ini di samping meminta kerjasama pihak-pihak yang mengendalikan industri-industri ini supaya mengkaji upah dan lain-lain kemudahan yang lebih menarik. Saya suka menggesa para belia yang telah mendapat latihan supaya tidak bersikap terlalu memilih pekerjaan.

PERKHIDMATAN PERTANIAN BERSEPADU

40. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Pertanian menjelaskan sama ada Kerajaan bercadang hendak meneruskan perkhidmatan pertanian bersepadu yang sedang dilaksanakan oleh Projek Barat Laut Selangor memandangkan keberkesanan pelaksanaan projek ini rakyat di kawasan berkenaan sangat-sangat mengharapkan projek ini menjalankan khidmatnya terus menerus.

Tuan Anuar bin Haji Ibrahim: Perkhidmatan-perkhidmatan pertanian yang dilaksanakan secara bersepadu di bawah Projek Barat Laut Selangor seperti pengembangan, kejenteraan ladang, kredit pertanian, penyelidikan dan lain-lain lagi

merupakan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang perlu untuk memperbaiki tingkat dan daya pengeluaran petani-petani. Perkhidmatan-perkhidmatan ini sudah tentu akan diteruskan oleh Kementerian dan tidak akan ditamatkan. Matah dalam hubungan ini, Kementerian sedang mengambil usaha-usaha untuk memperbaiki lagi dan meningkatkan kualiti dan keberkesanan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan serupa ini untuk kepentingan semua petani-petani dan lain-lain golongan sasaran yang berkenaan di seluruh negara. Oleh itu, penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut tidak akan terjejas walaupun pelaksanaan Projek Barat Laut Selangor akan berakhir dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML).

DOKTOR MEMERIKSA PESAKIT

41. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa banyakkah kes-kes yang mana doktor-doktor tidak menggunakan tangan untuk memeriksa pesakit tetapi menggunakan alat-alat seperti pensil, pen dan lain-lain dan sama ada perkara seperti ini masih berlaku lagi dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil ke atas doktor-doktor yang berkenaan.

Dato Chin Hon Ngian: Soalan yang serupa dengan perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' S. Govindaraj yang saya telah berikan jawapan pada 18-4-1985. Kementerian saya masih mengawasi perkembangan-perkembangan perkara ini.

KAD PERAKAM WAKTU-PENGGUNAAN

42: Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada:

- (a) Kerajaan akan mengkaji semula sistem "peraturan merakam

waktu bekerja" untuk semua kakitangan Kerajaan memandangkan beberapa kelemahan di pihak penguatkuasa peraturan tersebut, memastikan setiap lapisan kakitangan Kerajaan mematuhi peraturan tersebut dengan penuh bertanggungjawab;

- (b) Sehingga sekarang berapakah kes tindakan disiplin yang telah diambil terhadap kakitangan yang melanggar peraturan ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

Sistem penggunaan kad perakam waktu sebenarnya telah disusun dengan sebegitu cara supaya setiap lapisan kakitangan Kerajaan mematuhi peraturannya dengan penuh tanggungjawab. Sebarang penyelewengan atau kegagalan menggunakannya dapat dikesan jika peraturan itu diikuti termasuk perbuatan meminta orang lain mengetikkan kad seseorang tanpa diketahui oleh pegawai bertugas. Hanya jika pegawai-pegawai atau penguatkuasa penggunaan sistem itu tidak menjalankan tugas atau pihak Ketua Pejabat tidak menguatkuasakan peraturan-peraturan itu, barulah penyelewengan dan sebarang perbuatan tidak bertanggungjawab sistem ini berlaku.

Dalam hal ini menguatkuasakan peraturan-peraturan itu semua Ketua Pejabat telah diingatkan untuk memberi sepenuh perhatian terhadapnya. Oleh itu kajian semula tidaklah diperlukan. Yang perlu sekarang ialah mengambil tindakan sewajarnya atas kelalaian melaksanakan peraturan-peraturan itu.

Bilangan pegawai awam yang telah dikenakan tindakan tatatertib sehingga akhir tahun 1983 ialah 387 orang.

KONTRAKTOR DALAM NEGERI— KEUTAMAAN

43. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Nor minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kontraktor-kontraktor dari Jepun dan Korea tidak memberi tunjuk ajar kepada kontraktor-kontraktor dalam negeri sama ada bumiputera atau tidak, dan jika sedar sama ada beliau akan mengutamakan kontraktor dalam negeri lebih-lebih lagi kontraktor bumiputera semoga kewangan tidak akan mengalir ke negara-negara luar.

Dato S. Samy Vellu: Adalah tidak benar kenyataan bahawa kontraktor-kontraktor Jepun dan Korea tidak memberi tunjuk ajar kepada kontraktor-kontraktor dalam negeri. Untuk maklumat Ahli Yarig Berhormat, sebenarnya pemindahan teknologi daripada kontraktor luar negeri kepada kontraktor tempatan adalah satu-satunya syarat yang dikenakan kepada kontraktor-kontraktor luar negeri (termasuk dari negeri Jepun dan Korea) yang mengendalikan projek-projek di negeri ini. Berdasarkan rekod-rekod yang ada syarat pemindahan teknologi ini telah dipatuhi oleh kontraktor-kontraktor Jepun dan Korea itu.

Selain dari itu kontraktor-kontraktor luar negeri juga dikehendaki mengambil kontraktor tempatan sebagai rakan kongsi dalam melaksanakan kerja-kerja yang diperolehi. Mereka juga dikehendaki memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada nilai kontrak kepada kontraktor tempatan. Oleh yang demikian, apa yang dikatakan tunjuk ajar itu pasti wujud oleh kerana peranan kontraktor-kontraktor tempatan akan sebanyak sedikit menentukan kejayaan sesuatu projek itu pada keseluruhannya.

Kementerian saya sentiasa mengawasi dengan rapi tentang

perkara-perkara ini dan sebuah jawatankuasa khas telah pun ditubuh bagi menentukan pemindahan teknologi dan juga pembahagian kerja oleh kontraktor luar negeri kepada kontraktor tempatan.

ASRAMA PENUNTUT MALAYSIA DI KAHIRAH

44. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pelajaran menyatakan sikap Kementerian terhadap asrama-asrama negeri di sekitar Bandar Kahirah (Mesir) bagi penuntut-penuntut Malaysia dan nyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk menyatukan penuntut-penuntut tersebut di dalam sebuah asrama yang dikawal oleh Kementerian Pelajaran sendiri.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan memang sedar wujudnya asrama-asrama negeri di sekitar Bandar Kahirah, kerana kebanyakan penuntut-penuntut Malaysia adalah di bawah tajaan Kerajaan-kerajaan Negeri, yang menyediakan asrama-asrama untuk kemudahan penuntut-penuntut tajaan mereka. Sungguhpun begitu Kerajaan telah menubuhkan Jabatan Penuntut Malaysia di Kahirah untuk menjaga hal ehwal kebajikan termasuk aktiviti-aktiviti penuntut, pembayaran biasiswa dan sebagainya tanpa mengira penuntut tajaan atau persendirian dari negeri mana mereka datang asalkan dari Malaysia.

SAUDARA BARU MEMELUK AGAMA ISLAM

45. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil ke atas saudara-saudara baru yang telah mengaku taat dan patuh kepada ajaran agama Islam kemudian menyatakan akan kembali kepada agama asalnya.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Pihak Kerajaan sedang mengkaji dengan teliti mengenai perkara yang dibangkitkan tersebut.

BAHAGIAN PERHUBUNGAN RAYA ANGKATAN TENTERA

46. Tuan Abd. Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementeriannya berpuas hati dengan kempen-kempen yang dirancang dan dilaksanakan oleh Bahagian Perhubungan Raya Angkatan Tentera untuk meningkat dan mengekalkan imej dan nama baik Angkatan Tentera Malaysia.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Setakat ini Kementerian Pertahanan berpuas hati dengan kempen-kempen yang dilaksanakan oleh Cawangan Perhubungan Awam Kementerian Pertahanan. Cawangan ini telah memainkan peranan secara langsung dan tidak langsung dalam usahanya meningkat dan mengekalkan imej Kementerian Pertahanan khususnya dan Angkatan Tentera amnya melalui berbagai-bagai kegiatan seperti melalui media cetak, komunikasi Bersemuka, Media Letronik (seperti RTM, Filem Negara) pita-pita Video dan juga melalui perhubungan akbar dan sebagainya.

Untuk memberi lebih keberkesanan dalam menjalankan aktiviti hariannya, Cawangan ini juga sentiasa berhubung rapat serta mendapat kerjasama dari Agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Penerangan dan pihak-pihak penerbitan ketika mengendalikan liputan-liputan terhadap aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh Kementerian Pertahanan.

PENCEROBOHAN VIETNAM DI THAILAND

47. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pertahanan menyatakan

langkah positif yang sedang diperkembangkan oleh Kementerian beliau bagi menentang sebarang kemungkinan dari perkembangan di sempadan Thailand sekarang.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kerajaan bukan sahaja sedar akan pencerobohan yang dilakukan oleh tentera Vietnam di Wilayah sempadan Thailand malah sentiasa mengikuti perkembangan yang berlaku di sana secara serious. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab terhadap keselamatan negara, sememangnya kami sentiasa mengkaji strategi-strategi yang tertentu serta melaksanakan langkah-langkah yang difikirkan boleh dibuat dalam usaha mempertingkatkan keupayaan Angkatan Tentera kita mempertahankan negara dari sebarang kemungkinan. Kegiatan pencerobohan tentera Vietnam ke Wilayah Thailand adalah merupakan salah satu perkara telah diambil kira oleh Kerajaan di dalam merancang strategi pertahanan negara.

JAWATANKUASA PELAJARAN- PEPERIKSAAN

48. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pelajaran untuk mengkaji keseluruhan sistem pelajaran negara dengan menitikberatkan tentang peperiksaan dan meminta Jawatankuasa itu untuk memberi cadangan dan memperbaiki sistem yang ada sekarang.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian Pelajaran pada tahun 1980 telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu untuk mengkaji perakuan-perakuan "Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979". Salah satu bidang

kajian Jawatankuasa ini ialah bidang Penilaian yang menyentuh perkara-perkara peperiksaan.

Jawatankuasa ini telah pun mengemukakan beberapa syor untuk memperbaiki sistem yang ada. Di antara perkara-perkara yang dicadangkan ialah mengenai Pensijilan Terbuka bagi SPM/SPVM, syarat-syarat mengambil peperiksaan SPM/SPVM, ujian kelas berasaskan kriteria dan pemansuhan Peperiksaan-peperiksaan Penilaian Darjah III dan V.

HOSPITAL BESAR ALOR SETAR - MENAMBAH WAD

49. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi wad Kelas 1 dan 2 di Hospital Alor Setar kerana wad tersebut dapat menampung kira-kira 100 orang pesakit sahaja pada masa ini; jika ya, bila rancangan ini akan dimulakan.

Dato' Chin Hon Ngian: Kerajaan memang sedang merancang untuk membangunkan semula Hospital Besar Alor Setar untuk mengseimbangkan kemudahan-kemudahan dengan keperluan perkhidmatan perubatan semasa dan juga untuk masa hadapan. Cadangan ini termasuk rancangan untuk membina beberapa wad-wad baru bagi menggantikan wad-wad yang tama, untuk mengurangkan keadaan kesesakan dalam wad-wad sedia ada dan juga menambah jumlah katil mengikut keperluan jenis rawatan dan kelas. Rancangan ini telah pun bermula dalam Rancangan Malaysia Keempat secara berperingkat-peringkat dan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

SKIM INSURAN KESIHATAN

50. Tuan D. P. Vijandran minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah mengkaji konsep

skim Insuran Kesihatan Negara dan sama ada konsep ini akan dilaksanakan; jika ya, bila.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Pada masa ini Kerajaan sedang menjalankan satu kajian mengenai Pembiayaan Perkhidmatan Kesihatan, di mana Insuran kesihatan adalah salah satu komponen yang penting dalam kajian tersebut. Oleh yang demikian, adalah terlalu awal untuk menentukan sebarang keperluan bagi mengadakan insuran kesihatan yang berkenaan.

PROJEK HAIDRO BAKUN-MENEMPATKAN PENDUDUK

51. Tuan Kenneth Kanyan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada terdapat rancangan bersama untuk menempatkan semula penduduk-penduduk yang terlibat di kawasan Projek Haidro Bakun untuk mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul di masa yang akan datang berkaitan dengan mata pencarian mereka yang terlibat.

Dato' Leo Moggie anak Irok: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang terdapat rancangan untuk menempatkan semula penduduk-penduduk yang terlibat di kawasan Projek Haidro Bakun sekiranya projek ini dilaksanakan. Kajian mengenai rancangan penempatan semula ini adalah merupakan sebahagian dari kajian kemungkinan keatas Projek Haidro Elektrik Bakun yang telah pun siap pada akhir tahun 1983. Semua maklumat yang relevan tentang pembangunan kerajaan untuk mempertingkatkan taraf hidup para penduduk serta juga latar belakang sosio-ekonomi dan penempatan para penduduk berkenaan telah pun diambilkira dalam menggubal rancangan penempatan semula ini.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kajian kemungkinan mengenai Projek Haidro Elektrik

Bakun ini masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan. Keputusan mengenainya hanya akan dibuat selepas beberapa kajian lanjut selesai dijalankan.

SYARIKAT JAMINAN KREDIT (CGC)

52. Tuan KeeYongWee minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Kemajuan yang dicapai atas skim CGC sejak ianya dilaksanakan; dan
- (b) sama ada skim ini akan terus dilaksanakan untuk faedah pengusaha-pengusaha kecil memandangkan mereka sedang mengalami masalah kewangan yang agak serius akibat dari kemelesetan ekonomi negara.

Tuan Daim Zainuddin:

- (a) Semenjak Syarikat Jaminan Kredit (CGC) memulakan operasinya pada awal tahun 1973, CGC telah memberi jaminan kepada 132,705 peminjam yang terdiri daripada 68,856 peminjam bumiputera (52%) dan 63,849 peminjam bukan bumiputera (48%) dengan jumlah pinjaman masing-masingnya sebanyak \$708.4 juta (29%) dan \$1,707.7 juta (71%) seperti pada 31hb Disember, 1984.

Pinjaman-pinjaman tersebut telah dikeluarkan kepada pelbagai sektor seperti perniagaan kecil, perusahaan, pertanian dan lain-lain. Sektor yang memperolehi pinjaman terbanyak ialah sektor perniagaan kecil dengan peminjam seramai 89,436 atau 67% dari jumlah peminjam. Dari segi nilai pula, jumlah pinjaman kepada sektor perusahaan kecil adalah

sebanyak \$1.9 ribu juta atau 78% dari jumlah pinjaman sebanyak \$2,4 ribu juta.

- (b) Skim CGC ini akan terus dilaksanakan bagi memastikan pengusaha-pengusaha kecil mendapat kemudahan dari bank-bank perdagangan dengan kos yang berpatutan. Usaha sedang juga dijalankan oleh CGC untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam membangunkan sektor perusahaan kecil di negara ini memandangkan sektor ini memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara keseluruhannya.

GURU BESAR SEKOLAH TAMIL-KENAIKAN PANGKAT

53. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa kenaikan pangkat sebagai Guru Besar Sekolah Tamil banyak diperuntukkan bagi guru-guru yang bukan mendapat kursus dalam Bahasa Tamil.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Mengikut peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perintah Am dan Pekeliling-pekeliling yang berkaitan, guru-guru yang dilantik sebagai Guru Besar di Sekolah-sekolah Tamil hendaklah sekurang-kurangnya lulus Bahasa Tamil di peringkat peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Di samping itu guru-guru tersebut mestilah mempunyai kelulusan akademik dan iktisas yang baik, daya kepimpinan, sifat-sifat peribadi yang terpuji, mendapat kursus dalam Bahasa Tamil dan lain-lain syarat yang sesuai. Memang ada Guru Besar di Sekolah-sekolah Tamil yang tidak mendapat kursus dalam Bahasa Tamil, sungguhpun begitu kebanyakan daripada mereka mempunyai kelulusan Bahasa Tamil di peringkat

Sijil Pelajaran Malaysia malahan ada yang mempunyai kelulusan di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

RUMAH MURAH DI KAWASAN LADANG

54. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dalam usaha menyediakan tempat tinggal bagi penduduk-penduduk di negara ini, sama / ada kerajaan bertujuan mendirikan rumah-rumah murah di kawasan ladang dan dikurangkan 50% bayaran yang dikenakan kepada penduduk ladang tersebut bagi menjamin masa depannya selepas bersara nanti.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menyediakan kemudahan tempat tinggal bagi penduduk-penduduk di negara ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mendirikan rumah-rumah murah khas bagi kawasan-kawasan ladang. Bagaimanapun, seperti golongan rakyat yang berpendapatan rendah lainnya, penduduk-penduduk ladang adalah juga layak memohon rumah-rumah kos rendah yang dibina berhampiran dengan kawasan ladang. Dalam hubungan ini, Kerajaan memberi peluang yang sama kepada semua golongan rakyat yang berpendapatan rendah menikmati kemudahan perumahan kos rendah yang disediakan.

Dari segi harga pula, pada masa ini harga rumah kos rendah adalah terkawal di bawah paras \$25,000/-seunit, tidak kira sama ada rumah-rumah berkenaan didirikan oleh sektor awam maupun sektor swasta. Bagi projek-projek perumahan kos rendah sektor awam di kawasan luar bandar yang merangkumi juga projek-projek di persekitaran ladang, kerajaan memberi subsidi ke atas kadar faedah

(bunga) pinjaman kepada para pembeli, Dalam perkara ini, kerajaan hanya mengenakan kadar faedah sebanyak 5.5% setahun sahaja. Selain daripada itu, Kerajaan juga memberikan lain-lain kemudahan subsidi termasuk kos infrastruktur dan kos bayaran perkhidmatan ikhtisas seperti akitek dan jurutera. Oleh itu, Kerajaan tidak hercadang untuk mengurangkan lagi bayaran bagi harga rumah kos rendah bagi penduduk ladang yang berjaya memohon rumah tersebut.

RUMAH AWAM KOS RENDAH-HARGA

55. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menentukan bahawa harga rumah awam kos sederhana dan rendah tidak dinaikkan oleh pemaju-pemaju ke atas suatu paras yang diluar kemampuan rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Kementerian saya memang memberi perhatian yang berat kepada harga rumah terutamanya rumah jenis kos rendah agar kemudahan perumahan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat khususnya golongan pendapatan rendah mengikut keupayaan masing-masing. Demi kepentingan rakyat yang berpendapatan rendah dan untuk menentukan mereka dapat menikmati kemudahan perumahan yang selesa, Kementerian saya telah menetapkan bahawa harga rumah kos rendah dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat termasuk kos tanah, binaan bangunan dan infrastruktur tidak boleh melebihi \$25,000/- seunit. Paras harga ini telah dikuatkuasakan bagi rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan dan swasta, sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

Kementerian saya tidak akan campur tangan dalam pasaran untuk rumah kos sederhana dan kos tinggi memandangkan bahawa Kerajaan juga mengamalkan sistem "free-enterprise" di mana harga rumah atau sesuatu barang akan di tetapkan melalui unsur-unsur permintaan dan penawaran. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan berusaha sejauh mana yang boleh untuk menentukan harga rumah tersebut tidak dinaikkan kepada satu paras yang di luar kemampuan pembeli.

Diantara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil ialah memperbanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah dengan:

- (i) Mempercepatkan segala proses mengenai tukar syarat dan memecah sempadan tanah.
- (ii) Menentukan kemudahan pinjaman kewangan yang mencukupi untuk sektor perumahan.
- (iii) Menentukan bekalan bahan binaan seperti simen, besi dan lain-lainnya yang mencukupi.
- (iv) Mempercepatkan proses kelulusan pelan tatatur dan pelan bangunan, pengeluaran Sijil Layak Menduduki serta lain-lain perkara yang terlibat dalam proses binaan perumahan.
- (v) Mengamalkan penggunaan sistem binaan pasang siap.
- (vi) Memperkenalkan penggunaan konsep "modular-coordination".

RUMAH DAN KEDAI-PUNCA BAHAYA KEPADA PENGHUNI

56. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan pemakaian Akta Kawalan Sewa, 1966

bagi rumah-rumah dan kedai-kedai yang usang, memandangkan bahawa rumah-rumah dan kedai-kedai tersebut adalah punca bahaya kepada penghuni-penghuni dan orang ramai.

Dato Dr Neo Yee Pan: Walaupun Ahli Yang Berhormat menganggap bahawa pemakaian Akta Kawalan Sewa 1966 bagi rumah-rumah dan kedai-kedai yang usang adalah merupakan punca bahaya kepada penghuni-penghuni dan orang ramai, suka saya menjelaskan bahawa:

- (i) bangunan-bangunan yang siap dibina selepas 31hb Januari, 1948 adalah tidak tertakluk kepada Akta Kawalan Sewa 1966.
- (ii) Akta Kawalan Sewa, 1966 hanya memperuntukkan perkara-perkara berkaitan dengan bangunan yang mana sewanya dikawal, sewa yang berpatutan, tribunal sewa, pengambilan balik bangunan yang dikawal sewanya dan menyewa semula, dan ianya tidak mempunyai apa juga peruntukan bagi mengawal keadaan dan struktur sesuatu bangunan; dan
- (iii) Kawalan terhadap bangunan-bangunan usang sama ada bangunan yang dikawal sewanya atau tidak, yang berada dalam keadaan kurang bersih, kurang selamat dan merbahaya kepada penghuni-penghuni dan orang ramai adalah tertakluk di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974.

BANK ISLAM-SIMPANAN

57. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom meminta Menteri Kewangan

menyatakan setakat ini sejauh mana kejayaan Bank Islam dari segi:

- (a) jumlah pelaburan simpanan semua jenis dari orang Islam dan bukan Islam.
- (b) jumlah khidmat pinjaman dan apa sahaja bentuk khidmat yang telah diberikan kepada orang Islam.
- (c) bila pula cawangannya akan dibuka di semua ibu negeri; dan
- (d) jumlah dan jenis perniagaan yang sudah beroperasi setakat ini.

Tuan Daim Zainuddin:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah semua jenis simpanan bagi orang Islam dan bukan Islam di Bank Islam seperti pada 31hb Disember 1984 adalah masing-masingnya sebanyak \$274.6 juta dan \$223,000, menjadikan jumlah simpanan keseluruhan sebanyak \$274.85 juta.
- (b) Jumlah pembiayaan yang dikeluarkan oleh Bank Islam pada 31hb Disember, 1984 berjumlah \$249.7 juta dan sebahagian besar dari pembiayaan ini diberikan kepada orang perseorangan dan badan-badan Islam.
- (c) Pada akhir bulan Mac, 1985, Bank Islam mempunyai 6 buah cawangan iaitu di Kuala Lumpur, Kuala Trengganu, Kota Bharu, Alor Setar, Seberang Prai dan Kelang. Empat buah cawangan lagi akan dibuka tidak lewat daripada bulan Julai 1985 iaitu di Seremban, Kuantan, Johor Bahru dan di Komplek Pusat Islam, Kuala Lumpur. Disamping itu, Bank Islam bercadang untuk membuka 6 buah cawangan lagi di beberapa

negeri pada masa hadapan. Dengan itu, Bank Islam dijangka akan dapat menempatkan sekurang-kurangnya sebuah cawangan di setiap negeri di seluruh negara,

- (d) Perniagaan sesebuah bank perdagangan termasuk Bank Islam sebahagian besarnya adalah terdiri daripada pembiayaan yang diberikan kepada pelanggan-pelanggannya. Jenis-jenis pembiayaan adalah seperti jualan harga tangguh, sewaan, pembiayaan projek berdasarkan prinsip Al-Mudharabah, pinjaman kebajikan, jualan dengan tambahan untung dan surat-surat kredit di bawah prinsip Al-Murabahah dan Al-Musarakah. Jumlah pembiayaan ini seperti pada bulan Disember 1984 adalah sebanyak \$249.7 juta.

**SYARIKAT JAMINAN KREDIT
(CGC)-OPERASI**

58. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Kewangan menyatakan sejak CGC dilancarkan sejauh mana kemajuan yang dapat dinikmati oleh mereka-mereka yang memerlukan khidmat CGC dan;

- (a) jumlah kelulusan yang diberikan kepada Bumiputra dan bukan Bumiputra;
- (b) sama ada benar pinjaman di bawah lima puluh ribu tidak memerlukan penjamin dan cagaran; dan
- (c) sama ada bukan Bumiputra menikmati lebih 80% dari khidmat CGC dengan mudah.

Tuan Daim Zainuddin:

- (a) Semenjak Syarikat Jaminan Kredit (CGC) memulakan operasinya pada awal tahun

1973, CGC telah memberi jaminan kepada 132,705 peminjam yang terdiri daripada 68,856 peminjam bumiputera (52%) dan 63,849 peminjam bukan bumiputera (48%) dengan jumlah pinjaman masing-masingnya sebanyak \$708.4 juta (29%) dan \$1,707.7 juta (71%) seperti pada 31hb Disember 1984.

Pinjaman-pinjaman tersebut telah dikeluarkan kepada pelbagai sektor seperti perniagaan kecil, perusahaan, pertanian dan lain-lain. Sektor yang memperolehi pinjaman terbanyak ialah sektor perniagaan kecil dengan peminjam seramai 89,436 atau 67% dari jumlah peminjam. Dari segi nilai pula, jumlah pinjaman kepada sektor perusahaan kecil adalah sebanyak \$1.9 ribu juta atau 78% dari jumlah pinjaman sebanyak \$2.4 ribu juta.

- (b) Pinjaman-pinjaman yang tidak memerlukan cagaran ialah pinjaman-pinjaman di bawah Skim Pinjaman Khas yang dijamin oleh CGC. Sekiranya pinjaman tersebut diambil untuk tujuan membeli aset tetap, bank-bank perdagangan dibenarkan mengambil gadaian ke atas aset berkenaan. Keperluan mengadakan penjamin tidak merupakan satu syarat wajib untuk melayakkan seseorang itu mendapat jaminan di bawah Skim-skim CGC.
- (c) Pada 31hb Disember 1984, 48% daripada jumlah peminjam terdiri dari bukan Bumiputera dengan jumlah pinjaman sebanyak \$1,707.7 juta atau 71% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Bagaimanapun keadaan ini akan berubah

berikutan daripada garis panduan pinjaman yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang menghendaki semua bank-bank perdagangan mengeluarkan sekurang-kurangnya separuh dari pinjaman-pinjaman yang disalurkan di bawah Skim Pinjaman Khas diberikan kepada Bumiputera menjelang 31hb Disember, 1985.

SUKAN-MINAT PEMUDA PEMUDI

59. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa semangat dan minat yang ditunjukkan oleh pemuda-pemudi kita dalam sukan tidak lagi seperti pada masa-masa dahulu; jika ya, apakah alasannya bagi perkara ini berlaku, dan adakah Kementeriannya bercadang untuk berunding dengan Kementerian Pelajaran supaya markah diuntukkan kepada semua murid-murid sekolah rendah dalam mata pelajaran pendidikan jasmani untuk mewujudkan balik semangat sukan di kalangan generasi yang akan datang.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Semangat dan minat pemuda-pemudi kita dalam sukan adalah tidak berubah malah ianya lebih meningkat jika dibandingkan dengan pada masa-masa yang dahulu. Ini berdasarkan kepada bertambahnya penyertaan dalam berbagai-bagai aktiviti kesukanan. Pertambahan penyertaan ini adalah hasil daripada wujudnya lebih banyak badan-badan sukan dan rekreasi dan kesedaran tentang pentingnya sukan di samping usaha dan galakan daripada pihak Kerajaan dan agensi-agensi lain.

Mengikut keadaan sekarang ini, markah tidak diberi kepada murid-murid untuk mata pelajaran jasmani sama ada di Sekolah Rendah ataupun Sekolah Menengah. Walau

bagaimanapun, saya difahamkan kajian sedang dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk memberi penilaian kepada penglibatan murid-murid dalam kegiatan sukan dan juga untuk kegiatan-kegiatan persatuan dan yang beruniform.

TELEFON-KEMUDAHAN

60. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakannya sama ada Kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk membekalkan telefon kepada semua rumah di kawasan bandar memandangkan bahawa keperluan telefon tidak lagi merupakan suatu kemewahan; dan sama ada beliau ada rancangan untuk membekal telefon am bagi setiap kampung di luar bandar; jika tidak sama ada perkara ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Dato' Leo Moggie anak Irok: Kerajaan memang sedar bahawa kemudahan telefon sudah tidak lagi merupakan suatu kemewahan bahkan ianya adalah salah satu kemudahan yang sangat penting dalam urusan harian dan pembangunan ekonomi negara. Sehubungan dengan kesedaran ini, pihak Kerajaan sekarang melalui Kementerian saya dan Jabatan Telekom Malaysia telah merancang beberapa projek dengan tujuan untuk menambahkan infrastruktur telekomunikasi bagi menampung permintaannya yang kian meningkat dengan pesat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kesemua rancangan ini bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

ANASIR ANTI KERAJAAN

61. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakannya sama ada beliau sedar tentang kegiatan anasir anti-Kerajaan

yang menyampaikan maklumat-maklumat yang salah kepada pelajar-pelajar kita di seberang laut; jika ya, apakah langkah-langkah positif yang diambil supaya mereka tidak terpengaruh dengan dakyah-dakyah ini dan nyatakan tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang menyebarkan dakyah-dakyah palsu ini.

Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan memang sedar tentang kegiatan anasir-anasir anti-kerajaan yang menyampaikan maklumat-maklumat yang salah kepada pelajar-pelajar kita di seberang laut, sungguhpun begitu sebahagian besar dari pelajar-pelajar kita tidak terpengaruh dengan dakyah-dakyah itu.

Beberapa langkah positif telah diambil bagi mengatasi masalah ini, di antaranya ialah:

- (i) Kerajaan sedang memperkemaskan jentera pentadbiran Jabatan Penuntut Malaysia di seberang laut dan menghantar pegawai-pegawai yang lebih berkeelayakan dan berpengalaman, supaya dapat memberi bimbingan dan menerangkan dasar-dasar Kerajaan dengan lebih jelas.
- (ii) Kerajaan menghantar pegawai-pegawai termasuk Pegawai Agama melawat pelajar-pelajar di seberang laut untuk mengadakan ceramah, seminar dan dialog, di samping mengedarkan risalah-risalah serta menerangkan dasar-dasar Kerajaan. Segala masalah, sungutan dan kesulitan yang disuarakan oleh pelajar-pelajar diambilkira dalam usaha Kerajaan memberi khidmat yang lebih baik terhadap hal ehwal dan kebajikan pelajar-pelajar.

- (iii) Pelajar-pelajar diberi Kursus Orientasi yang memberi pendedahan tentang sejarah Malaysia, Perlembagaan Malaysia, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Keselamatan Negara, di samping mendedahkan kepada pelajaran agama dan ketatanegaraan dengan lebih kesedaran yang mendalam kepada pelajar-pelajar mengenai tanggungjawab mereka kepada agama, negara dan khususnya pelajaran mereka supaya mereka benar-benar faham dan menginsafi tujuan mereka dihantar ke luar negeri.

Tindakan yang sejajar dengan perlembagaan dan undang-undang negara boleh diambil ke atas mereka yang menyebarkan dakyah-dakyah palsu ini. Sekiranya terbukti pelajar sendiri yang terlibat, biasiswa mereka akan ditarik balik dan mereka diarahkan balik segera ke tanah air. Tindakan menuntut ganti rugi seperti yang tercatat dalam surat perjanjian akan diambil terhadap pelajar berkenaan dan penjamin-penjaminnya.

KAD PENGENALAN— MEMBAHARUI

62. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Pejabat Pendaftaran akan memberitahu pemegang-pemegang kad pengenalan supaya membaruinya apabila sampai masanya untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan rakyat dan tidaklah perlu mereka membanjiri pejabat-pejabat Pendaftaran seperti sekarang ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk memberitahu semua pemegang kad pengenalan supaya menukarkan dokumen itu apabila sampai masanya seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Sebaliknya adalah menjadi kewajipan setiap pemegang kad pengenalan untuk menukarkan dokumen masing-masing di Jabatan Pendaftaran Negara yang berhampiran, sekiranya kad pengenalan keluaran pertama itu semasa mereka berumur kurang daripada 18 tahun.

PROTON SAGA—KERETA NASIONAL

63. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bahan-bahan tempatan yang digunakan dalam perusahaan Kereta Nasional PROTON SAGA;
- (b) jumlah pekerja-pekerja "professional" dari warganegara Malaysia; dan
- (c) jumlah pekerja separuh mahir dari warganegara Malaysia.

Datuk Dr James P. Ongkili:

- (a) Berasaskan kepada pengertian bahawa bahan-bahan tempatan itu sebagai komponen tempatan, maka jumlah 15 komponen tempatan digunakan dalam PROTON SAGA pada peringkat permulaan.
- (b) Pekerja-pekerja profesional dari warganegara Malaysia yang telah/akan bekerja dengan PROTON sehingga bulan Jun 1986 adalah seramai 165 orang.
- (c) Setakat ini PROTON tidak mempunyai pekerja separuh mahir, tetapi jumlah pekerja

mahir yang telah dan akan bekerja dengan PROTON sehingga bulan Jun 1986 adalah seramai 1,447 orang.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE INDONESIA

64. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau selama dua hari ke Indonesia baru-baru ini dan sama ada beliau telah membincangkan juga mengenai kemasukan warganegara Indonesia ke Malaysia.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Mohd. Yusof bin Kassim pada 15-4-85. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

SUKAN-MENINGGIKAN MUTU

65. Dato Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan tindakan dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk meninggikan mutu sukan negara ini kerana di akhir-akhir ini prestasi dan mutu sukan di negara kita telah merosot.

(Sila lihat Jawapan No. 4).

FELDA-PENEMPATAN PENEROKA

66. Dato' S. Govinda Raj minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Rancangan-rancangan FELDA yang tertentu dikhaskan untuk bumiputera sahaja dan sekiranya tidak sila nyatakan nisbah pengambilan peserta-peserta bukan bumiputera yang memasuki rancangan-rancangan FELDA.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Bagi Rancangan-rancangan FELDA yang telah diistiharkan oleh Kerajaan Negeri sebagai kawasan Rizab Melayu, hanya peneroka-peneroka bumiputera sahaja yang akan ditempatkan, manakala rancangan-rancangan yang lain pula penempatan adalah terbuka kepada peneroka bumiputera dan bukan bumiputera. Senarai nama-nama calon yang berjaya dalam temuduga untuk menjadi peneroka adalah dirujuk kepada Kerajaan Negeri untuk diberi kelulusan sebelum calon-calon tersebut dapat ditempatkan di rancangan-rancangan. Hanya calon-calon yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sahaja yang akan ditempatkan mengikut kekosongan.

FELDA-BORANG KEPADA BUKAN BUMIPUTERA

67. Dato' S. Govinda Raj minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di Negeri Johor berlaku borang-borang permohonan untuk menyertai rancangan-rancangan Felda tidak diberi kepada bukan bumiputera; jika ya, mengapa.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Penempatan peneroka-peneroka di rancangan-rancangan FELDA adalah mengikut dasar-dasar yang ditetapkan dari masa ke masa oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan dan juga dasar Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Kerajaan negeri mempunyai dasarnya sendiri terhadap penempatan kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera. Pengeluaran borang-borang permohonan untuk menjadi peneroka FELDA adalah juga tertakluk kepada dasar-dasar tersebut yang telah dipersetujukan bersama dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Bahawa adanya pihak-pihak yang tidak ada usul periksa, sengaja membuat kenyataan akhbar mengenai perkara ini, seolah-olah mahu menjadi isu perkauman. Sikap sedemikian amat dikesalkan dalam negara yang berbilang kaum.

PEPERIKSAAN STPM— KELEMAHAN CALON

68. Puan Rokiah Zainuddin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar kemerosotan keputusan pelajar-pelajar sastera sijil Tinggi Pelajaran Malaysia tahun ini, adalah disebabkan oleh kelemahan pelajar-pelajar menguasai Bahasa Malaysia sepenuhnya dan juga tenaga pengajar STPM mencampuradukkan bahasa semasa mereka mengajar; jika benar tidaklah Kementerian Pelajaran bercadang hendak mengujudkan semula Maktab Perguruan Bahasa yang pernah mengeluarkan guru-guru Bahasa Malaysia pada satu masa dahulu.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kelemahan calon-calon sastera dalam peperiksaan STPM tahun lalu bukan sahaja disebabkan oleh penguasaan Bahasa Malaysia tetapi juga kelemahan memahami kehendak-kehendak soalan. Perkara ini begitu ketara sekali bagi calon-calon sekolah swasta dan calon-calon persendirian yang merupakan 71.7% daripada keseluruhan calon yang mengambil peperiksaan STPM, 1984. Mereka ini sebenarnya tidak mempunyai persediaan yang cukup untuk mengambil peperiksaan. Mereka juga hanya mempunyai kelayakan yang minima untuk menduduki peperiksaan STPM. Bagi calon-calon sekolah Kerajaan penguasaan Bahasa Malaysia mereka adalah baik.

Kementerian Pelajaran juga sentiasa memastikan guru-guru yang mengajar di peringkat STPM

mematuhi peraturan yang ada iaitu menggunakan Bahasa Pengantar yang diwajibkan bagi satu-satu mata-pelajaran dan tidak mencampuradukkan bahasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti tahun-tahun yang lepas, Maktab Perguruan Bahasa masih menjalankan kursus untuk melatih guru-guru Bahasa Malaysia. Melalui kursus Perguruan Asas Tiga Tahun. Di samping itu Maktab ini juga mengadakan Kursus Perguruan Khas Bahasa Malaysiaselamasatutahun untuk guru-guruterlatihyangtelah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun untuk meningkatkan lagi taraf kecekapan dan kemahiran mereka di dalam bidang tersebut.

KEBAKARAN KAPAL M.V. SITHAMBAKAM

69. Tuan K. Kumaran minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) jumlah rakyat Malaysia dan rakyatbermastauintetap negara ini yang terkorban akibat kebakaran kapal M.V. Sithambaram baru-baru ini;
- (b) usaha yang diamhil menghubungi keluarga mangsa di negara ini dan keluarga mangsa yang tidak langsung dapat dihubungi; dan
- (c) sama ada kerajiaan akan mengkaji kemungkinan menyaman (sue) tuan punya kapal M.V. Sithambaram untuk mendapatkan ganti rugi dan pampasan bagi pihak rakyat Malaysia yang terkorban.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:

- (a) Dalam kejadian kebakaran Kapal M.V. Shithambaram pada 12hbFebruari,1985, seramai 13 orang warganegara Malaysia telah terkorban.

Kesemua mereka yang terkorban itu adalah pemegang pasport Malaysia dan rakyat Malaysia.

- (b) Dalam usaha untuk menghubungi keluarga mangsa di Malaysia Kementerian Luar Negeri telah mendapatkan bantuan polis di Pusat Kawalan Malaysia di Bukit Aman untuk menghubungi semua keluarga mangsa di alamat-alamat yang telah diperolehi daripada Perwakilan Malaysia di Madras dan juga dari agen-agen kapal di Malaysia iaitu Jumabhoy & Sons dan Ubaidullah & Co. Namun demikian pihak Kementerian Luar Negeri dapat menghubungi hanya 8 keluarga mangsa kebakaran sahaja.

Pihak Kementerian Luar Negeri telah juga merayu kepada orang awam melalui semua surat khabar tempatan dan Radio dan T.V. Malaysia untuk menghubungi pihak Kementerian Luar Negeri bagi mendapatkan bantuan serta memberi maklumat mengenai keluarga mangsa itu, akan tetapi sambutan daripada orang awam tidak memuaskan. Memandangkan bahawa ramai daripada mangsa-mangsa tersebut adalah peniaga-peniaga kecil yang mempunyai keluarga di India, pihak Perwakilan Malaysia di Madras telah diarah supaya memberi bantuan yang berpatutan kepada keluarga mangsa-mangsa di India sekiranya dihubungi.

- (c) Pihak Kerajaan tidak akan menimbangkan kemungkinan menyaman tuan punya kapal oleh kerana perkara ini adalah terpulang kepada pihak keluarga mangsa-mangsa.

Kementerian difahamkan bahawa the Shipping Corporation of India akan membayar gantirugi sebanyak 10,000 rupees (M\$2,000) dan Kerajaan Tamil Nadu pula akan membayar sebanyak 5,000 rupees (M\$1,000) sebagai gantirugi kepada tiap-tiap keluarga mangsa yang terkorban dalam kebakaran tersebut.

KAPAL SELAM RUSSIA DI PERAIRAN MALAYSIA

70. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Luar Negeri menjelaskan sama ada benar bahawa baru-baru ini telah kelihatan kapal-kapal selam Rusia berada di laut antarabangsa negara kita; jika benar apakah tujuan mereka itu dan apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap kehadiran mereka itu.

(Sila lihat Jawapan No. 42 pada 17-4-85).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Perlu: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk diputuskan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semula sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA BEKAS YANG DI-PERTUA, Y.B. TAN SRI ISMAIL KHAN DAN BEKAS TIMBALAN YANG DI-PERTUA Y.B. TAN SRI DATO' SULEIMAN NJNAM SHAH

3.35ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Yang di-Pertua Dewan Negara, Y.B. Tan Sri Ismail Khan bin Ibrahim Khan dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Y.B. Tan Sri Dato' Suleiman bin Ninam Shah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berbahagia Tan Sri Ismail Khan telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara

pada 15hb Disember, 1980 dan kemudiannya dilantik menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara pada 5hb Januari, 1981 dan beliau telah tamat perkhidmatannya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara pada 13hb April, 1985 yang lalu setelah memegang jawatan selama 4 tahun lebih. Sungguhpun demikian Yang Berbahagia Tan Sri Ismail Khan akan terus memberi khidmatnya sebagai Ahli Dewan Negara sehingga tempoh perkhidmatannya berakhir nanti.

Dalam tempoh perkhidmatannya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Ismail Khan telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh adil dan saksama, dengan pimpinannya yang bijaksana, budi bahasa yang halus dan dengan sikapnya yang penuh sabar, ia dapat mengendalikan urusan persidangan Dewan Negara dengan cekap dan memuaskan.

Tan Sri Ismail Khan adalah seorang yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perundangan dan kehakiman. Beliau adalah bekas Hakim Besar Borneo dan telah bersara dari Perkhidmatan Kehakiman pada tahun 1970. Saya percaya latar belakang beliau di bidang perundangan dan kehakiman telah banyak membantu beliau di dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara dengan penuh tanggungjawab, adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, atas jasa dan sumbangannya pada negara, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menganugerahkan Darjah Panglima Mangku Negara (P.M.N.) dan Panglima Setia Mahkota (P.S.M.).

Pada hemat saya dengan pimpinannya yang bijak, budi bahasa yang halus dan sikapnya yang penuh sabar, Tan Sri Ismail Khan telah

memberi perkhidmatan cemerlang kepada Dewan Negara khasnya dan kepada Parlimen amnya.

Sebagai tanda penghargaan, saya dengan sukacitanya mencadangkan supaya Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Tan Sri Ismail Khan dan berdoa mudah-mudahan beliau sentiasa berada dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, di samping bekas Yang di-Pertua Dewan ini, Timbalannya Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah juga telah tamat perkhidmatannya pada 1hb April, 1985. Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah telah dilantik sebagai Senator semenjak 2hb April, 1979 dan pada 14hb Disember, 1982, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah memang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang politik dan perniagaan. Sedikit sebanyak pengalaman-pengalamannya telah membantu beliau dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya sebagai Timbalan Yang di-Pertua untuk membantu Yang di-Pertua Dewan Negara. Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah juga mempunyai budi bahasa yang halus dan sikap yang sabar dan ini membolehkannya menguruskan persidangan Dewan Negara dengan cekap dan memuaskan.

Seperti yang dinyatakan di atas, Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah adalah seorang yang tidak asing di bidang politik dan perniagaan. Saya tidaklah dapat menyebut satu persatu mengenai kegiatannya tetapi atas jasa dan sumbangannya kepada rakyat dan negara, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menganugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) pada tahun 1984 di samping anugerah Bintang-bintang Kebesaran oleh Kerajaan Negeri Johor.

Memandangkan kepada sumbangan dan khidmatnya kepada Dewan Negara khasnya dan Parlimen amnya, seperti yang saya sebutkan tadi, saya dengan sukacitanya mencadangkan supaya Dewan Negara merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah dan berdoa mudah-mudahan beliau sentiasa berada dalam keadaan sihat dan sejahtera hendaknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Yang di-Pertua Dewan Negara Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan bin Ibrahim Khan dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara Yang Berhormat Tan Sri Dato' Suleiman bin Ninam Shah untuk dibahaskan.

3.42ptg.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah sukacita menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk merakamkan perasaan penghargaan Dewan ini di atas jasa khidmat bekas Yang di-Pertua Dewan Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan bin Ibrahim Khan dan bekas Timbalan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tan Sri Dato' Suleiman bin Ninam Shah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan ialah seorang negarawan yang telah berjasa banyak kepada negara dan Dewan ini.

Dengan perlantikan beliau ke Dewan Negara, beliau telah mencatatkan sejarah sebagai seorang bekas hakim yang pertama dilantik ke Parlimen Malaysia. Sejarah ini telah turut dicatatkan di Dewan Rakyat kemudiannya dengan perlantikan seorang bekas hakim sebagai Tuan Speaker.

Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan sebagai seorang yang luas pengalaman, sebagai seorang bekas Hakim Mahkamah Tinggi telah dapat memandu dan membimbing Dewan ini secara hormat, licin dan menarik. Walaupun beliau telah lanjut umur dan berusia 80 tahun, beliau telah menunjukkan semangat yang masih cergas dan tekun dan menyerikan Dewan yang mulia ini sebagai Upper Chamber.

Pelawat-pelawat yang mengunjungi beliau di Parlimen telah dapat kenangan yang manis dalam perjumpaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah juga akan dikenang dalam sejarah Dewan ini. Beliau sebagai Timbalan Yang di-Pertua telah dapat menjalankan Peraturan dan urusan Dewan ini dengan amat cekap dan berkesan. Beliau telah menunjukkan di Dewan ini segala pengalamannya yang panjang dalam politik dan dalam perjalanan mesyuarat. Suara beliau yang terang dan lantang telah membawa order kepada Dewan dengan serta merta apabila perlu.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi Yang Berhormat Tan Sri Dato' Suleiman akan dikenang dalam sejarah Dewan sebagai penganjur Kelab Senator dan Presiden pengasas kepada Kelab itu.

Dengan pindaan kepada Perlembagaan Malaysia yang telah menghadkan tempoh perkhidmatan Ahli-ahli Dewan Negara, peralihan dalam keahlian Dewan adalah kerap

berlaku. Dengan penubuhan Kelab Selangor itu, semua Ahli Senate yang telah bersara dapat meneruskan tali perhubungan mereka dengan mewujudkan satu perhubungan yang mesra dan membina di Dewan Negara yang menjadi Dewan yang tinggi sekali di negara kita.

Saya bersama-sama Ahli-ahli Dewan sekalian mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kedua-dua tokoh Dewan Negara kita ini di atas jasa-jasa mereka dan berdoa agar Tuhan Yang Maha Kuasa merestui mereka dengan usia yang panjang dan sihat. Sekian, terima kasih.

3.47 *ptg.*

Tuan Kee Yong Wee: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh satu usul yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini iaitu Dewan merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Yang di-Pertua Dewan Negara Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan dan bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara Yang Berhormat Tan Sri Dato' Suleiman bin Ninam Shah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada kita semua memang tidak syak lagi perkhidmatan yang begitu cemerlang bagi kedua-dua tokoh Dewan ini tetap akan dikenang dan dicatat dalam sejarah negara kita dengan selamlamanya.

Pernah berkhidmat sebagai seorang Hakim Besar (Chief Justice), pengalaman Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan sebagai seorang Yang di-Pertua Dewan dalam perkhidmatannya untuk mendorong dan mempertahankan demokrasi berparlimen dan keutuhan negara kita memang merupakan satu asset yang sangat bernilai kepada kita semua dalam negara kita.

Kualiti pimpinan Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan sebagai seorang Yang di-Pertua telah mempertingkatkan lagi prestasi dan integriti Dewan ini, khasnya dalam pengurusan perjalanan dalam mesyuarat dalam Dewan. Kualiti ini tetap disanjung tinggi oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah, bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, perkhidmatan dan pengalamannya juga tetap dikenang dan dihargai oleh semua Ahli Dewan ini. Memang diketahui umum Yang Berhormat Tan Sri Dato' Suleiman adalah seorang Speaker Tetap UMNO dan juga salah seorang tokoh politik yang sangat bertuah dalam menjalankan tugasnya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Kualiti-kualiti ini telah mempertingkatkan lagi prestasi Dewan dan juga melicinkan pentadbiran dan pengurusan Dewan yang mulia ini.

Kepada kedua-dua tokoh Dewan itu, kami ucapkan selamat bersara. Mudah-mudahan mereka akan terus memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada Dewan selepas mereka bersara.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang perkhidmatan yang cemerlang mereka ini dicatatkan dalam rekod Dewan untuk mengenang sumbangan yang positif mereka ini kepada Dewan dan negara kita. Dengan itu, saya sekali lagi menyokong penuh usul ini dan mengucapkan selamat bersara kepada mereka kedua. Sekian sahaja, terima kasih.

3.49 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong bersama-sama rakan yang telah berucap dan juga menyokong atas usul yang telah

dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin juga merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan bin Ibrahim Khan dan saya percaya beliau adalah satu-satunya Yang di-Pertua Dewan Negara yang mempunyai pengetahuan yang begitu luas dalam bidang perundangan.

Selain daripada tugas beliau sebagai seorang Hakim Besar Borneo, maka beliau telah pun menunjukkan perkhidmatannya sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ini begitu cemerlang sekali dan beliau telah juga menunjukkan sikap-sikapnya yang lemah lembut dan yang ingin bermesra dengan Ahli-ahli Dewan Negara.

Dan dengan adanya beliau semasa menyandang jawatan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan bin Ibrahim Khan, telah banyak memberikan bimbingan kepada Ahli-ahli Dewan Negara mahupun dalam segi tunjuk ajar kepada Ahli-ahli dalam masa tempoh kami menjadi ahli dalam Dewan yang mulia ini. Maka saya ingin merakamkan ucapan terima kasih ini dan memberikan sekalung bunga kepada Yang Berhormat untuk mengenang jasa-jasa khidmat yang cemerlang yang telah beliau berikan kepada Dewan yang mulia ini.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bekas Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan, akan menghabiskan masa tamat perkhidmatannya dan bersama-sama dengan keluarga beliau yang lebih bahagia. Walau macam mana pun, kami sentiasa akan mengenangkan segala jasa baik dan tunjuk ajar yang pernah diberikan oleh

beliau dalam masa tempoh kami berkhidmat di dalam Dewan yang mulia ini.

Dan, Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin merakamkan rasa terima kasih atas perkhidmatan bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sulaiman Ninam Shah. Beliau adalah seorang Ahli Dewan Negara yang begitu lama. Dan dengan pengalaman beliau itu juga, setelah beliau dilantik menjadi Timbalan Yang di-Pertua, beliau telah banyak memberikan bimbingan dan pimpinan kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Beliau adalah seorang yang begitu mesra dengan setiap Ahli Dewan dan beliau telah banyak memberikan sumbangan dan nasihat kepada rakan-rakan sejawat beliau di dalam Dewan ini. Maka dengan kemesraan beliau itulah yang menyebabkan setiap Ahli Dewan Negara telah menyematkan perasaan kehilangan seorang sahabat di dalam Dewan ini. Maka kami merasa dengan tamatnya perkhidmatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Datuk Suleiman Ninam Shah itu adalah sebagai satu kehilangan yang begitu besar di dalam Dewan ini. Selain daripada tugas beliau sebagai seorang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, beliau juga seorang berpengalaman sebagai Pengerusi Tetap UMNO Malaysia. Maka dengan suara beliau yang lantang untuk mengendalikankan Dewan ini maka kami masih lagi terasa-rasa suara Timbalan Yang di-Pertua itu masih berada di dalam Dewan ini. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merakamkan rasa terima kasih dan mengharapkan perkhidmatan yang telah disumbangkan oleh Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah itu diberikan sanjungan daripada Dewan yang mulia ini dan juga dari kami Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Dewan yang mulia ini.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri dengan sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kedua-dua Yang di-Pertua dan bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara ini. Semoga kedua beliau tni akan berehat dan akan meneruskan usaha mereka dalam keadaan yang sihat walafiat.

3.55 ptg.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri iaitu Usul mengucapkan terima kasih kepada bekas Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga kepada bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah orang baru, baru masuk Dewan ini dan saya tidak dapat hendak memberikan gambarannya dengan seluas-luasnya sebagaimana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Walau bagaimanapun, saya memandangkan kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh bekas Yang di-Pertua Dewan Negara ini dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua boleh dikatakan sebagai kenangan manis kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara. Oleh itu, saya juga mengucapkan sekali lagi kepada bekas Yang di-Pertua dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua berserta mengalu-alukan juga Tuan Yang di-Pertua yang ada pada hari ini walaupun baru sahaja memimpin Dewan yang mulia ini dianggapkan supaya Tuan Yang di-Pertua juga dapat memberikan pimpinan sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ini. Saya percaya kepimpinan bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ini dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertuanya adalah sangat membanggakan Dewan yang mulia ini. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak

berucap panjang dan mengucapkan selamat bersara dan terus maju jaya di lapangan yang lain. Begitu juga kepada bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah yang telah bersara.

Saya ucapkan selamat maju jaya.

3.38 ptg.

Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam Usul yang dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu satu usul merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Yang di-Pertua Dewan Negara iaitu Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan yang kebetulan masih berada bersama-sama kita sebagai Ahli Dewan Negara dan juga kepada bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara iaitu Yang Berhormat Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah.

Tuan Yang di-Pertua, nama baik (prestige) dan dignity Dewan Negara ini bergantung kepada pucuk pimpinan Dewan iaitu Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Setahu saya, Kerajaan lebih senang memilih seorang Menteri daripada memilih seorang Yang di-Pertua. Perwatakan, sifat-sifat dan latarbelakang Yang di-Pertua hendaklah yang berkedudukan tinggi dan dihormati bukan sahaja oleh semua Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini tetapi juga oleh Kerajaan dan rakyat Malaysia. Oleh kerana taraf kedudukan jawatan ini adalah lebih tinggi daripada taraf atau protokol Menteri dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini bertuah kerana mendapat

perkhidmatan cemerlang dari bekas-bekas Presiden seperti:

Dato' Haji Abdu! Rahman bin Mohd. Yassin.

Tun Syed Sheh bin Syed Hassan Barakhbah.

Tan Sri Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar.

Allahyarham Tan Sri Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan.

Y.A.B. Tun Haji Omar Yoke Lin Ong.

Y.B. Tan Sri Ismail Khan.

Apabila Y.A.B. Tun Haji Omar Yoke Lin Ong bersara jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara ini dijadikan satu jawatan sepenuh masa dan Y.B. Tan Sri Ismail Khan adalah Yang di-Pertua yang keenam dan Yang di-Pertua Dewan Negara pertama sepenuh masa. Beliau setahu saya datang ke pejabat tiap-tiap hari sama ada pagi ataupun petang. Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan mungkin seorang baharu pada masa itu di dalam Parlimen tetapi beliau adalah bekas Ketua Hakim Borneo iaitu satu jawatan yang mula-mula dipegang oleh seorang rakyat bumiputera selepas dikosongkan oleh Ketua Hakim British.

Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan adalah seorang yang lemah lembut dan budi bahasa beliau amat disanjung tinggi. Kepada Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan saya ucapkan terima kasih dan selamat bersara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak melupakan kepada bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang kita kasihi iaitu Tan Sri Dato Sulaiman Ninam Shah. Apabila jawatan Timbalan Yang di-Pertua dikosongkan oleh General Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin saya difahamkan Kerajaan sukar untuk mencari gantinya. Tan Sri Dato Sulaiman Ninam Shah dipilih menjadi

Timbalan Yang di-Pertua Dewan semasa Dewan benar-benar memerlukan tenaga dan perkhidmatannya. Kita bertuah untuk mendapat seorang tokoh politik yang popular iaitu Pengerusi Tetap UMNO yang kita dampingi tiap-tiap kali diadakan persidangan UMNO Malaysia. Beliau telah merapatkan perhubungan dan pergaulan di antara ahli-ahli semua dan kebetulannya beliau telah menubuhkan satu kelab atau persatuan yang berdaftar sebagai Kelab Ahli-ahli Dewan Negara di mana beliau sendiri dipilih menjadi Presidennya dan keahlian kelab ini terdiri daripada semua Ahli-ahli Dewan Negara sama ada yang masih berkhidmat ataupun yang telah bersara.

Saya sanjung tinggi usaha ini memandangkan tempoh perkhidmatan kita di Dewan Negara ini hanya maksima 6 tahun sahaja. Mudah-mudahan dengan adanya kelab ini perhubungan sesama kita tidak akan putus-putus malah perhubungan kita akan bertambah rapat lagi. Kepada Tan Sri Dato Sulaiman Ninam Shah saya ucapkan terima kasih dan selamat bersara sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Dan saya berdoa agar beliau dapat terus memimpin kita sebagai Presiden kelab kita. Sekian, terima kasih.

4.04 ptg.

Tuan Kenneth Kanyan: Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta di dalam membahas serta meluluskan usul ucapan terima kasih ke atas perkhidmatan bekas Yang di-Pertua Dewan Negara Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara Y.B. Tan Sri Dato Sulaiman Ninam Shah. Saya sebagai Ahli dari Sarawak sangat kenal dengan Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan, bekas Ketua Hakim Borneo, iaitu satu jawatan Judiciari yang tinggi sekali di

Sabah dan Sarawak. Tan Sri Ismail adalah seorang yang banyak pengalaman. Beliau telah memimpin Dewan yang mulia ini lebih dari 4 tahun dan kita telah mempelajari banyak perkara daripada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato Sulaiman Ninam Shah, adalah seorang tokoh UMNO yang popular. Apabila beliau dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, beliau telah banyak menegur Ahli-ahli yang berucap panjang terutama sekali semasa dalam jawab mulut. Jika dahulu kita hanya mendapat 6 jawapan dari Menteri-menteri tetapi sekarang kita dapat lebih dari 20 soalan dijawab oleh Menteri-menteri. Beliau telah membuat banyak jasa kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato Sulaiman Ninam Shah, adalah juga Presiden Kelab Dewan Negara kita; walaupun Ahli-ahli telah bersara dari Dewan yang mulia ini, memandangkan peruntukan masa hanya dua penggal atau enam tahun sahaja, maka bila cukup 6 tahun kita terpaksa bersara dari Dewan yang mulia ini. Kelab Dewan Negara ini akan mengumpulkan semua ahli-ahli, sama ada yang masih berkhidmat atau yang telah bersara, untuk merapatkan lagi perhubungan di antara ahli-ahli Dewan Negara yang masih dan yang pernah berkhidmat di Dewan yang mulia ini.

Kepada kedua-dua Tan Sri yang dikasihi iaitu Tan Sri Ismail Khan dan Tan Sri Dato Sulaiman Ninam Shah, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana telah memimpin kita di dalam dan di luar dewan dan kepada kedua-dua tolong ini saya ucapkan selamat bersara.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul itu.

4.07 ptg.

Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama-sama menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengucapkan dan merakamkan ucapan terima kasih di atas perkhidmatan bekas Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan bin Ibrahim Khan dan juga kepada bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara Y.B. Tan Sri Dato Sulaiman bin Ninam Shah. Sepanjang saya berada di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-pertua, berbagai-bagai pengalaman yang telah dapat saya timba daripada pimpinan dan tunjuk ajar Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan sebagai Yang di-Pertua Dewan dan daripada Y.B. Tan Sri Dato Sulaiman Ninam Shah sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Tidak ada kalimah yang lebih tinggi yang dapat saya ucapkan selain daripada saya di dalam Dewan yang mulia ini merakamkan serangkap pantun kepada Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan dan Y.B. Tan Sri Dato Sulaiman Ninam Shah iaitu:

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur Badan dikandung tanah,
Budi mu yang baik tuan dikenang jua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli yang kadang-kadang menerima teguran daripada Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua tidak ada bahasa lain yang sabaik-baiknya hanya saya rakamkan dengan serangkap pantun:

Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan didalam peti,
Jika ada silap dan salah,
Jangan disimpan di dalam hati.

Tuan Yang di-Pertua, setiap yang berjumpa akan berpisah. Jadi akhirnya

di dalam menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di dalam merakamkan ucapan terima kasih di atas perkhidmatan kedua-dua beliau yang kita sebutkan tadi, akhirnya saya katakan serangkap pantun:

Anak ayam berbulu merah,
Main di padang terlompat-lompat,
Bila tiba masa berpisah,
Budi bahasa mu tuan juga yang teringat.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan terima kasih.

4.09 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk ikut menyokong usul yang dikemukakan oleh saudara yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyampaikan ucapan terima kasih di atas persaraan kedua-dua pemimpin Dewan ini iaitulah yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan selaku bekas yang di-Pertua dan Timbalannya Y.B. Tan Sri Dato Sulaiman Ninam Shah. Dewan dan negara sungguh bertuah mempunyai dua anak watan yang telah memikul tanggungjawab yang penuh jujur dan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun seorang lagi orang baru yang dikira iaitu saya, saya tidak sempat merasai teguran atau bimbingan yang banyak yang dilakukan oleh kedua-dua pemimpin Dewan Negara ini, tetapi walaupun di dalam sekejap masa saya bersama-sama dengan beliau-beliau ini terasa mesra seolah-olah berkeadaan sama sekian lama.

Negara dan Dewan ini, sekali lagi saya ulangi, amat bertuah kerana mempunyai kedua-dua pemimpin ini. Walaupun kedua-dua pemimpin ini

mempunyai watak yang berbeza; seorang agak pendiam tetapi diam-diam yang berisi, manakala seorang lagi agak bisung tetapi bisung yang bermakna.

Saya sepanjang mengikuti perkembangan Dewan ini dari luar sebagai seorang ahli politik tanahair, saya berasa syukur dan berbangga kerana Dewan yang mulia dan berdaulat ini, Dewan yang tertinggi di negara ini, sentiasa dipimpin, sentiasa dipandu oleh kedua-dua pemimpin ini yang sentiasa menuju kepada matlamat dan hasrat negara untuk memberi kebahagiaan kepada seluruh rakyat di negara ini.

Saya di dalam tempoh yang sekejap masa bersama-sama dengan kedua-dua pemimpin ini pernah memerhatikan terutama kepada Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan semasa mengetuakan Dewan ini, saya lihat wataknya diam, tunduk tetapi diam dan tunduk yang sentiasa memberi perhatian. Di dalam diam dan tunduk ini tidak pernah seorang pun dibiarkan anggota-anggota Dewan ini melangkah batas dan melangkah matlamat sebagaimana yang dikehendaki oleh negara melainkan kesemua anggota Dewan ini ternyata dan jelas masing-masing menghormati kepada Yang di-Pertuanya, iaitulah bekas Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan.

Walaupun semua anggota Dewan ini lihat dan kelihatan Yang di-Pertua sentiasa tunduk tetapi seolah-olah terbayang kepada setiap Ahli Dewan ini bahawa di dalam tunduknya itu beliau dapat melihat setiap individu anggota Dewan yang berada di Dewan ini. Kebetulannya oleh kerana beliau ialah seorang bekas Hakim, maka kewibawaan hidupnya sudah terbawabawa sehingga ke Dewan ini, kewibawaan sebagai seorang Hakim

yang sentiasa bersikap ideal dan adil, maka dibawanya ke Dewan ini yang sentiasa memberi pertimbangan yang adil kepada semua anggota Dewan.

Saya sedar anggota-anggota Dewan boleh dikatakan kesemuanya adalah terdiri daripada rakan-rakan politik saya. Saya mengenali mereka walaupun mereka terdiri daripada penyokong-penyokong Kerajaan, tetapi apakala bersikap sebagai backbencher di dalam Dewan ini, saya rasa sikap mereka lebih aktif daripada adanya anggota-anggota pembangkang yang sebenar di Dewan ini, sehingga ada kalanya saya terdapat anggota-anggota di Dewan ini menghadapi bagi pihak Kerajaan memberi teguran-teguran yang membina, meraberi teguran-teguran yang benar-benar seolah-olah mereka lebih daripada anggota wakil rakyat yang diwakili daripada rakyat melalui Dewan Rakyat yang sebenar.

Tetapi walau bagaimana sikap mereka, walau bagaimana suara mereka, bekas Yang di-Pertua Dewan ini sentiasa bukan sahaja mengendali tetapi memandu dan memimpin sehingga membawa mereka ini semua sampai kepada matlamat yang dikehendaki oleh Dewan yang mulia dan berdaulat ini. Inilah yang saya kata betapa beruntung dan bertuahnyanya negara ini dan rakyat di negara ini mempunyai pemimpin-pemimpin seperti beliau ini.

Menyentuh kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sulaiman Ninam Shah sebagai Timbalannya, seorang ahli politik, seorang veteran politik yang sudah terkenal di tanahair kita ini. Beliau juga selain daripada menjadi pemimpin-pemimpin amnya di semua peringkat dan sekarang ini pun masih menjadi Pengerusi Tetap kepada UMNO. Saya percaya pengalaman-pengalaman yang ada daripada kedua-dua Dewan ini, sama ada di Dewan Negara ataupun di

Dewan Perwakilan UMNO boleh digabung satu sehingga melahirkan seorang pemimpin kepada dua Dewan yang baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, walau lumrah diperkatakan "Patah tumbuh hilang berganti" namun yang hilang tetap dikenang. apakah manja, sekalipun busut yang kental juga dikenang, inikan pula belaian yang manja, pemberian yang adil yang telah diberikan oleh kedua-dua pemimpin ini.

Saya tidaklah berniat untuk bercakap panjang, memadai dengan saya meletakkan sokongan di atas Usul yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri kepada kedua-dua pemimpin ini. Saya percaya kehilangan ini bukan bererti tiada, tetapi kehilangan ini bererti diganti untuk menambah tenaga.

4.16ptg.

Tan Sri Ismail Khan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap sepatah dua, apa yang telah diperkatakan sebentar tadi mengenai diri saya.

Mungkin ada orang yang tertanya-tanya mengapa saya mengambil keputusan untuk bersara sebelum genap tempoh. Jawapannya ialah usia saya. Bekas Tuan Yang di-Pertua sekarang adalah seorang tua. Saya sudah berusia 80 tahun. Kawan lama saya yang lebih tua ialah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang kini berusia 82 tahun. Beliau sekarang bergerak dalam sebuah kerusi beroda. Bagi saya, mata saya semakin kelabu, lutut saya semakin lembut, jadi eloklah saya mengundur diri sebelum mereka memberi saya kerusi beroda (*Ketawa*). Saya tidak mahu menjadi "Chairman" jenis itu.

Selepas saya meninggalkan kerusi Yang di-Pertua, saya ditanya sama ada itu merupakan satu perceraian dari Dewan. Saya kata ia adalah perceraian dengan satu talak sahaja yang boleh dirujuk balik. Saya sudah berujuk, sebab itulah saya masih berada dalam Dewan selama setahun lagi, selepas itu bolehlah ditalak tiga!

Kepada Yang di-Pertua yang baru, saya mengucapkan Selamat Datang dan Selamat Bertugas. Saya telah berkenalan dengan Tuan Yang di-Pertua selama 17 tahun. Beliau berasal dari sebuah keluarga yang paling lama di Sabah. Beliau telah mencatatkan rekod yang cemerlang, setelah maju dari peringkat rendah ke peringkat tertinggi dalam masyarakat. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Yayasan Sabah selama beberapa tahun. Pengalaman itu akan membantu beliau di sini. Saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat memberi beliau kerjasama, penghormatan dan kefahaman yang telah saya nikmati.

Saya tidak biarkan peluang ini berlalu tanpa menyuarakan penghargaan saya ke atas kerjasama yang telah saya terima dari Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sepanjang perkhidmatan saya, seorang kawan lama dari dunia undang-undang, sebagai seorang peguam dan sebagai seorang Hakim Mahkamah Tinggi.

Saya berasa syukur kepada Allah Subhanahu Wataala oleh kerana kerjasama dan budi bahasa dari semua pihak telah menghasilkan semasa tempoh saya menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini, tidak ada apa-apa perkara yang tidak diingini berlaku malahan semuanya berjalan penuh tertib dan teratur.

Ini ialah kerana kita telah mendekati tugas kita dengan perasaan penuh tanggungjawab dan kesedaran mengenai kebesaran dan kemuliaan Parlimen satu benteng demokrasi di dunia sebelah sini.

Akhirnya benarkan saya sekali lagi bukan sahaja bagi diri saya tetapi juga bagi pihak Timbalan kita yang dikasihi Tan Sri Dato' Suleiman Ninam Shah yang telah bersara untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan semua Ahli-ahli Dewan Negara sama ada yang masih berkhidmat ataupun yang telah bersara dan kepada kakitangan Jabatan Parlimen yang telah memberi kerjasama kepada saya.

Saya telah memendekkan ucapan saya kerana saya rasa bahawa satu ucapan yang panjang bagi seorang tua seperti saya, saya takut kehilangan suara. Jika itu terlalu pendek, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul ini untuk dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Yang di-Pertua Dewan Negara Y.B. Tan Sri Ismail Khan bin Ibrahim Khan dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara Y.B. Tan Sri Dato' Suleiman bin Ninam Shah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas

masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (23hb April, 1985).

4.23 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyambung perbahasan mengenai dengan satu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan NNB Bab 45 dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Kanun Prosedur Jenayah NNB Bab 6, saya menyambung di mana semalam saya mengatakan bahawa ada golongan yang tertentu yang menggunakan pengikut-pengikutnya untuk kepentingan golongan itu dan ada orang-orang perseorangan yang menggunakan peluang-peluang itu sehingga menimbulkan rasa tidak ada keharmonian dan menimbulkan per-canggahan di antara orang-orang dan kumpulan-kumpulan yang menganut agama yang sama di dalam negara kita ini, maka sewajarnya Kerajaan melaksanakan undang-undang dan mengambil berat di atas perlakuan-perlakuan yang seperti ini supaya kejadian-kejadian buruk yang tidak kita ingini itu terus berlaku di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita menjalankan, di dalam kita melaksanakan, di dalam kita membahaskan tujuan pindaan Undang-undang ini, kita memperlihatkan ada berbagai-bagai golongan, ada berbagai dan ada banyak orang yang menyebabkan timbulnya kita terpaksa meluluskan pindaan ini untuk perkuatkan lagi undang-undang dan hukuman yang telah kita luluskan di waktu yang lalu sekarang ini kita memperkuatkan dengan paling kurang penjara 2 tahun dan sebanyak-banyaknya penjara 5 tahun. Dengan ini semoga dengan adanya kuatkuasa Undang-undang ini, akan menjadi satu pengajaran kepada

masyarakat, kepada rakyat kita yang suka menimbulkan perkara-perkara mempersendakan agama ini sehingga menyebabkan tidak ada keharmonian di dalam masyarakat satu-satu kelompok.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat kesimpulan mengapa perkara ini berlaku? Dan tentulah di dalam kita hendak melaksanakan fasal yang dipinda ini, kita kena mencari sebab-sebabnya. Dari sebab-sebab itu saya berharap supaya Kerajaan mengambil perhatian:

Pertama, kepada golongan-golongan atau kelompok atau orang perseorangan yang suka mempersendakan ketinggian agama dengan cara mempersendakan amal ibadah orang lain. Golongan ini, kumpulan ini atau orang-orang daripada pengikut kumpulan ini dan mungkin orang perseorangan yang tidak terlibat dengan kumpulan ini sentiasa mempertikaikan dan sentiasa memperkatakan bahawa amal dan caranya sahaja yang lebih baik daripada amal dan cara orang lain. Ini berlaku di dalam masyarakat negara kita sehingga menimbulkan tidak adanya keharmonian di dalam masyarakat.

Kedua, dengan cara adanya satu kelompok atau pengikut-pengikut kelompok atau jemaah ataupun orang perseorangan yang tidak terlibat dengan kelompok atau jemaah itu ibadah orang lain, merendah-rendahkan amalan orang lain, merendah-rendahkan cara pakaian orang lain. Ini berlaku di dalam masyarakat kita. Kelompok ini atau pengikut-pengikut kelompok ini atau jemaah ini atau orang-orang perseorangan yang tidak terlibat dengan kelompok dan jemaah ini, sentiasa membisikkan, sentiasa menjalankan gerakannya, sentiasa memperkatakan kepada orang-orang yang cuba akan ditarik mengatakan

bahawa caranya itu sahaja yang lebih baik yang lebih afdal sehingga menimbulkan tidak ada keharmonian di dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, golongan-golongan atau kelompok-kelompok atau jemaah di dalam masyarakat kita dan juga orang-orang perseorangan yang mungkin tidak terlibat dengan kelompok dan jemaah itu yang mempersenda kepada kegiatan Kerajaan, kepada usaha Kerajaan membina rumah-rumah ibadat, iaitu masjid-masjid, surau-surau dan madrasah-madrasah, sama ada yang diberi belanja sepenuhnya oleh Kerajaan atau diberi bantuan oleh Kerajaan. Ada kelompok-kelompok, ada pengikut-pengikut kelompok, ada jemaah-jemaah yang mempersendakan tujuan Kerajaan yang mulia untuk membina masjid, surau untuk tempat anak-anak kita belajar di madrasah-madrasah kerana mereka mengatakan bahawa masjid dan surau yang dibina oleh Kerajaan yang diberikan kerja-kerja pemborongannya kepada orang yang bukan Islam adalah kotor. Mereka mengatakan hanya masjid yang asli, masjid yang dibina secara khairat, masjid yang dibina secara derma tulus ikhlas itu sahajalah yang lebih baik untuk melakukan sembahyang berjemaah, beribadah, beriktikaf di dalamnya. Maka inilah yang menyebabkan berlakunya perpecahan di dalam masyarakat, tiada keharmonian di dalam masyarakat dan menimbulkan kadang-kadang berlaku dua Jumaat di dalam satu kariah. Ini perhatian yang sepatutnya diambil berat oleh Kerajaan. Di dalam kita hendak melaksanakan Akta 298A ini, supaya mereka yang benar-benar terlibat ini akan diberi hukuman yang sewajarnya supaya mereka memberhentikan kegiatan-kegiatan yang akan melakukan ketidakharmonian dan percanggahan antara orang-orang yang menganut agama yang sama.

Setain daripada itu, bagaimana pula dengan golongan-golongan yang mempersendakan musabaqah Al-Quran, mengatakan Kerajaan membazir dengan membuat astaka yang harganya mencapai kepada ratus ribu. Mereka mempersenda bahawa Majlis Musabaqah itu hanya melaunglaungkan ayat suci Al-Quran sahaja, tiada makna yang dapat dinikmati oleh rakyat, tiada maknanya yang hakiki dan mereka pula mempersenda lagi, mengapa pertandingan Quran ini tidak diadakan di masjid atau di tempat yang suci, diadakan di padang-padang, diadakan di stadium-stadium. Ini menimbulkan perpecahan kepada orang-orang yang menyokong dan kontra dalam masalah ini. Ini yang menyebabkan kadang-kadang Majlis Musabaqah ini lebih banyak kerusi daripada orang yang datang.

Selain daripada itu, golongan-golongan atau kelompok jemaah dan parti yang mempersendakan hasrat Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran. Mereka mempersenda Bank Islam, mereka mempersenda penerapan nilai-nilai Islam sebagai topeng semata-mata. Ini menimbulkan perpecahan di dalam masyarakat dan tiada keharmonian di dalam masyarakat seagama.

Golongan dan jemaah, parti yang mempersendakan Mahkamah Syariah, keputusan Mahkamah Syariah kerana hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah tidak sama dengan hukuman yang dikehendaki oleh Islam; hukuman yang dikehendaki oleh Al-Quran dan Sunah Nabi. Mereka mempersendakan keputusan mahkamah dan mereka mempersendakan mahkamah ini sebagai mahkamah cabang dari mahkamah Thaghud dan sebagainya. Mereka mempersendakan Kadi-kadi kita, mereka mempersendakan usaha Kerajaan untuk menentukan awal Ramadhan dan awal Syawal sehingga berlaku tidak ada keharmonian

serentak di dalam melaksanakan perintah puasa di bulan Ramadhan dan menyambut hariraya Syawal. Ada yang puasa lebih awal sehari, ada yang puasa lebih kemudian sehari, ada yang berhariraya lebih dahulu sehari, ada yang hariraya kemudian sehari. Ini menjadi tidak ada harmoni di dalam masyarakat. Saya percaya mereka yang menjalankan tindak tanduk seperti ini sepatutnya termasuk di dalam mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan seperti yang dikehendaki di dalam akta yang kita pinda ini.

Golongan dan jemaah ini juga mempersendakan amil-amil yang ditauliahkan oleh Kerajaan, oleh sultan dan oleh Majlis Agama. Mereka berkata bahawa membayar zakat fitrah kepada amil yang dilantik tidak sah maka mereka berfitrah kepada orang-orang yang mereka anggap layak menerima fitrahnya. Mereka mempersendakan juru-juru nikah yang bertauliah sehingga mereka mengadakan nikah semula setelah dinikahkan secara wakil wali oleh walinya kepada juru nikah yang bertauliah daripada Kerajaan. Mereka mempersendakan khutbah-khutbah Jumaat yang dalam Khutbah itu ada doa khusus untuk mendoakan sultan dan Raja-raja. Dan satu masalah lagi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang telah saya nyatakan tadi, adakah Kerajaan sedar bahawa sekarang ini berlaku kebanjiran, banjir buku-buku agama yang tidak ditapis. Buku-buku agama ini datangnya daripada sebuah negara jiran, dicetak sebanyak-banyaknya kemudian dijual dengan harga semurah-murahnya, menjadi barang yang boleh dibeli di mana-mana dan buku-buku agama ini kadang-kadang apabila dibaca dan kita teliti berlawanan sebanyak sedikit dengan kehendak-kehendak kita yang menganut fahaman Ahli Sunnah Waljumaah di dalam Mazhab Imam Shafie. Berlaku perpecahan dalam masyarakat kerana mereka mengikut

kehendak buku-buku di mana di dalam satu masyarakat kampung yang selama ini melakukan cara-cara di dalam menyelesaikan mayatnya, misalnya, ada talkinnya, ada tahlilnya kerana dalam buku-buku itu menyatakan talkin ini bidaah, tahlil ini bidaah maka berlaku ketidak harmonian di dalam masyarakat.

Dan juga selain daripada itu berlaku sekarang ini pembongkaran kubur-kubur yang kita anggap memang kubur orang Islam kerana mencari harta Karun. Apakah ini juga akan terlibat di dalam kesalahan-kesalahan di dalam Akta yang kita pinda ini kerana ini akan menyebabkan tidak ada keharmonian di dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita membahaskan ini sungguhpun perkara ini adalah mudah iaitu untuk menentukan bahawa undang-undang ini berjalan bahawa hukuman yang paling rendah ialah penjara 2 tahun. Tetapi untuk memastikan seseorang itu bersalah sehingga dapat dipenjarakan 2 tahun, ini adalah satu perkara yang amat berat. Kita tidak mahu mereka yang tidak bersalah nanti diheret ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman tetapi apabila dibawa kepada ulangbicara bahawa hukuman yang pertama itu dikatakan tidak sah. Jadi kita minta di dalam kita melaksanakan ini supaya Kerajaan memikirkan seberapa dalam apakah faktor-faktor yang sepatutnya kita buat untuk melepaskan masyarakat kita orang-orang Islam ini sendiri khasnya daripada perkara-perkara berlakunya ketidak harmonian dan berlakunya percanggahan di antara orang-orang dan kumpulan-kumpulan yang menganut agama yang sama ini.

Yang pertama saya memikirkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya Kerajaan memperbanyakkan memberikan ilmu pelajaran agama Islam ini kepada rakyat dengan cara mencari ilmu untuk beramal dan

taqwa. Bukan untuk mencari ilmu kerana mahu lulus periksa dan naik gaji. Ertinya, kita kena memperbanyakkan cara dan sistem pondok atau pesan teren secara moden kerana untuk mencari ilmu untuk amal dan taqwa ini tidak dapat kita berikan kepada warganegara, kepada anak kita melalui di sekolah-sekolah kerana ilmu yang kita beri kepada anak kita di sekolah ilmu untuk syarat lulus di dalam satu-satu mata pelajaran. Tetapi apa yang perlu ialah kita memberi ilmu kepada rakyat ilmu untuk beramal dan bertaqwa. Kalau rakyat kita berilmu dan beramal kemudian ianya taqwa insya-Allah ini adalah satu cara untuk kita melepaskan masyarakat kita daripada belenggu percanggahan pendapat. Kerana kita pasti sewaktu penjajah dahulu tidak ada sistem pelajaran seperti yang sekarang ini.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai
mempengerusikan Mesyuarat)

Tetapi pada masa itu di mana kitab-kitab tua atau kitab-kitab lama dibaca dengan secara sistem pondok maka dapat melahirkan berapa banyak tokoh-tokoh agama, alim-alim ulamak sekalipun alim-alim ulamak cara kampung tetapi mereka berilmu untuk berilmu untuk amal dan taqwa dan menyebarkan ilmunya kepada masyarakat dengan tidak ada tujuan kepentingan diri dan kepentingan jemaah, kepentingan parti atau kepentingan kelompoknya. Mereka semata-mata membimbing anak bangsa, memberi ilmunya dengan rasa lillahitaala semata-mata. Tetapi apabila sekarang ini kita berhadapan dengan masalah yang ada kita hadapi sekarang ini, kita terpaksa berdepan dengan golongan-golongan yang mahu mencari kejernihan, mahu mencari kemurnian, mahu mencari ketinggian di dalam ilmu dan amalan, maka itulah timbulnya firqah-firqah maka itulah timbulnya jumaah-jumaah, maka itulah timbulnya kelompok-kelompok. Di antara kelompok-kelompok dan

jemaah-jemaah ini, di antara firqah-firqah ini tidak setuju pula di antara satu masalah dengan satu masalah sentiasa mengadakan jawapan-jawapan, petua-petuanya sendiri yang sehingga menimbulkan berlaku ketidak harmonian di dalam masyarakat manusia yang seagama.

Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah sebaiknya saya rasa untuk kita memberikan peluang ini dan contoh yang ada di Kelantan, di Bachok mengadakan satu sistem pondok secara moden itu adalah sepatutnya dilaksanakan seluas-luasnya di dalam negara kita ini terutama kepada mereka yang ingin mendalami ilmu agama bukan kerana mahu mencari keuntungan peribadi. Mereka yang mahu mendalami ilmu agama di dalam masalah ilmu Syariah ini semata-mata untuk bekalan hidupnya dan untuk kebahagiaan di akhirat.

Selain daripada itu kerana Al-Quran menjadi landasan hidup dan matinya seorang muslimin dan mukmin maka Kerajaan hendaklah memperbanyakkan Maahad Tahfiz Al-Quran. Kerana daripada banyaknya Maahad Tahfiz Al-Quran ini akan menimbulkan qurak-qurak atau ahli-ahli bacaan Al-Quran atau tafsir-tafsir Quran yang sebenar. Sekarang ini kita tahu Jabatan Agama Islam, Bahagian Agama ada mengeluarkan tafsir Al-Quran dikatakan Tafsir Al-Rahman tetapi berapa luaskah Tafsiran Al-Rahman ini sampai kepada masyarakat.

Berapa banyakkah Tafsir Al-Rahman ini sampai dan dibaca oleh ahli-ahli masyarakat kita sedangkan ada kelompok-kelompok, ada jemaah yang mempertikaikan tafsir Al-Rahman yang dibuat oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri itu.

Selain daripada itu apa yang dilaungkan dan apa yang diserukan selama ini supaya umat Islam memakmurkan atau menghayati masjid, meimarakkan masjid tetapi

sekarang ini kita lihat banyak masjid-masjid yang lengang, banyak masjid-masjid yang berkunci, masjid itu hanya dikunjungi hanya beberapa waktu dan kadang-kadang ada masjid itu kolah dan paipnya tidak berair. Jadi bagaimana kita mahu mengajak kepada umat supaya bersatu. Bagaimana kita hendak mengajak ummah supaya berpegang kepada Firman Allah yang bermaksud: Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah. Sedangkan asas untuk mengajak umat itu bersatu supaya jangan berpecah belah ialah masjid. Tetapi masjid yang dikatakan menjadi tempat penghayatan hidup matinya orang Islam ini kadang-kadang lebih ramai, lebih makmur balairaya daripada masjid. Masjid kita telah kalah dan apakah kita memikirkannya?

Kerajaan perlu menjawab bahawa untuk memakmurkan masjid ini bukan tanggungjawab Kerajaan, tetapi tanggungjawab orang Islam. Jadi, bagaimana satu-satu cara untuk kita hendak memakmurkan masjid ini? Satu daripadanya kutubkhanah membanyakkan buku-buku, membanyakkan kitab-kitab agama yang dibiayai oleh Kerajaan sama ada Kerajaan sendiri atau Kerajaan meminta kepada dermawan, hartawan-hartawan atau Kerajaan meminta kepada cerdik pandai yang banyak menyimpan buku dan kitab-kitab, sekurang-kurangnya di sebuah daerah itu punya satu masjid yang lengkap supaya apabila timbul masalah perancangan tadi dapat dirujuk ke situ dan Kadi sebagai Pegawai Tadbir Agama di daerah, dapat dijadikan tempat mengambil, menukil apa-apa masalah yang menjadi kerumitan di dalam masyarakat.

Sekarang ini tidak, sekarang ini sungguhpun kita akan menaikkan tingkatan Mahkamah Syariah kepada Mahkamah Majistret dan baru-baru ini kita dengar bahawa panggilan Kadi

itu akan dihapuskan, akan digantikan dengan satu panggilan yang baru, ini baik. Tetapi di dalam Islam ini apabila Kadi ini besok kita hapuskan, ini akan menjadi satu masalah, Kerajaan menghapuskan Kadi. Ini akan melibatkan pergolakan dalam masyarakat. Apakah ini telah dikaji sebaik-baiknya perkataan "Kadi" itu untuk diganti dengan lain perkataan, kerana kita tahu bahawa Kadi ini adalah satu jawatan tradisi bukan sahaja sekarang ini malahan daripada zaman Khalifah Al-Rashidin.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi di dalam kita hendak mengesahkan bahawa seseorang itu melakukan kegiatannya supaya dapat menjatuhkan kepada hukuman, tetapi apa yang menjadi pertanyaan kepada saya di sini ialah bagaimana dalam seksyen 298A tadi dilakukan berhampiran dengan satu tempat ibadat atau satu perhimpunan yang menjalankan kerja ibadat, yang sudah dikeluarkan. Jadi, bagaimana dengan kegiatan-kegiatan orang-orang perseorangan, misalnya kelompok yang mencari keuntungan kelompoknya, partinya atau golongan peribadi yang mencari keuntungan untuk peribadinya dan sekarang ini jangan kita lupa bahawa di dalam masyarakat kita, masyarakat Islam di tanahair kita ini tidak lari daripada kumpulan-kumpulan yang kadang-kadang dituduh dan ditohmah oleh masyarakat Islam sendiri sebagai ajaran-ajaran salah, sedangkan kumpulan-kumpulan itu mengadakan jemaah untuk berzikir dan lain-lain, untuk berwirid; di kampung yang dikenal dengan jemaah solok, tarikat.

Ini bertaburan di seluruh negara kita. Mereka yang anti kepada tarikat dan mereka yang anti kepada amalan bersolok, cara solok ini, sebenarnya ada kitabnya diambil daripada kitab Hidayatul Salikin, petunjuk kepada mereka yang saleh, daripada pecahan Ihya Ulumiddin, Imam Ghazali r.a.

tetapi kerana masyarakat tidak memahami ini, maka ada setengah anggota masyarakat mengatakan ini ajaran menyeleweng, ini ajaran salah sedangkan sepatutnya kita kena kaji bahawa ada tarikat-tarikat yang muktabar, yang ada kitab dan tabakat-tabakatnya yang besar, di Universiti Al-Azhar sendiri ada cabangnya, kajian mengenai itu. Namun demikian, saya tahu ada golongan-golongan yang mengambil nama atas nama tarikat dan solok ini untuk kepentingan dirinya, untuk kepentingan peribadinya sehinggalah timbul orang mengatakan guru tarikat ini gila sex misalnya-nauzubillah. Kalau syaitan sudah masuk bukan sahaja guru tarikat, orang yang berserban besar pun boleh berlaku sesuatu yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu di dalam satu kajian yang dibuat dan saya sendiri membuat kajian beberapa tahun dahulu iaitu mengkaji bagaimana perkembangan rumah-rumah solok atau rumah-rumah tarikat ini; daripada mana asal usulnya, apa cabangnya, apa cara yang dibuat dan alhamdulillah baru-baru ini Persatuan Ulama' Malaysia telah mengadakan satu seminar yang dikatakan Tasmiah Islamiah anjuran Persatuan Ulama' Malaysia di Dewan Al-Malik Faizal yang dihadiri oleh lebih 1,000 orang alim ulama, cerdik pandai seluruh negara. Tiga kertas kerja dibincangkan di situ: Ketandusan Rohani dan Langkah-langkah Penyuburan; Penyelesaian Masalah Ummah Islamisasi dan Beberapa Prospektif; kemudian Perisytiharan Hak Asasi Manusia daripada Prospektif Islam. Ini kertas kerja yang dibincangkan.

Saya hendak sentuh masalah Ketandusan Rohani dan Langkah-langkah Penyuburan. Apabila hendak menyuburkan balik kebangkitan semangat bertakwa maknanya keimanan dan keilmuan tadi supaya

tidak bercanggah, supaya terlepas daripada cara-cara bagaimana manusia melepaskan nafsu amarah dan nafsu lawamahnya menuju kepada nafsu mutamainnah dan maksi kamilahnya, maka kita tidak boleh lari daripada kelompok yang mengadakan rumah-rumah ibadat bersendirian tadi, sama ada dinamakan tarikat, solok atau sebagainya-kajian patut dibuat. Pernah dibawa seorang alim, seorang yang warak. Alim dengan warak lain, kalau tidak ada ilmu, belajar boleh jadi alim, tetapi warak tidak ada sekolahnya. Warak ini kena melalui mujahadah-mujahadah tertentu selapis demi selapis, selapis demi selapis sehingga segala hijab-hijab basariah itu terkopak, maka sampailah orang itu kepada mertabat seorang yang warak. Apabila seorang yang warak dia tidak akan lagi banyak cakap macam saya, Tuan Yang di-Pertua. Orang yang warak dia akan diam dan diam dia itu adalah diam yang baik, kerana Nabi sendiri berkata kalau bercakap tidak tentu fasal lebih baik diam. Jadi, ini hendak menuju kepada cara warak. Orang yang warak seperti ini ditarik ke Mahkamah Syariah kerana dituduh mengajar ajaran sesat. Apabila ditarik, dibawa ke mahkamah dikatakan mengajar ajaran sesat, maka disoal: Apa yang tuan ajarkan? Yang saya ajarkan hanya zikirlullah. Apakah zikirlullah itu salah? Kalau setakat zikirlullah tidak salah, tetapi zikirlullah yang macamana yang tuan ajarkan? Adakah zikirlullah ini bermacam-macam, sedangkan zikirlullah tetap zikirlullah, tetapi cara orang berzikir itu punya kafiati yang tersendiri. Percanggahan pendapat yang begitu menyebabkan tidak ada keharmonian di dalam masyarakat yang sama seagama. Kita sepatutnya hati-hati dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu masalah-masalah yang kita hadapi dalam masyarakat kita mengenai dengan Kanun Keseksaan yang boleh menimbulkan ketidak ada

harmonian dalam masyarakat ini, banyak kalau kita hendak kupas, banyak kalau kita hendak kaji dan banyak kalau kita hendak sebutkan sebagai hujah-hujah. Adakah ini masuk atau tidak di dalam Kanun Keseksaan ini? Kerana Kanun Keseksaan tidak mengatakan perkara-perkara ini, ini, ini. Hanya mengatakan bahawa siapa yang melakukan ketidakharmonian, menimbulkan percanggahan dalam masyarakat, sabit kesalahannya, dua tahun jel mandatory, sedangkan jel mandatory ini pun masyarakat nanti kata: Mana dalam Islam ada mandatory? Dalam Islam hanya ada kalau seseorang melakukan perpecahan dalam masyarakat hendaklah orang "itu disapih, dipisahkan supaya dia memikir, merenong balik dengan masa-masa yang tertentu. Ini nanti akan dipertikaikan; kelompok-kelompok dan jemaah yang memang menentang Kerajaan akan mempertikai. Barisan Nasional, Kerajaan 2M sudah menukar hukum Quran kepada hukum dua tahun jel mandatory. Ini hukum baru, ciptaan Firaun-berat kita.

Akhirnya, saya minta Kerajaan supaya membuat liputan luas mengenai dengan perkara ini melalui media massa terhadap kesalahan-kesalahan yang seperti ini supaya tidak akan berlaku kerana manusia yang tersinggung mengenai perkara yang berhubungan dengan agama ini mereka sanggup menebus dengan darah. Mereka berpegang kepada ayat yang bermaksud: "Berjuang dengan harta dan nafsu". Jadi, untuk mengelakkan kalau sekarang mereka bergerak dengan cara material, dengan cara berkempen, dengan cara berdakwah, dengan cara berkelompok, dengan cara berijtimak, dengan cara berusrah dan sebagainya, akhirnya mereka kata kita sanggup mati, mati kita ini mati syahid. Bagaimana dengan hukum 2 tahun "mandatory" ini?

Jadi, saya mohon beberapa penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong meminda Kanun Keseksaan N.M.B. Bab 45 dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Kanun Prosedur Jenayah N.M.B. Bab 6 ini untuk diluluskan.

4.52 ptg.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang pindaan kepada Akta Kanun Keseksaan yang bernama Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1985 yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Pindaan ini ialah satu, pindaan kepada Akta A549 yang telah diluluskan, kalau tidak silap saya dalam tahun 1983. Pindaan kepada Kanun Keseksaan yang dibuat pada masa itu adalah hasil daripada keadaan yang menggelisahkan kaum muslimin di negara kita ini akibat daripada timbulnya perselisihan faham politik di kalangan orang-orang Islam di negara ini yang membawa kepada kafir-mengkafir di antara orang-orang Islam sehingga timbul perbuatan-perbuatan yang mana golongan-golongan yang tertentu memisahkan diri mereka di dalam perkara-perkara ibadat dan kerja-kerja keagamaan. Akta pindaan tersebut telah dikemukakan ke Parlimen berdasarkan kepada keadaan pada masa itu, iaitu satu keadaan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan kemusnahan harmoni di antara orang-orang Islam. Akta itu pada hemat saya telah diluluskan untuk menghindarkan perpecahan yang serius di kalangan umat Islam walaupun pada amnya Akta pindaan yang tersebut merangkumi aktiviti-aktiviti yang boleh memecahkan perpaduan di antara rakyat yang menganuti agama lain juga.

Pindaan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang di hadapan kita sekarang ini walaupun pendek dan ringkas, tetapi pada hakikatnya adalah besar dan mempunyai kesan yang menjangar luas. Akta pindaan ini membuat suatu pindaan yang besar, iaitu ianya menghapuskan perbezaan di dalam masalah hukuman yang boleh dikenakan di antara kesalahan yang dilakukan berhampiran dengan tempat ibadat seperti masjid dan surau dengan kesalahan yang dilakukan jauh daripada tempat ibadat. Mengikut undang-undang yang ada sekarang hukuman bagi mereka yang melakukan kesalahan yang tidak berdekatan dengan tempat ibadat itu ialah boleh dipenjarakan sehingga 3 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali. Hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan yang dilakukan berhampiran dengan tempat ibadat ialah penjara sehingga 5 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Mengikut undang-undang yang ada sekarang apabila telah disabitkan kesalahan terpulanglah kepada mahkamah mengikut budibicaranya semula sama ada di dalam kes-kes yang di hadapannya itu seorang pesalah yang didapati bersalah itu patut dikenakan hukuman penjara atau denda atau mungkin juga difikirkan baik dan munasabah dan adil, pesalah itu boleh dilepaskan, iaitu atas jaminan untuk berkelakuan baik untuk satu tempoh yang tertentu di bawah Seksyen 173A atau 294 Acara Kanun Keseksaan yang ada sekarang. Di dalam menentukan hukuman mana, sama ada jelkah, dendakah atau dilepaskan berdasarkan kepada jaminan berkelakuan baik terpulanglah kepada perhitungan pertimbangan mahkamah mengikut budibicaranya demi untuk mencapai keadilan, bukan sahaja kepada masyarakat umum tetapi juga kepada pesalah itu sendiri.

Rang Undang-undang pindaan ini pada hemat saya bermaksud untuk

menyekat mahkamah daripada menggunakan kebebasan budibicaranya di dalam menjatuhkan hukuman mengikut keadilan yang difikirkannya munasabah di dalam kes di bawah Seksyen 398A. Inilah sebagaimana yang saya katakan tadi, walaupun satu Akta pindaan yang pendek tetapi kesannya begitu besar dan menjalar. Tidak salah kalau saya katakan bahawa pindaan ini adalah sebagai satu reaksi pihak Kerajaan kepada keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi di Kuala Terengganu di mana seorang pesalah telah dihukum dengan cara dilepas atas jaminan berkelakuan baik. Keputusan itu telah diangkat ke Mahkamah Agung sebagai rayuan dan adalah perlu ditatapi bahawa walaupun Mahkamah Agung tidak mengubah hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi, ianya telah mengatakan bahawa hukuman di dalam kes itu tidak seharusnya akan menjadi ikutan dalam kes-kes yang akan datang.

Saya percaya bahawa hukuman yang telah dijatuhkan di dalam kes di Terengganu itu merupakan hukuman yang adil mengikut fakta atau butir-butir fakta yang ada di hadapan Hakim yang membicarakan kesnya pada masa itu. Saya percaya bahawa hukuman yang seperti itu tidak akan dikenakan oleh mahkamah-mahkamah lain yang sudah tentu mempunyai fakta-fakta lain yang berbeza daripada kes yang tersebut.

Saya sangsi sama ada Akta pindaan ini telah dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini untuk diluluskan sebagai satu reaksi yang agak melebihi terhadap keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi di Terengganu itu. Saya mengakui bahawa apabila Akta yang ada sekarang diluluskan oleh Parlimen kita, ianya satu Akta yang baik dan tepat untuk menjawab persoalan yang telah timbul di kalangan masyarakat Islam negara kita, tetapi apa perlunya Akta pindaan

ini diluluskan pada masa ini? Adakah telah didapati bahawa setelah dijalankan kuatkuasanya undang-undang yang ada sekarang, kes-kes di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan telah bertambah? Jika bertambah, adakah pertambahan itu berlakunya disebabkan hukuman yang telah dibuat oleh mahkamah itu rendah yang menyebabkan kesalahan-kesalahan itu makin berleluasa.

Perlu diingatkan bahawa di bawah seksyen 298A Kanun Keseksaan, seseorang itu boleh didapati bersalah walaupun ianya tidak mempunyai niat jahat atau tidak berniat songsang terhadap agamanya. Apabila ianya melakukan kesalahan itu di bawah pindaan yang hendak kita luluskan ini mahkamah tidak ada mempunyai pilihan lagi melainkan raenjatuhkan hukuman sekurang-kurangnya 2 tahun penjara walaupun di dalam kes yang ada di hadapan mahkamah didapati benar-benar bahawa pesalah tidak berniat jahat atau songsang terhadap agamanya.

Di dalam banyak keadaan mahkamah mengambil kira keadaan awam dan pesalah di dalam menjatuhkan hukuman dan jika pihak Kerajaan merasakan bahawa hukuman yang ada sekarang tidak mencukupi bolehlah pihak Pendakwa Raya iaitu Peguam Negara meminta supaya pegawai-pegawainya mendesak supaya di dalam kes-kes di bawah seksyen 298A supaya diminta kepada mahkamah menjatuhkan hukuman yang berat. Dan saya rasa dengan diluluskan pindaan ini ianya bukan sahaja menyekat mahkamah di dalam menggunakan budibicaranya waktu hendak menjatuhkan hukuman tetapi juga ia menyekat budi-bicara mereka yang menguatkuasakan undang-undang ini. Saya takut pada masa akan datang oleh kerana difikirkan bahawa undang-undang yang mandatory selama 2 tahun ini akan menyebabkan

pegawai-pegawai yang menguatkuasakan undang-undang ini merasa bahawa ianya terlalu berat dan banyak kes-kes akan datang ini mahkamah akan mencari jalan untuk melepaskan mereka yang tertuduh di hadapan mahkamah dengan cara mengatakan bahawa tidak ada bukti yang jelas di dalam mana-mana "ingredient" di dalam kes itu, maka kita mungkin akan dapati pada masa akan datang banyak kes-kes yang di bawah seksyen 298A ini orang-orang yang dituduh di bawahnya didapati dilepaskan oleh mahkamah untuk menghindarkan daripada mahkamah terpaksa menjatuhkan hukuman yang berat. Saya rasa tidak banyak kes-kes di dalam undang-undang kita yang membuat hukuman "mandatory" seperti ini dan oleh kerana itu saya merasa bahawa kalau boleh difikirkan semula akan akibat-akibat yang akan timbul daripada lulusnya pindaan ini.

Sebagaimana yang telah dikatakan oleh rakan saya tadi bahawa banyak orang merasa bahawa mereka terpaksa berjihad dengan wang dan dengan tenaga dan nyawa dan di dalam masalah-masalah agama banyak orang akan berfikir walau apa sekalipun hukumannya mereka boleh menghadapinya.

Suatu perkara lagi kalau mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa ataupun budibicara untuk menggunakan seksyen 173A ataupun 294 Acara Kanun Keseksaan, mungkin mahkamah tidak dapat mengendalikan keadilan dalam hal-hal yang mana mahkamah fikir bahawa untuk menjatuhkan hukuman penjara mungkin akan menyebabkan lebih mendatangkan mudarat di dalam masyarakat kita. Jadi, oleh kerana itu saya rasa kalau boleh pada masa akan datang Kerajaan membuat kajian yang mendalam dan jika perlu pindaan dibawa lagi ke dalam Dewan ini untuk mengubah supaya hukuman mandatory 2 tahun ini dikenakan

kepada orang yang melakukan kesalahan ini pada kali yang kedua, tidak pada kali yang pertama sebagaimana yang ada di dalam Akta Pindaan di hadapan kita pada hari ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa oleh kerana Akta Pindaan ini mempunyai tujuan yang baik, saya menyokong pindaan ini. Sekian.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:
Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim.

5.06ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada petang semalam.

Saya rasa saya tak banyak hendak menyentuh tentang hujah-hujah bagi memberikan sokongan ini kerana rakan saya yang dahulu tadi telah pun banyak memperkatakan dalam semua aspek yang berkaitan dengan lahirnya pindaan Undang-undang Kanun Keseksaan ini dan saya nampak wujudnya Rang Undang-undang ini adalah untuk mengatasi masalah apa yang ditimbulkan dalam Kertas Putih yang dikeluarkan oleh Kerajaan iaitu ancaman kepada perpaduan umat Islam dan keselamatan negara.

Saya rasa ini cara-cara untuk hendak mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam masyarakat beragama di dalam negara kita sekarang di mana Kerajaan sungguh-sungguh merasakan sangsi dan memandang berat di atas gejala-gejala yang telah pun timbul sejak beberapa tahun ini bahawa pihak pelampau di dalam menggunakan isu-isu agama ini telah begitu berani melakukan dengan tidak menghirakan apa akibatnya yang akan berlaku kepada penganut-penganut agama itu

sendiri atau kepada bangsa yang menganuti agama itu dan keselamatan negara. Jadi, oleh kerana tidak ada jalan lain sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam ucapan saya dalam membahaskan pindaan Undang-undang Peperiksaan semalam bahawa manusia ini tidak harus diberi kelepasan begitu sahaja malahan untuk menyekat gerak-langkah yang ada pada manusia ini mestilah diletakkan undang-undang di hadapannya. Dengan sebab itu, sebagaimana kita orang Islam, Allah telah meletakkan Al-Ouran dan Hadis Junjungan Rasullullah s.a.w. sebagai pegangan kita, bahan rujuk kita dan meletakkan perundangan di dalam masyarakat, di dalam bab beribadat, dalam nikah-kahwin dan dalam bab jenayah dan sebagainya.

Kesemuanya ini menggunakan peraturan-peraturan dan perundangan tetapi sebagaimana yang telah dijelaskan oleh rakan saya yang terdahulu tadi bahawa belum sampai masanya kita hendak menggunakan perundangan sebagaimana yang saya sebutkan tadi mengikut lunas-Iunas Al-Quran secara tepat dan menggunakan Hadis-hadis sebagaimana yang ditinggalkan oleh Junjungan kita Rasullullah s.a.w., maka Kerajaan terpaksa mengadakan satu sekatan undang-undang, walaupun tidak menyeluruh mengikut apa yang disalurkan di dalam perundangan Islam tetapi satu langkah sementara bagi menjaga keselamatan perpaduan ummah dan keharmonian beragama dalam negara kita ini.

Sebagaimana yang kita tahu bahawa landasan kita, Islam ini adalah merupakan agama rasmi negara dan di dalam usaha Kerajaan sekarang di dalam langkah penerapan nilai-nilai Islam dalam semua pentadbiran Kerajaan sedang dijalankan maka saya rasa Akta ini adalah sesuai walaupun kita rasa berat untuk melaksanakan

Akta ini tetapi sebagai satu cara untuk menundukkan manusia ini kepada undang-undang, maka undang-undang yang seperti ini patut digunakan sekurang-kurangnya yang ada dapat mengurangkan keadaan-keadaan yang sedia ada sekarang ini walaupun mungkin ada bilangan-bilangan yang akan mentohmahkan bahawa Akta yang dipinda ini tidak memberi kesan kepada mereka.

Tetapi saya yakin dengan adanya Akta ini akan dapat mengurangkan keadaan yang ada kerana selama ini yang kita tahu penyelewengan-penyelewengan dan keadaan-keadaan dengan segala ajaran-ajaran yang kurang tepat dan kurang teratur yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan kalau dia beragama Islam maka jabatan-jabatan agama di tiap-tiap negeri bertindak untuk membanteras keadaan itu tetapi tidak ada satu tenaga yang kuat dan tidak ada satu undang-undang yang boleh menakutkan dan membimbangkan mereka itu maka mereka terus bertindak memanjangkan ajaran-ajaran yang kurang tepat dan kurang dapat diterima oleh masyarakat umum.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita tidak harus memikirkan pelaksanaan undang-undang ini sahaja, malahan yang penting kepada kita sekarang dan yang penting kepada Kerajaan kita memikirkan bagaimana caranya supaya gejala-gejala ini dapat dikurangkan dan dapat kita hilangkan keadaan-keadaan yang membimbangkan umat Islam khususnya di negara ini sebagaimana yang dihuraikan oleh rakan saya tadi punca-punca perpecahan banyak perkara dalam isu agama ini kalau kita hendak bangkitkan yang boleh menimbulkan huru-hara dan boleh menimbulkan berpecah belah, kerana agama ini adalah berlandaskan keyakinan dan keimanan serta rasa takwa kepada Allah s.w.t.

Manakala landasan takwa dan tidak cukup mempercayai di atas kekuasaan Allah yang maha Esa ini sudah tidak ada dalam hati sanubari manusia maka mereka akan bertindak melakukan apa sahaja yang mereka suka dan melakukan apa sahaja perkara yang boteh menyampaikan maksud mereka. Maka dengan sebab itu saya rasa kita harus memikirkan sekarang bahawa sebagai langkah-langkah penerapan agama Islam ataupun penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan sekarang ini, maka Kerajaan harus menitikberatkan ceramah-ceramah dan kursus-kursus yang khusus yang kita gunakan satu masa yang khas dalam waktu kerja yang sesuai yang difikirkan oleh pentadbiran supaya dapat kita bendung kakitangan-kakitangan Kerajaan sekarang ini diberikan kursus-kursus yang khas dan diwajibkan mengikut kursus di dalam waktu kerja, sebab dari kesan-kesan yang sudah kita dapati jabatan-jabatan yang menganjurkan kursus-kursus agama mingguan ini dalam waktu kerja yang mengambil masa dalam setengah jam atau satu jam yang didatangkan guru-guru yang benar-benar bertanggungjawab kesan-kesan yang baik telah dapat kita hasilkan dan kita sudah nampak banyak perubahan dan mereka ini tidak mudah dikelirukan oleh mereka yang menganggap diri mereka mahir dalam agama dan menuduh kakitangan-kakitangan Kerajaan bersimpati menegakkan kemungkaran dalam pentadbiran.

Jadi selain daripada itu, saya nampak bahawa pegawai-pegawai yang tidak mahu mengikut peraturan-peraturan yang disediakan untuk kursus-kursus ini harus diambil tindakan tatatertib, sebab dari segi apa yang saya alami dalam kursus-kursus di jabatan-jabatan hanya Kumpulan-kumpulan C dan D sahaja yang mahu mengikut kursus yang dianjurkan tetapi Kumpulan A dan B ini sukar, melainkan kalau ada "taukeh-taukeh"

atau boss-boss mereka atau ketua-ketua jabatannya turut sama dalam kursus itu, barulah mereka masuk sama untuk mengikuti kursus yang dianjurkan.

Ini amat kita kesali dan saya sendiri mengalami beberapa jabatan yang saya pergi untuk memberi kursus ini saya dapati kalau Ketua Jabatan itu tidak turut maka kumpulan-kumpulan orang yang saya sebutkan tadi tidak ada, yang ada hanya Kumpulan C dan D.

Jadi gejala-gejala yang seperti ini akan boleh menggoncangkan keadaan. Jadi kalau dapat kita lahirkan keadaan yang harmoni seperti ini melalui Jabatan-jabatan Kerajaan melalui madrasah-madrasah, melalui masjid-masjid dan surau-surau sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan saya tadi maka kita percaya hasrat Kerajaan untuk meminda undang-undang akan tinggal undang-undang ini dan tidak ada tindakan undang-undang yang dapat kita jalankan kerana mereka semua memahami keadaan dan suasana negara.

Dan satu lagi sukalah saya mengesyorkan supaya bahaya-bahaya yang sedang timbul sekarang di sekolah-sekolah dalam Tingkatan VI bawah dan atas bahawa murid-murid ini sudah diresapi sebahagian sekolah-sekolah yang saya sendiri boleh buktikan bahawa mereka itu kadang-kadang masa lapangnya membuat usrah-usrah yang menggunakan kaset-kaset atau menggunakan buku-buku yang begitu bersemangat yang tidak termampu oleh penuntut-penuntut kita untuk mengikutinya. Tetapi oleh kerana semangat yang telah dihembuskan melalui pendengaran bukan dengan berguru tetapi mereka telah menukar corak dan tidak mahu mengikut peraturan-peraturan sekolah dengan baik dan saya dapati ada satu sekolah yang teragong di negara kita ini yang saya tidak mahulah hendak katakan di sini bahawa tidak mahu menerima penceramah-penceramah

yang kita datangkan daripada orang Kerajaan khususnya daripada Pusat Islam dan sebagainya, kerana mereka kata mereka ini adalah jentera-jentera Kerajaan yang tidak mengikut lunas-lunas Islam.

Jadi ini amat kita kesalkan dan bukan sahaja penuntut-penuntut malahan ada di antara guru-guru yang telah terpengaruh dengan keadaan seperti ini kalaulah penuntut-penuntut yang seperti ini. Kita tidak jaga dan mereka ini akan meneruskan pelajarannya di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi kita di luar atau di dalam negeri maka asuhan yang telah bersebiti dalam hati mereka ini akan berpanjangan dan 5 hingga 10 tahun yang akan datang akan lahirlah keadaan yang lebih keruh daripada apa yang ada sekarang.

Jadi inilah yang saya hendak tekankan supaya semua pihak yang terlibat dalam masalah ini dapat memikirkan bukan kita hendak melaksanakan undang-undang yang kita buat atau Akta yang kita pinda ini, malahan bagaimana kita hendak memikirkan supaya mereka ini jangan kita heret ke dalam undang-undang yang kita sediakan ini malahan undang-undang ini hanya sebagai satu senjata untuk Kerajaan menakutkan ataupun mengurangkan sedikit kegerunan mereka itu terhadap kegiatan-kegiatan yang mereka lakukan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tak usahlah saya cakap panjang dalam masalah ini, malahan apa yang kita harapkan walaupun Akta ini kita rasa berat kerana dalam pelaksanaannya dengan penjara 2 tahun atau 5 tahun ini saya rasa bagi orang yang sanggup, dia tidak timbul masalah tetapi bagi orang yang penakut akan timbul masalah. Dengan sebab itu Akta yang kita luluskan ini dan saya sokong pada petang ini, mudah-mudahan tidak akan menimbulkan masalah yang banyak, malahan kerja-kerja yang banyak

kepada kita supaya jangan ada mereka yang kita heret sampai ke mahkamah di dalam Akta Kanun Kesiksaan ini yang menerima akibat daripada undang-undang yang disediakan.

Setakat itulah yang dapat saya sampaikan, mudah-mudahan kita berdoa dengan kuasa Allah Yang Maha Esa bahawa negara ini akan diselamatkan daripada gejala yang ditimbulkan daripada isu ataupun perpecahan agama ataupun ancaman-ancaman perpaduan umat Islam dan keselamatan negara, maka Tuhan sahajalah yang berhak menentukan keadaan dan kita hanya menjalankan usaha, mudah-mudahan usaha kita ini mendapat keredhaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:
Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap memberikan beberapa pandangan yang amat berguna dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Sebelum saya menjawab di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, inginlah saya membuat penjelasan terlebih dahulu bahawa pada tahun 1983 ketika Akta Kanun Kesiksaan dipinda untuk memasukkan Seksyen 298A sebagai satu kesalahan yang baru bukanlah hasrat Kerajaan menumpukan perhatiannya kepada masalah ataupun pergolakan yang berlaku di antara umat Islam di negara ini kerana Seksyen 295 kepada seksyen 298 yang ada begitu lama termaktub di dalam Akta Kanun Kesiksaan dan termasuk juga Seksyen 298A yang baru yang dimasukkan pada tahun 1983 adalah dimaktubkan ke dalam Akta

tersebut untuk menghadapi sebarang ancaman kepada mana-mana agama. Dengan lain perkataan, pindaan yang dikemukakan ke dalam Dewan yang mulia ini bukanlah dengan bertujuan menumpukan perhatian Kerajaan kepada agama Islam semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Maasom telah berucap dengan panjang lebar dan mengemukakan beberapa masalah dan pertanyaan. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memanglah terkandung di bawah seksyen 298A, bermakna perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah perkara yang boleh menjadi kesalahan di bawah seksyen 298A.

Saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa penerangan yang luas perlu diberi kepada seksyen 298A terutama sekali kepada pindaan yang dikemukakan pada hari ini, insya Allah jika undang-undang ini diluluskan, perkara ini akan diberi penerangan supaya meluaskan ke seluruh negara agar bukan sahaja rakyat Malaysia yang menganut agama Islam bahkan mereka yang beragama lain juga akan mengetahui tentang kuasa yang terkandung di dalam Akta Kanun Kesiksaan khususnya di bawah seksyen 295 sehingga ke seksyen 298 dan termasuk seksyen 298A yang dipinda baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Mohd. Yussof bin Haji Md. Nor membangkitkan tentang kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Terengganu. Inginlah saya menjelaskan di sini dan sepertimana juga Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa sebarang hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi dan jika dirayukan kepada mahkamah yang sehabis tinggi, di sini kepada Mahkamah Persekutuan ataupun Mahkamah Agung, jarang

sekali kes-kes sedemikian rupa diubah ataupun dipinda tentang hukumannya oleh Mahkamah Persekutuan kerana adalah menjadi prinsip Mahkamah yang sehabis tinggi untuk tidak campur tangan tentang keputusan hukuman yang dilakukan oleh mahkamah yang di bawahnya. Oleh kerana itu, Kerajaan berpendapat memandangkan kepada beberapa kes yang telah dikemukakan kepada mahkamah sejak seksyen 298A dimaktubkan dalam Akta Kanun Kesiksaan tahun 1983 bahawa hukuman yang telah dikenakan oleh Mahkamah Rendah tidak melambangkan keseriusan kesalahan yang kita semua ketahui.

Sepertimana yang kita semua sedia maklum agama merupakan satu perkara yang boleh dieksploitkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan jika perkara-perkara ini berlaku sepertimana kita semua sedia maklum juga bahawa sekarang ini banyak perkara-perkara berlaku yang berkaitan dengan agama khususnya agama Islam, maka haruslah kita bersedia supaya satu undang-undang yang bukan sahaja begitu kuat tetapi hukuman-hukuman yang begitu berat patut dikenakan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab itu.

Tuan Yang di-Pertua, memang diakui bahawa terdapat pindaan ini yang mengikutnya bahawa sesiapa sahaja yang membuat kesalahan di bawah seksyen 298A akan dikenakan hukuman penjara mandatori selama dua tahun, tidaklah bermakna bahawa pesalah-pesalah di bawah seksyen ini akan berkurangan ataupun mungkin tidak ada lagi, kerana sepertimana yang kita semua sedia maklum di negara kita di bawah Akta Kanun Kesiksaan terdapat juga seksyen 302 yang mengatakan bahawa sesiapa sahaja yang mengambil nyawa seseorang manusia lain, dia boleh dihukum dengan hukuman mati iaitu hukuman gantung sampai mati. Itu

tidak bermakna kerana terdapatnya seksyen 302 dalam Akta Kanun Kesiksaan, tidak terdapat kes-kes pembunuhan di negara kita tetapi dengan terdapatnya pindaan yang dicadangkan iaitu kepada seksyen 298A Akta Kanun Kesiksaan Kerajaan berharap bahawa kes-kes yang ada berhubungan dengan agama akan berkurangan keseluruhannya di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 298A ini adalah bertujuan untuk , mengenakan hukuman mandatori selama dua tahun kepada mereka yang didapati bersalah di bawah seksyen tersebut kerana di bawah seksyen 298A yang sedia ada walaupun diperuntukkan hukuman penjara boleh dikenakan sehingga tiga tahun kita dapati bahawa kebanyakan kes-kes yang dikemukakan kepada mahkamah tidak terdapat begitu banyak kes yang mana hukuman penjara dikenakan. Malahan seperti mana yang saya terangkan apabila saya membentangkan Rang Undang-undang ini, pihak Mahkamah telah menggunakan budibicara untuk mengurangkan ataupun meringankan hukuman apabila pesalah-pesalah itu dikenakan ikatan bond di bawah seksyen 173A ataupun juga di bawah seksyen 294 Kanun Prosedur Jenayah.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberikan pandangan dan hujah-hujah dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang ini. Saya juga berdoa mudah-mudahan dengan terdapatnya pindaan ini tidaklah terdapat begitu banyak kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab khususnya umat Islam untuk menyalahgunakan perkara-perkara yang termaktub di dalam Akta Kanun Kesiksaan.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13, pertimbangan atas bacaan kali yang kedua dan ketiga Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 itu dijalankan selepas Rang Undang-undang Pembantu Hospital Pendaftaran (Pindaan) diluluskan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usut di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan bagi dipersetujui.

Usul ini dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 61 pertimbangan atas bacaan kali yang kedua dan ketiga Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 itu dijalankan selepas Rang Undang-undang Pembantu Hospital Pendaftaran (Pindaan) diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PEMBANTU HOSPITAL
(PENDAFTARAN) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.36 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan) 1985 dibaca kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977 dan Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 bagi menukar nama dan gelaran Lembaga Pembantu Hospital dan pegawai-pegawai yang didaftarkan di bawah Lembaga ini yang sekarang ini digelar sebagai Pembantu Hospital.

Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977 adalah suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan satu Lembaga Pembantu Hospital (Pendaftaran), Pendaftaran Pembantu-pembantu Hospital dan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengannya.

Mengikut Akta ini, tiada seorang boleh diambil bekerja sebagai Pembantu Hospital melainkan jika orang itu didaftarkan di bawah Akta

ini. Penggantian nama ini yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada corak latihan yang diberi dan peranan dan tugas yang dijalankan oleh Pembantu Hospital. Mereka bertugas, bukan sahaja membantu pegawai-pegawai perubatan di hospital-hospital dalam perkhidmatan rawatan perubatan, bahkan juga berkhidmat di pusat-pusat kesihatan, gudang-gudang ubat dan pasukan-pasukan klinik bergerak di bawah kelolaan dan pengawasan pegawai perubatan. Pembantu Hospital secara langsung terlibat dalam memberi rawatan perubatan kepada pesakit-pesakit dan membantu pegawai-pegawai perubatan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Dengan hal yang demikian, gelaran Pembantu Perubatan amat sesuai bagi menggantikan gelaran Pembantu Hospital yang digunakan untuk mereka pada masa ini.

Pindaan-pindaan yang sedemikian dapat mencerminkan peranan dan tugas yang sebenar-benarnya yang dimainkan oleh Lembaga Pembantu Hospital (Pendaftaran) dan pegawai-pegawai ini.

Tujuan meminda seksyen 8 adalah untuk memberi kuasa kepada Menteri mengecualikan dari pendaftaran seseorang pemegang sijil Pembantu Hospital estet atau sijil jururawat tentera yang telah diambil bekerja pada permulaan Akta ini pada tahun 1977 hingga 1979 dalam Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun dan lam-lain tempat sebagai Pembantu Hospital untuk didaftarkan di bawah Akta ini. Mereka ini berpengalaman dan boleh menjalankan tugas-tugas Pembantu Hospital dengan memuaskan setanding dengan Pembantu Hospital yang berdaftar.

Pindaan kepada seksyen 22 pula adalah untuk membetulkan satu kesilapan satu perkataan sahaja.

Pindaan kepada Peraturan 10, Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 adalah bertujuan untuk memasukkan kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya atau kelayakan-kelayakan pelajaran sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri bagi mana-mana jururawat-jururawat lelaki tentera dan Pembantu Hospital Rendah sebagai syarat yang boleh diterima bagi kemasukan menjalani latihan di pusat latihan Pembantu Hospital yang diluluskan menurut Peruntukan-peruntukan Akta dan peraturan-peraturan ini. Pindaan sedemikian akan memberi peluang kepada jururawat lelaki tentera dan Pembantu Hospital Rendah yang berpengalaman dalam bidang perubatan meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan perubatan dan kerjaya mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977, Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Sila Yang Berhormat.

5.40 ptg.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977, Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 dan untuk

membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah satu yang telah diharapkan begitu lama oleh pegawai-pegawai yang dahulunya digelar Pegawai Pembantu Hospital (HA). Rang Undang-undang ini yang bermaksud menukar gelaran mereka ini kepada Pembantu Perubatan, mencerminkan kemajuan yang telah dicapai dalam bidang kesihatan di negara kita. Pada masa kita merdeka, perkhidmatan kesihatan kita hanya ditumpukan kepada hospital-hospital di bandar-bandar besar. Sejak itu Kerajaan kita telah berjaya meluaskan perkhidmatan kesihatan ini ke kawasan-kawasan luar bandar, di merata tanahair kita. Dalam satu tempoh masa yang tidak begitu lama, kita telah dapat mewujudkan pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa, di mana rakyat telah bernasib mendapat berbagai kemudahan. Ibu-ibu yang mengandung telah dapat menikmati jagaan ante-natal dan post-natal dan kanak-kanak kecil juga diberi perlindungan kesihatan, dengan Pelalian vaccine untuk mencegah penyakit-penyakit seperti polio, TB, typhoid dan measles yang dahulunya membawa maut kepada beribu-ribu kanak-kanak.

Di kawasan-kawasan luar bandar, melalui klinik-klinik dan perkhidmatan bergerak, rakyat dapat dibekalkan dengan primary health care, secara asas dan satu sistem rujukan kepada hospital-hospital untuk penyakit-penyakit yang lebih rumit dikendalikan di peringkat klinik itu. Segala pencapaian itu dapat dilihat dengan jelasnya dalam penghapusan penyakit-penyakit berjangkit yang menjadi masalah besar dahulu. Hasil daripada pengujudan perkhidmatan kesihatan asas itu, jangka hayat seseorang Malaysia, pada pukol rata adalah lebih

kurang 60 tahun pada masa ini, berbanding dengan 56 tahun pada masa kita merdeka. Kadar kematian ibu mengandung dan bayi telah juga dapat diturunkan ke tahap yang lebih munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, segala ini tidak dapat dicapai jika Kerajaan kita tidak melatih dan melantik kakitangan para medik yang cukup. Dalam kumpulan para medik ini, saya merasa Pegawai-pegawai Pembantu Perubatan ini memainkan peranan yang utama, disokong oleh Jururawat-jururawat, Bidan dan sebagainya. Perribantu Perubatan ini telah dilatih untuk mengenali penyakit-penyakit yang merebak dan juga mengambil langkah-langkah untuk mencegahnya. Mereka telah dilatih dalam mendiagnosa berbagai penyakit dan memberi rawatan kecemasan. Melalui ini mereka juga dapat mengenali penyakit-penyakit yang memerlukan rawatan yang lebih kompleks yang dapat diberi oleh doktor-doktor dan pakar-pakar.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita menunggu untuk mewujudkan dengan cukupnya doktor-doktor untuk menjawat segala urusan di peringkat asas khususnya di kawasan luar bandar, saya merasa kita tidak akan dapat memulakan perkhidmatan kesihatan sebagai satu yang menyeluruh. Hasil-hasil kemajuan yang saya sebutkan tadi tidak akan dapat dinikmati oleh sebahagian besar daripada rakyat kita. Melatihkan dan penggunaan satu golongan pegawai yang mempunyai kebolehan yang luas, lebih daripada membantu di hospital-hospital sahaja telah dapat menjayakan kemajuan yang pesat dalam bidang kesihatan kita.

Jadi, penukaran gelaran pegawai ini kepada "Pembantu Perubatan" adalah satu yang kita mengalu-alukan sebagai tepat dan wajar. Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan pengenalan yang

baharu, golongan pegawai ini dapat dipertingkatkan dalam kebolehan dan keupayaan mereka untuk mereka terus memainkan peranan yang penting dalam perkembangan bidang kesihatan. Khususnya, saya harap Pembantu-pembantu Perubatan ini dapat menjadi "frontline" yang berkelibar dan berdedikasi dalam bidang kesihatan. Kita harap juga mereka dapat menunjukkan sikap yang lebih bertanggungjawab dan bersopan untuk rakyat kita benar-benar puas hati dalam pengendalian mereka apabila pergi ke kekudahan-kemudahan kesihatan.

Dalam perkara ini adalah penting bahawa langkah-langkah tertentu diambil oleh Kementerian untuk menentukan pengelolaan dan penyeliaan yang cukup kepada mereka daripada para doktor. Kerana, adalah penting bahawa mereka ini menjadi sebahagian yang "integral" dalam pasukan kesihatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian, jika perubahan yang sama hendak dibuat kepada Pembantu-pembantu Hospital di estet-estet juga. Saya sedar bahawa mereka adalah didaftarkan di bawah Akta yang lain, iaitu Akta Pembantu-pembantu Perubatan Hospital Estet, tetapi tugas mereka ini adalah sama dengan Pembantu-pembantu Perubatan di dalam Kerajaan. Mereka juga harus mempunyai tahap latihan dalam semua bidang kesihatan, dan rawatan kecemasan, serta kebolehan merujuk kepada doktor dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Saya harap Kementerian Kesihatan dapat mengkaji kedudukan mereka ini juga dan meningkatkan lagi kedudukan dan keupayaan mereka. Pembantu-pembantu Hospital di estet-estet mempunyai tanggungjawab yang penting, kerana di kebanyakan estet mereka ditugaskan secara lebih kurang bebas, dengan lawatan, doktor-doktor

yang tidak kerap biasanya kurang daripada sebulan sekali. Mereka terpaksa mengendalikan kelahiran dan juga rawatan asas dan kecemasan. Estet-estet harus diperlukan menggajikan pegawai-pegawai yang telah pun dilatih penuh, bukan mereka yang gred 3 sahaja, yang tidak dapat memainkan peranan yang diharapkan dari mereka. Estet-estet sedang mencari "cheap labour" dalam perkara ini dan cuba memindahkan tanggungjawab mereka kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah harus juga diambil untuk memberi latihan yang sama kepada Pembantu-pembantu Hospital Estet, di Sekolah Latihan Pembantu Perubatan Kerajaan. Dengan itu kita dapat mengelak daripada "double standards" yang merupakan tindakan merendahkan kedudukan pekerja-pekerja estet.

Saya harap Kementerian dapat memberi perhatian yang serius kepada cadangan-cadangan ini. Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' K. Kumaran di atas sokongan dan cadangan-cadangan yang dibuat oleh beliau.

Saya dapat mengatakan bahawa adalah tujuan Kementerian untuk meningkatkan lagi mutu kemahiran dan prestasi kerja Pembantu-pembantu Hospital ini. Kementerian telah menubuhkan sebuah Badan Petugas (Task Force) beberapa bulan dahulu untuk meneliti peranan, latihan dan tugas-tugas golongan pegawai ini dan laporan Task Force ini adalah dijangka diterima tidak lama lagi dan Kementerian, harap akan dapat menyusun beberapa tindakan yang perlu dalam aspek-aspek ini. Dengan tindakan seperti itu adalah diharapkan di Kementerian bahawa golongan

Pembantu-pembantu Perubatan ini akan dihasilkan sebagai satu kumpulan para-medic yang bermutu tinggi.

Mengenai cadangan beliau bahawa Pembantu-pembantu Hospital di estet juga diberi latihan dan peranan yang serupa, sukalah saya mengatakan bahawa Pembantu-pembantu Hospital estet adalah didaftarkan di bawah Akta yang lain dan dilatih melalui rancangan yang berasingan. Kementerian pada masa ini bercadang juga untuk meneliti dan menyusun semula perkhidmatan kesihatan di estet-estet tidak lama lagi dan saya harap peranan dan latihan Pembantu-pembantu Hospital estet juga dapat diberi perhatian yang mendalam pada masa ini.

Saya ucap terima kasih kepada beliau di atas cadangan-cadangan dan sokongan beliau.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai
metnpengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG DADAH
BERBAHAYA
(LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN KHAS)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.55 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai tahanan tanpa perbicaraan orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1984 digubal di bawah kuasa-kuasa khas Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan kerana masalah pengedaran dadah yang dihadapi oleh negara kita amatlah serius. Walau bagaimanapun, satu Rang Undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan adalah menyentuh hak-hak asasi manusia yang diperuntukkan dalam Perkara-perkara 5, 9, 10 dan 13 Perlembagaan Persekutuan.

Dengan demikian, Kerajaan berpendapat bahawa Rang Undang-undang tersebut patut dikaji dengan lebih mendalam dengan mengambil kira pandangan dan cadangan orang ramai mengenainya. Oleh itu, pada

17hb Oktober, 1984 satu Jawatankuasa Pilihan Khas telah dilantik oleh Dewan Rakyat untuk mengkaji dan membuat syor ke atas Rang Undang-undang tersebut dan membentangkan laporannya kepada Dewan Rakyat pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga.

Jawatankuasa Pilihan Khas telah mengadakan mesyuarat sebanyak 26 kali dan membuat lawatan ke beberapa tempat di seluruh negara bagi menemui orang ramai untuk mendapatkan pandangan dan buah fikiran mereka mengenai Rang Undang-undang itu. Sebanyak 421 buah kesatuan dan pertubuhan dan juga 42 orang perseorangan telah memberi pendapat mereka mengenai Rang Undang-undang itu. Tindak-balas orang ramai semasa diadakan perbicaraan amatlah menggalakkan dan ianya adalah satu petanda yang baik tentang kebimbangan orang ramai mengenai ancaman dadah yang mengancam keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa mengambil perhatian iaitu sungguhpun orang ramai bersetuju bahawa masalah ancaman dadah perlu dihapuskan, ramai orang melahirkan kebimbangan yang serius mengenai Rang Undang-undang itu oleh kerana ia memperuntukkan tahanan pencegahan tanpa perbicaraan. Ada pula orang ramai termasuk mereka yang menyokong perlunya diadakan satu Rang Undang-undang mengenai tahanan tanpa perbicaraan merasa bimbang tentang penyalahgunaan kuasa kerana Rang Undang-undang itu memberi kuasa yang luas kepada pihak Polis yang mungkin disalahgunakan.

Apa yang ditakuti sekali oleh orang ramai ialah peruntukan di bawah Fasal 3 (1) yang membenarkan mana-mana pegawai Polis iaitu tidak mengira pangkat, dari Konstabel sehinggalah ke Ketua Polis Negara tanpa waran menangkap dan menahan bagi tujuan

menjalankan penyiasatan siapa sahaja yang dipercayai ada hubungan dengan apa sahaja aktiviti bersangkut atau terlibat dengan pendedaran dadah berbahaya.

Fasal 3 (2) Rang Undang-undang itu merupakan fasal yang menerima paling banyak komen dari orang ramai iaitu tentang tempoh penyiasatan selama 60 hari. Sungguhpun terdapat berbagai alternatif yang dicadangkan tetapi kebimbangan orang ramai pada keseluruhannya adalah penyalahgunaan kuasa perlu dielakkan dan kesusahan yang dialami oleh orang yang disyaki yang mungkin tidak bersalah perlu diringankan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Lembaga Penasihat adalah satu lagi tajuk yang menarik minat ramai semasa Jawatankuasa berhadapan dengan orang ramai. Ramai di kalangan mereka yang menyentuh tajuk ini berpendapat bahawa peranan Lembaga Penasihat semasa mendengar representasi-representasi atau mengkaji semula kes-kes di bawah Rang Undang-undang itu, sepatutnya tidak hanya bercorak penasihat sahaja seperti yang terdapat di bawah Ordinan Darurat dan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Selepas mengambil kira pendapat-pendapat orang ramai dan dengan teliti menimbangkan keperluan memerangi ancaman dadah bagi kepentingan keselamatan dan kesejahteraan negara di satu pihak dan keperluan melindungi kebebasan asasi individu di satu pihak yang lain, Jawatankuasa mencadangkan beberapa pindaan seperti berikut kepada Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1984:

- (1) Rang Undang-undang itu selepas menjadi undang-undang, akan berkuatkuasa bagi satu tempoh selama 5 tahun, melainkan dilanjutkan melalui

satu resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen.

Ini adalah satu mekanisma sedia ada, dengan izin, in-built mechanism, untuk mendedahkan Rang Undang-undang tersebut kepada penelitian orang ramai secara berterusan semasa tempoh 5 tahun itu. Ini akan memberi peluang kepada rakyat dan wakil-wakil mereka menyemak keberkesanan Rang Undang-undang itu dalam masa 5 tahun. Rang Undang-undang itu tidak akan dilanjutkan tempohnya jika didapati telah digunakan sebagai senjata untuk disalahgunakan dengan sewenang-wenangnya, akibat dari bantahan orang ramai yang disuarakan melalui wakil-wakil mereka di Parlimen. Had masa 5 tahun ini akan menanam rasa pri mustahaknya disegerakan di kalangan semua yang berkenaan terutamanya Agensi-agensi Penguatkuasaan dalam usaha mereka menentang ancaman dadah. Ia juga sentiasa menjadi peringatan kepada pihak-pihak berkuasa tentang penguatkuasaan yang perlunya cekap dan berkesan dan lebih penting lagi adil dan saksama oleh kerana prestasi mereka akan diukur apabila tamat tempoh 5 tahun itu. Pada pandangan Jawatankuasa ini adalah selari dengan galakan pemimpin-pemimpin negara dengan pendekatan yang lebih liberal dan terbuka mengenai isu dan masalah penting negara.

- (2) Sementara mana-mana pegawai polis, tidak kira pangkat, boleh membuat tangkapan tanpa waran ke atas seorang yang disyaki kebenaran dari pegawai-pegawai berpangkat lebih tinggi adalah diperlukan bagi tahanan lanjutan seperti berikut:

- (a) seorang pegawai yang berpangkat Inspektor atau lebih tinggi bagi tahanan melebihi 24 jam;

- (b) seorang pegawai yang berpangkat Penolong Penguasa Polis atau lebih tinggi bagi tahanan melebihi 48 jam;
- (c) seorang pegawai yang berpangkat Timbalan Penguasa Polis atau lebih tinggi bagi tahanan yang melebihi 14 hari.
- (3) Peruntukan bagi seorang "Pegawai Siasatan" diwujudkan ke dalam Rang Undang-undang ini. Fungsi Pegawai Siasatan itu ialah mengkaji dan meneliti penyiasatan polis dengan saksi-saksi dan lain-lain serta mengemukakan laporannya secara berasingan yang perlu ditimbang oleh Menteri bersama-sama dengan laporan siasatan polis sebelum Menteri membuat keputusan. Pegawai Siasatan tersebut hendaklah dilantik oleh Menteri secara bertulis dengan syarat bahawa seorang pegawai polis atau seorang yang tidak mempunyai kelayakan undang-undang tidak boleh dilantik sebagai seorang Pegawai Siasatan.
- (4) Tempoh tahanan untuk menjalankan siasatan dikekalkan selama 60 hari, tetapi dicadangkan bahawa peruntukan dalaman selama 60 hari itu dibuat oleh Menteri melalui kuasa membuat peraturan-peraturan mengikut peruntukan di bawah Fasal 20 (2).
- (5) Sesuai dengan Perkara 151 (1) Perlembagaan Persekutuan, Lembaga Penasihat akan menimbang representasi-representasi yang dibuat oleh seorang yang ditahan di bawah Rang Undang-undang itu dan membuat syor-syor selepas itu kepada Yang di-Pertuan Agong di dalam tempoh masa 3 bulan selepas menerima representasi-representasi itu dan bukan di dalam tempoh masa 3 bulan dari tarikh tahanan seperti asalnya diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang itu.
- (6) Memandangkan beban kerja Lembaga Penasihat yang dikehendaki mendengar representasi-representasi dan menjalankan kajian-kajian semula dan memandangkan pindaan yang memperuntukkan bahawa syor-syor Lembaga Penasihat akan mengikat kepada Menteri, maka tempoh masa kajian semula selama 6 bulan itu dipinda. Kajian semula akan dibuat tidak awal dari 12 bulan dari tarikh perintah tahanan atau sekatan, tetapi tidak lewat dari 3 bulan sebelum tarikh berakhirnya perintah tahanan atau sekatan itu. Ini bermakna bahawa sesuatu kes akan dikaji semula oleh Lembaga Penasihat sekurang-kurangnya sekali sebelum berakhirnya perintah itu. Walau bagaimanapun, Menteri boleh pada bila-bila masa sahaja memerintahkan Lembaga Penasihat mengkaji semula sesuatu kes sekiranya didapati perlu.
- (7) Sebagai salah satu daripada perlindungan utama untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa, Jawatankuasa mencadangkan apabila Lembaga Penasihat mengkaji semula sesuatu kes dan membuat syor supaya perintah tahanan atau sekatan itu ditamatkan, maka syor tersebut hendaklah terikat ke atas Menteri. Sebaliknya, jika Lembaga Pcnasihat telah melaporkan bahawa pada pendapatnya tahanan atau sekatan itu patut diteruskan atau dilanjutkan, Menteri boleh

meneruskan atau melanjutkan tahanan atau sekatan orang yang berkenaan. Dengan lain perkataan, Menteri mempunyai budibicara untuk hanya menamatkan perintah tahanan atau sekatan sungguhpun disyorkan oleh Lembaga Penasihat supaya perintah tahanan atau sekatan diteruskan atau dilanjutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa sedar bahawa ancaman dadah tidak boleh diselesaikan secara perundangan sahaja. Bahawa usaha-usaha ke arah pemulihan dan pengajaran adalah sama penting lebih-lebih lagi dalam usaha membanteras penyalahgunaan dadah dalam jangka panjang. Seperti mana juga yang kita sedia maklum, mana-mana sistem perlindungan tidak menjamin 100% bahawa kesilapan manusia tidak akan berlaku. Apa yang boleh kita harapkan di sini ialah mengurangkan kesilapan manusia seperti itu. Dari segi itu Jawatankuasa berpendapat bahawa tiap-tiap seorang itu mempunyai peranan masing-masing seperti Agensi-agensi Penguatkuasaan dan juga orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 adalah dilampirkan bersama-sama laporan bertanda sebagai "Lampiran A" dan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 sebagaimana yang telah dipinda adalah dilampirkan bersama-sama laporan bertanda "Lampiran A1". Ada juga beberapa pindaan berbangkit untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang itu sesuai dengan semangat dan isi pindaan-pindaan yang tersebut di atas.

Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan-pindaan yang dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang itu akan menjadi perlindungan yang mencukupi

sebagai menghalang terhadap penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang berkuasa. Oleh kerana pindaan-pindaan ini mencerminkan kehendak orang ramai, Jawatankuasa ini berasa bahawa ia telah dapat mencapai keseimbangan yang sederhana di antara keperluan memerangi ancaman dadah di atas kepentingan keselamatan negara dan perimustahaknya kebebasan asasi untuk individu dan kedaulatan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa berpendapat bahawa penyertaan aktif oleh orang ramai dalam satu Rang Undang-undang yang amat penting ini sebelum ianya dibentangkan ke dalam dua-dua Dewan Parlimen mencerminkan kematangan dan kepercayaan mereka di dalam sistem demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan bersama-sama laporan Jawatankuasa Pilihan Khas telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada 11hb April, 1985 dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Persilakan Yang Berhormat Dato Kamaruzaman.

6.09 ptg.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kerana ingin turut sama mengambil

bahagian di dalam perbahasan menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 memandangkan betapa seriusnya penyakit yang merbahaya yang melanda negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat mana yang dapat kita ikuti, merbahayanya penyakit dadah ini bermula dari awal tahun 70an. Sebelum itu penyakit ini tidak begitu serius. Tetapi bermula tahun 70an merebak bagaikan api yang ditiup angin lajunya.

Tuan Yang di-Pertua, dadah yang sedang mengancam negara dan pucuk pemimpin kita telah mengisytiharkannya sebagai musuh utama negara, bermakna ini adalah serius.

Dalam hal ini saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat yang sepatutnya bertanggungjawab dalam mengendalikan perkara-perkara ini sejak dari awal-awal dahulu dianggap tidak mengambil endah atau memandang wabak dadah ini sebagai tidak berat. Kalau tidak salah mass media tempatan kita telah berulang kali membangkitkan betapa seriusnya anak-anak muda kita turut terlibat di dalam wabak dadah ini. Tetapi nampaknya Kementerian yang berkenaan pada ketika itu tidak langsung mengambil berat dalam perkara ini dan menganggap perkara itu sebagai mainan dan boleh diatasi dengan sewenang-wenangnya. Sikap dan sifat sebeginilah yang berakhir dengan wabak ini tidak dapat dikawal pada hari ini. Kalau tidak salah angka yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri di Dewan Rakyat tidak lama dahulu kalau saya tidak silap berjumlah hampir 96,000 orang belia dan beliawanis termasuk orang dewasa yang menjadi penagih dadah.

Kalaulah benar angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, ini bermakna

bilangan penagih dadah pada hari ini bererti sudah hampir sejuta rakyat Malaysia yang terjerumus kepada dadah. Kalau kita tidak berhati-hati manusia ini bolehlah kita anggapkan sebagai "bangkai bernyawa" yang bukan sahaja membebankan diri, mereka sendiri, kepada keluarga-keluarga mereka, bukan sahaja membebankan diri mereka kepada penjaga-penjaganya, bukan sahaja membebankan kepada anak isterinya ianya menyusahkan Kerajaan dari segi jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, kerana tiap-tiap penagih ini yang sudah terlibat secara langsung akan menjadi penagih enam bulan dan lebih mereka memerlukan bahan-bahan itu boleh dikatakan tiap-tiap hari dan perbelanjaan kepada yang sudah melebihi meningkat daripada \$60 sehari kepada \$120 sehari. Dengan yang demikian kalau wang tidak ada sedangkan bahan-bahan itu amat diperlukan mereka sanggup membuat apa sahaja untuk keperluan itu bukan sahaja untuk memecah rumah, mencuri dan menyamun, kalau perlu mereka sanggup membunuh manusia asalkan hajat dan maksud mereka tercapai. Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara ini tidak dapat diawasi saya berpendapat perkara ini sangat-sangat merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya bantah di Dewan yang mulia ini berhubung dengan Pusat Pemulihan yang ditubuhkan untuk memulih penagih-penagih dadah yang berada di beberapa tempat di dalam negara kita ini maka sudah sewajarnya jikalau boleh ditukarkan kepada nama yang lebih sesuai dengan nama Pusat Pemulihan kepada satu nama yang lebih sesuai dan lebih menarik, kerana saya rasa dan mungkin ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini bersetuju dengan saya perkataan Pusat

Pemulihan menggambarkan penagih-penagih dadah yang ditempatkan di pusat itu seolah-olah orang yang tidak siuman ataupun orang yang sudah cacat anggota. Biarlah hendaknya nama itu ditukar kepada satu nama yang difikirkan sesuai misalnya Institusi Pemulihan Manusia atau seumpamanya yang lebih menarik dan bermakna sesuai dengan pemulihan penagih-penagih dadah itu sendiri.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih baik kita dianggap kejam daripada lebih ramai anak-anak muda kita di bunuh melalui dadah secara senyap-senyap yang mana saya rasa lebih kejam dan satu perkara yang patut kita ingat bahawa perbuatan ini semuanya adalah datangnya dari inisiatif komunis. Ini semua orang tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, komunis sebagaimana yang telah kita sedia maklum telah gagal untuk mempengaruhi rakyat di negara ini untuk menyertai mereka. Komunis juga telah mengancam cara dan bermacam-macam cara usaha supaya rakyat di negara ini menyertainya agar mereka berjaya menumbangkan Kerajaan tetapi tidak juga berjaya. Begitu juga perkara-perkara yang telah dibuat oleh anasir-anasir ini bermacam-macam helah termasuklah menyerap dan diserapkan kepada berbagai-bagai badan, digunakan agama untuk mempengaruhi orang-orang yang beragama Islam juga gagal.

Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak berputus asa memujuk rakyat luar bandar yang miskin supaya memberontak dan mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan dengan berbagai-bagai isu, menggunakan pertubuhan-pertubuhan peladang, kebajikan, parti-parti politik untuk membangkitkan rasa tidak puas hati rakyat terhadap Kerajaan yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ragu-ragu lagi, malahan saya menggesa supaya semua pihak kalau boleh semua Kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun serta ibu bapa dan parti-parti politik hendaklah mengambil berat di atas bahayanya ancaman dadah di hari ini. Dan tidak seharusnya membiarkan perkara ini ataupun menyerahkan bulat-bulat kepada pihak Kerajaan semata-mata kerana terancamnya wabak dadah ini bererti seluruh rakyat akan turut sama di dalam bahaya yang berbagai-bagai akan timbul antaranya termasuklah jenayah dan sebagainya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat bercakap panjang oleh kerana ramai rakan-rakan saya hendak memberi hujah ataupun pendapatnya di Dewan yang mulia ini, saya di sini menyokong dengan sepenuh-penuhnya supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor.

6.18ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama menyokong Rang Undang-undang yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sekejap tadi berkenaan dengan masalah Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak-banyak terima kasih dan bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang telah pun memberi taufik dan hidayat kepada Kerajaan kita dan kepada pemimpin-pemimpin kita yang mana pemimpin-pemimpin kita yang ada di dalam Kerajaan sekarang sama ada yang beragama Islam atau yang tidak beragama Islam sangat-sangat mengambil berat di dalam masalah

rakyat jelata pada keseluruhannya. Dengan ertinya pemimpin Kerajaan kita yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad sekarang benar-benar sebuah. Kerajaan dan pemimpin yang mahu kalaulah boleh semua rakyat jelatanya menjadi manusia yang berguna kepada agama, bangsa dan negara, cita-citanya supaya dijadikan negara Malaysia ini sebuah negara yang makmur, yang aman, yang bahagia. Oleh itu segala Rang Undang-undang yang telah pun dibentang di dalam Dewan yang mulia ini, sama ada Rang Undang-undang yang sedang kita bahas ataupun Rang Undang-undang yang telah pun kita putus semuanya adalah satu matlamat iaitu hendak menyelamatkan rakyat jelata supaya semua rakyat jelata itu mendapat kesenangan, kemakmuran di alam dunia ini dan mendapat bahagia di dalam alam akhirat, insya Allah.

Dalam masalah dadah yang sedang kita bahas sekarang adalah satu perkara yang semua manusia mengetahui ialah satu perkara yang amat bahaya, menasabah Perdana Menteri kita sifatkan dadah sebagai musuh utama kepada negara. Ini amat munasabah sebab bukan setakat si penagih sahaja yang susah bahkan seluruh masyarakat, seluruh manusia sama menerima, kata Tuhan, yang ditimpa oleh anak-anak kita yang telah pun tidak bernasib baik.

Tuan Yang di-Pertua, mari sama-sama kita kaji kenapa demikian, kenapa sampai angka hampir 1 juta, yang lebih anih kepada peratus orang Islam lebih tinggi atau muda-mudi Islam, bangsa Melayu lebih tinggi angkanya di dalam bahaya wabak dadah ini, mengapa? Ini pada pendapat saya patut sama-sama kita berfikir dan sama-sama pihak pemimpin dan Kerajaan memikir. Mengikut pendapat saya barangkali ada sedikit kesilapan kita iaitu kita tidak menyemai unsur-unsur agama ataupun

ilmu pengetahuan agama kepada anak-anak kita, kalau kita nisbah dengan matapelajaran-matapelajaran yang lain, sebab mengikut apa yang kita ketahui matapelajaran agama di dalam sekqlah diberi masa yang lebih pendek daripada matapelajaran-matapelajaran yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti sedar kita ini manusia. Manusia di dalamnya ada dua unsur, unsur haiwaniah dan unsur malaikiah. Kita mesti ingat kejadian manusia ada dua unsur, unsur yang dibangsa kepada kebinatangan dan unsur yang dibangsa kepada malaikiah. Kalaulah manusia itu tidak diberi ilmu pengetahuan agama; ini tidak kira apa agama, lebih-lebih lagi pula kalau tidak diberi pengetahuan agama Islam dengan penuh sekadar Fardhu Ain, sebab itu mengikut di dalam kaedah hukum Islam kita fardhu yang dituntut ke atas muslim dan muslimah ada dua, satunya dipanggil Islam Fardhu Ain, ertinya benda yang tidak dapat tidak ke atas individu muslim, mesti mengetahui. Kalau tidak muslim itu akan rosak tidak akan selamat di dunia dan akhirat. Ini maknanya Fardhu Ain, ertinya fardhu yang tiap-tiap seorang mesti mengetahui.

Yang kedua dipanggil Fardhu Kifayah. Ini tak apalah asalkan satu golongan manusia yang sudah mencapai ilmu ini, golongan yang lain tidaklah berdosa dan tidak salah tidak ada pengetahuan, sebab ini tidak ada saksi. Jadi, kalaulah manusia tidak cukup sekadar Fardhu Ain, manusia itu tetap unsur haiwaniah dapat mengatasi unsur malaikiah. Perangai, tabiat kebinatangan mesti mengatasi tabiat malakiah, tabiat yang patuh kepada ketua, kepada Tuhan dan kepada segala-galanya. Jadi, pada pendapat saya, sama ada dalam masalah dadah atau masalah lain saya berasa pendapat saya kalau pemimpin kita mahu menjadikan Malaysia ini sebuah negara yang benar-benar

makmur mesti kita mengutamakan, mesti kita memperwajibkan ke atas tiap-tiap individu penduduk Malaysia yang beragama Islam, mesti sekurang-kurangnya lulus Fardhu Ain, kita mesti memberi taraf peperiksaan. Kalau tidak, tidak akan bererti diberi lanjutan pelajaran ilmu yang lain. Kalau inilah dapat kita melaksanakan, pada pendapat saya barangkali kewangan yang kita menghabiskan dengan sebab kita menggunakan guru dan sebagainya untuk mengisi anak-anak kita dengan ilmu pengetahuan agama atau Fardhu Ain ini barangkali lebih kecil daripada perbelanjaan yang sudah kita belanjakan untuk membuat tempat tahanan dadah yang beratus ribu yang telah pun kita habiskan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, kepada anak-anak kita yang telah pun terjerumus, marilah sama-sama kita berdoa supaya anak-anak kita akan kembali menjadi manusia yang berguna, kepada anak-anak kita, adik-adik kita yang telah pun terjerumus bagaimana cara supaya dapat mereka ini faham betul-betul. Mengikut pendapat saya tidak ada yang lain, kita mesti kena memberi, kita kena hantar guru yang cukup. Umpamanya, satu kelas 40 orang, seorang guru agama mesti ajar betul-betul Fardhu Ain, sambil kita memberi tatihan agama. Pada tiap-tiap waktu, kita beri tarikat kepada dia, tahlil, tasbeh, guru ini akan melatih dia; dalam masa dua atau tiga tahun, insya Allah, mereka ini tidak akan kembali lagi kepada dadah, bahkan perkara lain mereka tidak akan lakukan lagi. Sebab itu Tuhan janji dan jaminan Tuhan dalam Quran yang bermaksud: Orang-orang yang bermujahadah, yang sanggup memerangi dirinya pada jalan kami; Sesungguhnya Kami akan hidayat memberi petunjuk akan mereka itu kepada jalan Kami.

Kita mesti jangan sekadar pergi bersyarah. Pergi bersyarah ambil ini tidak jadi, tidak berkesan. 40 orang

dengan seorang guru, kita beri dia ajar praktik; sembahyang dia pandai, ajar tasbih, ajar tahlil, biar dia baca Quran, biar dia salawat. Insya Allah, angka yang ada akan kurang. Barangkali perbelanjaan saya rasa tidak banyak sebagaimana saya tengok dalam gambar itu, saya kata in tidak pun memberi kesan. Sebab ini masalah rohani, masalah mereka sudah rosak, sudah tertukar daripada malakiah kepada haiwaniah, sebab itu mereka sanggup menghabiskan harta, sanggup mengkhianat dan memukul ibu bapa. Kalau mereka siuman tentu mereka sedar ini bapa, ini emak, ini adik-beradik, tetapi sekarang sudah tertukar.

Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, mengikut pendapat saya kesimpulan saya mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan, kalau boleh marilah sama-sama kita menghabiskan wang ringgit negara ini kepada perkara yang paling berguna, yang lain pun berguna juga, tetapi kepada perkara yang paling berguna kita mesti menumpu memberi pengetahuan agama kepada orang Islam memberi agama Islam, kepada orang Hindu memberi fahaman agama Hindu, kepada Budha memberi agama Budha. Insya Allah, kalau semuanya beragama, gejala buruk yang sedang melanda negara kita dan rakyat kita, insya Allah akan dapat kita hapuskan.

Saya rasa itulah sahaja pendapat saya dan saya dengan ikhlas suka hatinya menyokong Rang Undang-undang ini.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Sila Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil.

6.33 *ptg.*

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri kali ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya

(Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1974 dan kali ini saya benar-benar berdiri menyokong hampir-hampir 100% Rang Undang-undang ini yang mana pada hemat saya Kerajaan tak perlu bersikap tolak ansur langsung dalam kita mengatur strategi bagi memerangi dan menghapuskan masalah pengedaran dan penagihan dadah ini. Walaupun terdapat berbagai-bagai cerita, berbagai tohmahan yang buruk terhadap pimpinan dan sistem pentadbiran negara kita dan sikap pemimpin-pemimpin kita tentang membawa satu Rang Undang-undang yang diagak begitu "controversial" oleh setengah-setengah pihak, tetapi pada hemat saya kita seharusnya dan sepatutnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan yang begitu berani, tegas dan bersungguh-sungguh dalam mengatur strategi-strategi bagi kita menghadapi masalah pengedaran dan penagihan dadah ini.

Sememangnya dalam dunia ini kita tidak dapat lari daripada wujudnya setengah-setengah golongan orang, baik di dalam mahupun di luar negara yang agak merasa dengki, curiga ataupun merasa was-was dari segi kemampuan, kewibawaan pucuk pimpinan kita dalam menentukan sesuatu Rang Undang-undang bagi menjamin kesejahteraan dan kebaikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tak perlu melihat contoh setengah negara-negara lain yang boleh dikatakan yang mana mereka anggap mereka lebih adil, lebih saksama, lebih liberal, tetapi kita perlu lihat keadaan negara kita dengan cara kita ala-Malaysia sendiri. Saya begitu bersyukur terhadap Allah s.w.t. kerana pemimpin kita dalam masalah dadah ini menunjukkan satu daya usaha, satu pemikiran, satu contoh yang tidak ada tolok bandingnya di antara negara-negara di seluruh dunia dengan menentukan satu sikap yang begitu tegas sekali.

Contohnya, dalam kita meminda Akta Dadah Berbahaya dengan menghukum gantung kepada pengedar dadah yang telah pun dapat ditangkap dengan mempunyai dadah heroin minimanya yang telah ditentukan dan sekarang ini pula kita menggubalkan satu Rang Undang-undang yang mana kita boleh menahan sesiapa sahaja yang dapati disyakki ada kaitannya dengan pengedaran dadah, seperti yang telah pun tercatat dalam Rang Undang-undang yang dibentang sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga kita telah pun mendengar banyak tohmahan, banyak kritik tentang Kerajaan meluluskan undang-undang seperti ISA (Internal Security Act), juga Akta Universiti, banyak kita dengar rintihan-rintihan dan pembangkang-pembangkang menghentam Kerajaan. Tetapi kita boleh lihat sekarang ini dengan adanya undang-undang dibuat seperti itu betapa aman, betapa baik, betapa sejahtera negara kita sekarang ini walaupun kita boleh lihat di setengah-setengah negara yang berdekatan berbagai-bagai angkara, berbagai-bagai masalah, berbagai-bagai ribut berlaku dengan sistem yang mana-tak sebatk yang dibuat oleh pihak kita. Maka janganlah pihak Kerajaan merasa terkilan atau kecil hati ataupun tersinggung dengan tohmahan-tohmahan atau kritik-kritik orang-orang luar terutamanya, mahupun orang dalam negara kita sendiri tentang usaha Kerajaan untuk kita memerangi dadah ini dengan secara total dan secara bersungguh-sungguh. Kerajaan seharusnya terus lagi berusaha untuk menggubal undang-undang yang lain pula bagi memastikan segala "loophole" ataupun segala kelonggaran itu dapat diperketatkan, dapat ditutupi agar benar-benar, imya Allah masalah penagihan dan pengedaran dadah ini dapat dibanteras dan dihapuskan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi kacamata manusia ini memang berbeza sekali, mungkin setengah pihak luar menganggap kita bersikap kurang adil, tidak mengamalkan sikap ingin menghormati hak asasi sesama manusia. Mereka mengatakan kita cakap sahaja demokratik, tetapi dengan perubahan undang-undang ini kita boleh menahan sesiapa sahaja tanpa waran dan sebagainya. Tetapi kita perlu ingat bahawasanya undang-undang itu ataupun sistem demokrasi itu sendiri pun diwujudkan, diadakan oleh manusia sendiri, bukannya oleh Allah s.w.t. Maknanya undang-undang itu hanya bagus, hanya baik dalam masa keadaan suasana yang tertentu, ianya tidak "absolute", tetapi "relative" mengikut keadaan semasa.

Maka pada hemat saya keadaan yang ada di negara kita ini suasananya daripada segi jumlah penduduknya dan kaum-kaum yang menjadi anggota negaranya juga penting diambil kira, penting diambil berat yang mana saya nampak dan saya lihat undang-undang kita bagi mengetatkan segala apa sahaja lubang ataupun "loophole" supaya masalah ini dapat kita banteras dengan sebaik-baiknya, seharusnya dan sepatutnya mendapat sokongan yang bulat oleh semua kita yang benci, jijik dan ketik dengan permasalahan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah juga kepada pihak Kerajaan yang telah begitu berpandangan jauh dan juga benar-benar bersikap demokratik dengan mengadakan suatu jawatankuasa khas yang digelar Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ini yang mana telah pun dapat menjelajah ke seluruh negara mendapatkan pendapat-pendapat, teguran-teguran mahupun kritik daripada semua pihak sebelum Rang Undang-undang ini dibawa ke Parlimen. Maka sikap yang sebegitu bebas, sebegitu terbuka dan sebegitu

demokratik seharusnya mendapat kepujian daripada pihak Pembangkang dan pemerhati-pemerhati luar negara ataupun luar negeri oleh kerana Kerajaan membuat pindaan ini selepas mendapat maklumat dan feedback, dengan izin, daripada rakyat jelata dan pada hemat saya tak perlu lagi kita mencurigai ataupun merasa syakwasangka di atas hajat dan hasrat Rang Undang-undang ini dipinda sebegitu rupa.

Bukan setakat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, malah Yang Berhormat Timbalan Menteri pun telah berkata tadi Rang Undang-undang ini hanya akan berkuatkuasa sehingga 5 tahun dan akan dikaji semula, akan direview, akan dibawa balik ke Parlimen untuk pula dilihat sama ada ia harus dan patut diteruskan ataupun dipinda ataupun dihapuskan buat sama sekali. Pada hemat saya ini juga mencerminkan betapa demokratiknya sikap dan cara pemimpin kita dalam perkara untuk memperjuangkan dan menghapuskan masalah pengedaran dan penagihan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga begitu syukur kerana telah mendengar hujah yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang tahanan-tahanan yang akan dibuat melalui Rang Undang-undang ini ada sekatan-sekatannya. Tidaklah seperti yang dituduh oleh setengah-setengah pihak yang mana mengatakan bahawasanya mana-mana pegawai polis boleh menahan, menangkap sebegitu mudah, sebegitu senang dan sewenang-wenang tanpa apa-apa perkiraan di mana ini boleh menjejaskan hak asasi seseorang manusia itu. Dengan adanya peringkat-peringkat dan jumlah jam dan hari yang menyekat dengan keadaan taraf pegawai-pegawai polis yang berkenaan itu telah pun mencerminkan sememangnya ada keadilan, ada kesamaan dan yang terpentingnya ialah tentang

penangkapan ataupun penahanan yang pertama sahaja. Kita harap agar pihak berkuasa terutamanya pihak polis ini tentukanlah orang-orang yang ditahan itu ada dengan jelas ataupun ada syak yang kuat yang mengatakan mereka itu ada kaitannya dengan kegiatan ataupun aktiviti pendedaran dadah.

Tidak ingin juga dalam Kerajaan sebegitu baik, sebegitu demokratik menggubal Rang Undang-undang baru ini ada pula anggota-anggotanya daripada pihak-pihak polis yang mungkin kurang faham ataupun terlampau ghairah sangat untuk menjalankan tindakan ataupun menggunakan kuasa menangkap orang dengan sewenang-wenangnya tanpa usul periksa yang mana ini pula akan menjejaskan imej Kerajaan kita sendiri. Kita harap dan kita berdoa agar selepas sahaja Rang Undang-undang ini diwartakan dan dilaksanakan semua peringkat dan semua pihak akan dapat memainkan peranannya bagi kita menghapuskan dan memperjuangkan segala masalah dan segala keadaan buruk yang sedia ada ini berkenaan dengan pendedaran dan penagihan dadah.

Maka dengan penuh perasaan bangga dan sukacitanya juga dengan penuh kesyukuran, saya sekali lagi menyokong penuh Rang Undang-undang ini yang berniat baik, yang berniat murni, tinggal lagi tentang pelaksanaannya pula kita harap juga akan saksama, akan adil dan berkesan selain daripada mempertingkatkan lagi imej dan prestasi Kerajaan kita ianya juga akan dapat membanteras masalah pendedaran dan penagihan dadah. Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Sila Yang Berhormat.

6.45 ptg.

Puan Nen Abidah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana

dapat bangun bersama-sama di Dewan ini bagi bersama-sama menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta iaitu Rang Undang-undang Dadah Berbahaya dan Langkah-langkah Pencegahan. Saya sebagai seorang ibu juga merasa bertanggung-jawab bahawa perkara ini patut disokong dan juga patut memberikan sedikit pandangan terhadap perkara-perkara yang kita hadapi.

Saya dengan penuh rasa tanggung-jawab mengalu-alukan akan langkah yang dibuat oleh Kerajaan yang bukan hanya pada masa ini sahaja tetapi sepatutnya sudah lama perkara-perkara ini dikuatkuasakan bagi menghadapi pencegahan yang dipandang berat ini.

Sungguhpun usaha yang serupa ini dipertingkatkan dari semasa ke semasa, namun bilangannya bertambah banyak, bukan semakin kurang. Ancaman dadah amat merbahaya, sudah dikatakan menjadi sebagai musuh utama negara kita mahupun di negara-negara luar.

Perkara yang seperti demikian bukanlah timbul di masa-masa kebelakangan ini sahaja bahkan dalam ayat suci Al-Quran juga kita dengar satu ayat yang berbunyi: *Innamalkhamru wal-maisir walansab wal-azlam rijsum mimamalis-syaiton fajtanibuhu.* Dalam satu ayat yang lain juga berbunyi: *Latakrabu-solahu-antum-sukara.*

Saya amat menyetujui bahawa dadah bukanlah masalah perseorangan tetapi menjadi satu masalah yang amat berat, ertinya yang menjadi satu masalah pada keseluruhannya. Bahkan kita pernah mendengar iaitu slogan dadah yang dikatakan: hari ini anak dia dan besok anak kita. Mintalah kita dijauhkanlah oleh Allah.

Sikap masyarakat yang sentiasa mengutuk perbuatan yang seperti ini tetapi kita juga hairan kepada sikap masyarakat yang hanya pandai

mengutuk tetapi tidak tahu mengambil berat dan tidak mengambil peranan yang penting bagi menyebarkan kepada orang ramai apakah akan jadi sekiranya anak-anak sendiri sudah diresapi oleh gejala ini.

Yang pertama sekali yang patut kita kesalkan ialah pertubuhan yang berlandaskan agama Islam seperti PAS patut sekali mengorak langkah di samping memberikan ceramah-ceramah mestilah menyentuh berhubung dengan dadah.

Tidaklah bijak sekiranya sebagai hamba Allah melepaskan diri dari tanggungjawab ini dan hanya menyerahkan bulat-bulat kepada Kerajaan atau kepada satu badan yang memandang berat atas hal ini.

Begitu juga kita tekankan kepada badan-badan yang lain yang lebih baik lagi ialah seperti kumpulan badan-badan sukarela yang mesti meningkatkan iaitu khidmat mereka terhadap bangsa dan negara. Ini termasuklah belia, RELA, Rukun Tetangga, KEMAS yang mana mereka menjadi mata dan telinga Kerajaan. Punca yang sebenar telah diketahui umum tetapi punca yang lain juga amat diragui seperti minuman arak yang memabukkan, menghisap rokok dan sebagainya.

Saya berharap supaya Kerajaan juga dapat memandang berat kepada perkara yang amat menyedihkan seperti minuman-minuman arak masih ada lagi menjadi satu jamuan yang besar. Saya berharap bahawa Kerajaan akan menghapuskan jamuan-jamuan ini, walaupun apa juga corak majlis yang diadakan. Kadang-kadang menjadi modal pula puak pelampau atau parti lawan sentiasa mencari keburukan Kerajaan. Apa salahnya majlis-majlis yang besar iaitu diubahsuai, ertinya dijamu dengan minuman-minuman yang tidak memabukkan. Jualan-jualan minuman yang mabuk

juga hendaklah diharamkan, iklan-iklan masih lagi ada seperti di dalam panggung wayang, iklan-iklan juga patut dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada di antara penagih-penagih yang sudah tidak dapat mencari dadah menggunakan arak sebagai ganti dadah. Oleh itu, saya berharap supaya kita sama-sama memandang berat di atas hal ini.

Kita juga sedar bahawa sebilangan besar penduduk negara kita adalah terdiri dari golongan muda atau belia dan pada merekalah yang senang terlibat dan melibatkan diri dengan gejala-gejala buruk ini. Negara sangat mengharapkan kepada belia-belia kita sebagai waris untuk membangunkan negara pada masa hadapan segala usaha patut dipertingkatkan dan hendaklah diikhtiarkan bagi membanteras perkara yang sangat ditakuti dan dikutuk seperti iaitu penyalahgunaan dadah.

Kita tidak akan dapat mencapai kejayaan ke arah pencegahan ini sekiranya perasaan perseorangan, iaitu dia, dia dan aku, aku ataupun ada mata kita pandang dan ada telinga kita dengar. Jika cara yang seperti demikian terus berlaku maka sudah tentu segala usaha untuk mencegah perkara tersebut ini tidak akan dicapai. Masalah ini adalah masalah bersama.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala tinggi hati menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 ini diterima dan diluluskan.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Kalau tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab, dipersilakan.

6.52 ptg.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Walaupun terdapat banyak daripada Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang masalah penagihan, tidak menyentuh masalah pengedaran, saya ingin menyatakan di sini bahawa segala teguran dan cadangan berkenaan dengan penagihan itu dicatatkan untuk perhatian dan tindakan Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 menggubal khas khusus untuk menghadapi masalah pengedaran di dalam negara kita. Walaupun sepertimana yang kita semua sedia maklum semenjak tahun 1952 lagi kita telah mempunyai satu Akta yang dinamakan Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk memerangi wabak dadah ini dari segi pengedarannya dan Akta tersebut telah dipinda dari semasa ke semasa, tetapi pada pendapat Kerajaan bahawa Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak mencukupi untuk memerangi wabak dadah dari segi pengedarannya kerana mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 seorang itu boleh didakwa di mahkamah jikalau ianya didapati memiliki dadah berbahaya yang hadnya lebih daripada 15 gm berjenis heroin ataupun morphine.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Akta tersebut iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952 di antara tahun 1975 sehinggalah kepada tahun 1982 sebanyak 907 orang telah ditangkap dan didakwa di bawah Seksyen 39B yang membawa hukuman mati mandatory kepada mereka.

Pada tahun 1983 sahaja sebanyak 363 orang ditangkap di bawah seksyen yang sama dan di dalam tahun 1984 sebanyak 462 orang ditangkap dan bagi tiga bulan tahun ini sebanyak 116 orang juga ditangkap dan akan didakwa di bawah Seksyen 39B. Ini menunjukkan kepada kita bahawa walaupun adanya Seksyen 39B yang mengenakan hukuman mati mandatory dan mereka yang memiliki dadah lebih daripada 15 gm Kerajaan tidak boleh mengatasi masalah ini dengan hanya terdapat undang-undang yang saya terangkan tadi kerana bilangan mereka yang ditangkap kian meningkat dan jumlah rampasan dadah yang dirampas kian meningkat juga.

Dalam tahun 1983 sejumlah 110.73 kg candu mentah dirampas sementara pada tahun 1984 rampasan terhadap candu mentah telah meningkat lebih 8 kali ganda kepada angka 870.93 kg. Bagi ganja pula rampasan dalam tahun 1983 adalah sebanyak 386.37 kg, sementara dalam tahun 1984 sejumlah 1,766.42 kg telah dirampas. Bagi dadah heroin pula sejumlah 200.08 gm telah dirampas dalam tahun 1983 manakala pada tahun 1984 jumlah ini meningkat kepada 242.94 kg.

Ini menunjukkan bahawa dadah berbahaya jenis-jenis yang saya sebutkan tadi iaitu candu mentah, ganja dan juga heroin kian meningkat, barang-barang yang dibawa masuk ke negara kita. Ini menunjukkan betapa jelasnya bahawa mereka yang berusaha agar barang-barang ini dibawa masuk juga ke negara kita ini masih bermaharajalela dan angka-angka yang saya sebutkan tadi terhadap mereka yang telah ditahan semenjak tahun 1975 di bawah Seksyen 39e menunjukkan kepada kita bahawa mereka ini bukan ketua-ketua sindik t ataupun pengedar-pengedar besar antarabangsa yang berusaha memasukkan dadah-dadah berbahaya ke negara kita, dengan izin, mereka

merupakan "baruah" kepada
 pengedar-pengedar dadah
 antarabangsa ini.

Mengikut undang-undang yang sedia ada merekahlah yang akan dihadapkan ke mahkamah dan jika didapati salah mesti dihukum gantung walhal pengedar-pengedar atau ketua-ketua sindiket yang berusaha memasukkan dadah akan bukan sahaja terlepas tetapi mungkin hidup dengan lebih sempurna daripada kita semua yang berada di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itulah Kerajaan berpendapat bahawa satu undang-undang khas perlu diwujudkan untuk memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan arahan menangkap sesiapa yang disyaki terlibat di dalam pengedaran dadah tanpa dibicarakan. Walaupun Kerajaan dalam membuat undang-undang ini menyedari bahawa kita masih ada dua undang-undang tahanan tanpa perbicaraan yang wujud di negara kita ini iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan juga Ordinan Darurat 1969.

Akta Keselamatan Dalam Negeri diwujudkan khususnya 25 tahun dahulu untuk memerangi ancaman subversif dan bukan diwujudkan khususnya untuk memerangi ancaman dadah.

Walaupun di bawah Emergency Ordinance 1969 Kerajaan menggunakan Ordinan Darurat tersebut untuk mengeluarkan arahan tahanan tanpa dibicarakan kepada sesiapa yang disyaki terlibat dalam pengedaran dadah tetapi kuasanya terhad kepada hanya dua tahun sahaja.

Oleh itu terdapatlah pusat-pusat perlindungan yang diwujudkan di negara kita ini iaitu di Pulau Jerjak, di Batu Gajah dan di Muar di mana mereka ditahan di bawah Ordinan Darurat tadi disimpan ataupun disekat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian semenjak tahun 1975 sehinggalah pada tahun 1982 terdapat lebih kurang 3,872 orang yang ditahan di bawah Ordinan Darurat tersebut. Pada tahun 1983 sahaja terdapat 764 orang dan pada tahun 1984 1,008 orang. Pada tempoh 3 bulan tahun ini 119 orang telah pun ditahan di bawah Ordinan Darurat di ketiga-tiga tempat yang saya sebutkan tadi.

Kita berpendapat bahawa tahanan tanpa perbicaraan selama dua tahun ini tidak mencukupi kerana mereka yang ditahan di Pulau Jerjak baik pun di Muar ataupun di Batu Gajah hanya menunggu masa untuk dilepaskan dan mereka yang menjadi ketua syndicate, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, menganggap penghantaran mereka ke Pulau Jerjak sebagai satu masa untuk makan angin, tunggu masa sahaja bila hendak dilepaskan supaya mereka boleh dibebaskan dan balik kepada perniagaan mereka yang lumayan itu.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, terdapat beberapa orang ketua syndicate yang masih ditahan di bawah Ordinan Darurat di Pulau Jerjak sekarang. Jadi jika undang-undang yang dikemukakan untuk diluluskan dalam Dewan yang mulia ini telah diluluskan, bermakna Kerajaan mempunyai satu kuasa yang lebih luas lagi kalau dibandingkan dengan Ordinan Darurat 1969.

Mengikut Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan menahan siapa sahaja yang terlibat dalam pengedaran dadah selama dua tahun dan jika perlu selcpas tamatnya tahanan tersebut ia boleh disambung tahanannya selama dua tahun lagi dan setcrusnya Kerajaan berpendapat bahawa dengan adanya ketidaktentuan tahanan itu maka mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah ini mungkin akan

berkurangan dan akan berasa takut dan mungkin kemasukan dadah ke negara kita ini akan berkurangan.

Masalah penagihan sepertimana yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat memanglah menjadi masalah yang berat yang dipikul oleh Kerajaan. Sepertimana yang dijelaskan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini terdapat sekarang 104,255 orang penagih dadah yang berdaftar. Mungkin bilangan ini meningkat kepada angka hampir setengah juta atau "mungkin lebih daripada itu, kalau kita ambil kira mereka yang tidak berdaftar.

Atas saranan Ahli Yang Berhormat Senator Dato Kamaruzzaman supaya pusat-pusat yang terdapat di negara ini harus ditukar namanya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana ada juga pusat-pusat yang telah pun ditukar namanya. Walaupun saya tidak ada maklumat yang tepat seperti Pusat di Bukit Mertajam diubah kepada Pusat Perlindungan Harapan, begitu bunyinya. Walau bagaimanapun, inginlah saya menegaskan di sini dengan ditukarnya nama pusat-pusat pemulihan itu kepada nama yang lebih baik lagi, tidak akan membawa makna yang lebih elok jikalau selepas penagih-penagih mendapat rawatan dan pemulihan di pusat-pusat tersebut mereka kembali ke pangkuan masyarakat, mereka tidak diterima oleh masyarakat bahkan oleh keluarganya sendiri.

Ini akan menjadi beban kepada Kerajaan kerana untuk pengetahuan AhM Yang Berhormat, tiap-tiap seorang penagih yang memasuki pusat-pusat yang terdapat di negara kita ini, Kerajaan membelanja wang lebih kurang \$10 sehari pada tiap-tiap seorang.

Di negara kita ini terdapat 6 buah pusat pemulihan iaitu Pusat Serenti di Tampin, Pusat Serenti di Perlop, Pusat

Pemulihan Dadah Bukit Mertajam, Pusat Pemulihan Dadah di Besut, Pusat Pemulihan Dadah di Tampoi dan Pusat Pemulihan Dadah di Sungai Merchong yang dinamakan sebagai "works brigade", Tuan Yang di-Pertua.

Jumlah keseluruhan penagih-penagih dadah yang menjalankan rawatan dan pemulihan di seluruh negara kita adalah sebanyak 1,303 orang. Selain daripada itu sebagaimana juga yang saya terangkan dalam Dewan yang mulia ini, sebagai menjawab soalan yang ditimbulkan petang tadi bahawa terdapat juga penagih-penagih dadah yang menjalankan pengawasan setempat bukan di dalam pusat-pusat pemulihan. Bilangan kes-kes yang di bawah pengawasan pada akhir bulan Februari, 1985 ini adalah sebanyak 6,570 dan bilangan kes di bawah jagaan lanjutan, jagaan lanjutan adalah terdiri daripada mereka yang telah pun tamat rawatan dan pemulihan dan balik ke kampung masing-masing untuk menjalankan jagaan lanjutan selama dua tahun. Bilangan mereka pada akhir bulan Februari tahun ini ialah 1,390 orang. Bermakna 1,390 orang telah pun dilepaskan balik daripada pusat-pusat pemulihan yang terdapat di negara kita ini.

Kita jangan juga lupa bahawa di penjara-penjara di seluruh negara terdapat juga penagih-penagih dadah yang melakukan kesalahan jenayah yang berkaitan dengan dadah dan juga mereka yang menjadi pengedar secara kecil-kecilan dan menjadi penagih secara kecil-kecilan terdapat; bilangan 4,672 orang di dalam penjara di seluruh negara yang terdiri daripada mereka yang menjadi penagih ataupun menjadi pengedar-pengedar kecil-kecilan. Bermakna terdapat di seluruh negara kita sekarang ini angka lebih kurang 13,935 orang penagih dadah yang menjalankan rawatan dalam

pusat-pusat dan pengawasan jagaan lanjutan dan juga penjara-penjara di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita menghadapi masalah di pusat-pusat pemulihan kerana terdapat mereka yang belum tamat tempoh rawatan dan pemulihan cuba melari diri daripada pusat-pusat itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian pada tahun 1983 sahaja terdapat 634 orang penagih dadah yang lari daripada pusat-pusat pemulihan dadah. Pada tahun 1984 terdapat 445 orang yang berjaya melari diri dan pada tahun ini sehingga bulan Mac, 49 orang telah pun melari diri daripada pusat-pusat pemulihan dadah.

Mungkin banyak orang akan bertanya kenapakah begitu banyak bilangan penagih dadah yang lari keluar daripada pusat-pusat pemulihan. Jawapannya cukup senang. Seorang yang menjadi penagih dadah ini adalah seorang ataupun jenis manusia yang susah untuk dikawal, dia pandai berhelah dan berbagai-bagai masalah yang akan ditimbulkan supaya dia boleh keluar untuk mencari "benda" itu untuk mengatasi ketagihan.

Inilah masalah yang kita hadapi di pusat-pusat pemulihan. Walau bagaimanapun, ingin saya menjelaskan di sini bahawa pusat-pusat yang terdapat di negara kita ini merupakan pusat-pusat yang terbaik yang menjalankan rawatan atau proses rawatan dan pemulihan yang terbaik, kalau tidak terbaik di rantau ini mungkin terbaik di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Abdulah yang telah menekankan tentang ajaran agama yang perlu kita ajarkan kepada murid-murid kita, terutamanya

mereka yang beragama Islam kerana terdapat begitu banyak bilangan penagih dadah yang terdiri daripada orang Melayu yang beragama Islam di negara ini.

Saya bersetuju seratus peratus dengan saranan daripada Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamad Noor bin Abdulah kerana jika seseorang itu, orang Melayu beragama Islam telah mendapat didikan dan pengajaran Islam yang sempurna mungkin, besar kemungkinan dia tidak akan memandang kepada dadah sebagai satu jalan untuk keluar untuk mengatasi masalah frustration dan seterusnya.

Juga kepada Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memuji pihak Kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji Rang Undang-undang ini dan mendapat pandangan dan pendapat daripada orang ramai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, saya selaku Pengerusi Jawatankuasa tersebut telah menjelajah di seluruh negara dan berjumpa beratus-ratus orang masyarakat yang telah memberi pendapat dan pandangan yang amat membina dan amat berguna kepada kami. Kebanyakan daripada mereka menyokong usaha Kerajaan untuk memerangi wabak dadah ini. Ada juga di antara mereka yang menentang Kerajaan atau menentang Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh Kerajaan atas sebab ianya memperuntukkan peruntukan tahanan tanpa perbicaraan. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa keseluruhannya orang ramai menyahut baik cadangan Kerajaan untuk memperkenalkan satu undang-undang khas memerangi wabak dadah dari segi pengedarannya.

Pada Yang Berhormat Senator Nen Abidah, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tentang saranan beliau agar masalah arak juga diambil perhatian iklan-iklan yang memabukkan masyarakat harus diharam, ini akan diambil perhatian oleh Kementerian Dalam Negeri agar ianya dapat dilaksanakan supaya benda-benda yang tidak baik ini boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap dan memberi beberapa pandangan dan pendapat yang amat berguna dan saya percaya telah pun dicatat dan marilah kita semua berdoa agar dengan terdapatnya undang-undang ini, dengan teradanya undang-undang ini, Kerajaan dan juga pihak-pihak yang akan melaksanakannya akan terus melaksanakannya dengan seadil-adilnya kerana dalam masa 5 tahun seperti mana yang termaktub dalam peraturan undang-undang ini, undang-undang ini akan dikaji semula. Kita tidak ingin melihat 5 tahun kemudian ataupun 5 tahun yang akan datang ini, apabila undang-undang ini dikaji semula didapati banyak perkara-perkara yang telah pun disalahguna oleh pihak-pihak yang tertentu. Marilah kita semua berdoa mudah-mudahan dengan adanya Rang Undang-undang ini, masalah pengedaran dadah akan berkurangan kalau pun tidak dihapuskan.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.16 malam

Penyata Rasmi Parlimen bagi Dewan Negara, Parlimen Keenam, Jilid III, Bilangan 9 akan dimulakan dari muka surat 2493.